

**Bil. 9**

**Khamis  
22 Jun 1995**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 1]

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan  
(1994 dan 1995) 1995

[Ruangan 19]

### USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994 dan  
Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1995

[Ruangan 24]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan  
daripada Peraturan Mesyuarat

[Ruangan 60]

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR  
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.  
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,  
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,  
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,  
DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T.,  
P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI  
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,  
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN  
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,  
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN  
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.  
(Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,  
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW  
PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

- Yang Berhormat Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim — Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., A.M.N., P.B.S., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T, J.P. (Tapah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR ( Tebrau).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI APDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULO K BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).

- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- „ TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM (Seremban).

Yang Berhormat TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).

- „ TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR L. KRISHNAN (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- „ DR G. LEELAVATHI (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR MAXIMUS JOHNNITY ONGKILI (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).



Yang Berhormat TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

- ” TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- ” DATO’ HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- ” TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- ” TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- ” TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- ” DR NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- ” DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- ” TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- ” TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- ” DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Bagan).
- ” TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- ” TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- ” DATO’ HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- ” TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- ” DR RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- ” TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- ” TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- ” PUAN ROHANI BINTI ABDUL KARIM (Santubong).
- ” TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- ” TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- ” DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- ” DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- ” PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- ” DATUK S’NG CHEE HUA (Julau).
- ” DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- ” PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- ” DATO’ HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).
- ” DR TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- ” DR TAN KEE KWONG (Segambut).
- ” TUAN TAN KOK WAI (Cheras).

Yang Berhormat DR TAN SENG GIAW (Kepong).

- „ DR TAN YEE KEW (Klang).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- „ DR YAP YIT THONG (Lumut).
- „ DR YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,  
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik.
- Pemangku Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

**CAWANGANDOKUMENTASI**

- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.  
Haji Suhor bin Husin.
- : Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.  
Hajah Supiah binti Dewak.  
Ismail bin Haji Hassan.  
Hajah Kalsom binti Ghazali.  
Mohamed bin Osman.  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani.  
Zaharah binti Naim.  
Norwahidah binti Azizi.  
Rozita binti Abd. Samad.  
Jainah binti Sakimin.  
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

**CAWANGANBENTARA**

- Bentara Mesyuarat : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 22hb. Jun, 1995

*Mesyuarat dimulakan pada  
pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAANSOCSO — KEMUDAHAN  
PAMPASAN DAN FAEDAH  
PERSARAAN PENCARUM1. Che Ibrahim bin Mustafa minta  
Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) bilangan pencarum-pencarum SOCSO;
- (b) adakah semua majikan mendaftarkan pekerja mereka dengan SOCSO;
- (c) adakah SOCSO menghadapi masalah untuk mendaftarkan pekerja-pekerja ini; dan
- (d) selain daripada kemudahan pampasan dan faedah persaraan, nyatakan faedah-faedah lain yang disediakan untuk para pencarumnya.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 April 1995 bilangan pekerja yang berdaftar dengan PERKESO adalah 7,133,839 orang, manakala jumlah majikan yang berdaftar adalah 250,685.

Majikan-majikan yang berdaftar dengan PERKESO mendaftarkan pekerja-pekerja mereka. Bagi majikan-majikan yang layak tetapi tidak mendaftarkan perusahaan atau pekerja mereka, PERKESO menjalankan usaha-usaha berterusan mengesan mereka melalui lawatan dan pemeriksaan sepanjang masa untuk memastikan mereka mematuhi kehendak-kehendak Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

PERKESO tidak menghadapi masalah mendaftarkan pekerja-pekerja berkenaan apabila mereka dikesan secara demikian. Walau bagaimanapun, ingin saya menjelaskan bahawa pekerja-pekerja yang sepatutnya didaftarkan tetapi belum dilakukan oleh majikannya tetap layak dipertimbangkan faedah yang disediakan di bawah Skim Bencana Pekerjaan, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 jika berlaku suatu bencana kerja terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, faedah-faedah yang disediakan oleh PERKESO bukanlah dalam bentuk pampasan atau faedah persaraan sahaja tetapi berbentuk faedah tunai dan/atau berbentuk kebendaan/peralatan. Pekerja-pekerja yang dilindungi di bawah Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat PERKESO boleh menikmati faedah-faedah seperti berikut:

- (i) Faedah Perubatan;
- (ii) Faedah Hilang Upaya Sementara dan Kekal;
- (iii) Faedah Pengurusan Mayat;
- (iv) Faedah Orang Tanggungan;
- (v) Elaun Layanan Sentiasa;
- (vi) Pencen Ilat;

- (vii) Pencen Penakat;
- (viii) Kemudahan-kemudahan untuk latihan pemulihan jasmani dan vokasional; dan
- (ix) Bekalan anggota-anggota tiruan dan alat-alat bantuan lain seperti kerusi roda, kasut khas, alat pendengaran dan sebagainya, termasuk kos pembetulan dan menggantikannya apabila berlaku kerosakan.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila seseorang pekerja membuat tuntutan faedah-faedah kepada SOCSO selalunya berapa lamakah tuntutan tersebut boleh diperolehi?

**Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, PERKESO memang ada Piagam Pelanggannya dan saya difahamkan bahawa sebarang tuntutan faedah hilang upaya sementara, bayaran permulaan dibuat dalam masa sebulan. Bayaran jangka panjang pula dibuat dalam masa tiga bulan dari tuntutan.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa satu daripada bayaran yang dibuat ialah hilang upaya kekal (permanent disability). Bagi faedah hilang upaya ini adakah dibayar sampai dia mati ataupun kepada anak dan isterinya kemudian?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, ianya dibayar kepada beliau sehingga ke akhir hayatnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob.

**Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob:** Pembetulan Tuan Yang di-Pertua, potong perkataan "Tentera" di paragraph yang kedua menjadikan "Angkatan Bersenjata". Soalan saya yang ke-2.

#### ANGKATAN BERSENJATA — JUMLAH TENTERA WANITA

2. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pasukan tentera wanita berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata sekarang; dan
- (b) adakah ianya cukup bagi memberikan khidmat cemerlang kepada negara dan apakah jenis-jenis yang diberikan kepada tentera wanita.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah anggota tentera wanita dalam perkhidmatan ATM adalah seramai 7,000 orang sekarang.
- (b) Jumlah kekuatan anggota wanita adalah mencukupi dalam ATM. Jenis-jenis tugas yang dipertanggungjawabkan adalah semua bidang tugas ketenteraan kecuali tugas-tugas combat sahaja.

**Tuan Haji Buniyamin bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang untuk menghantar angkatan tentera kita untuk berkhidmat dengan Pasukan Pengaman Bangsa-bangsa Bersatu seperti di Bosnia dan sebagainya? Dan adakah kerajaan memberi peluang kepada angkatan bersenjata kita untuk menjadi pemandu pesawat tempur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pemandu pesawat apa?

**Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob:** Pesawat tempur.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk tugas pengamanan PBB ianya bergantung kepada kesesuaian tugas yang dikehendaki maka pihak kaum wanita akan dipertimbangkan untuk sama-sama diterapkan bertugas di sana, kecuali dalam bidang pertempuran (combat) maka kita tidak akan meletakkan anggota wanita dalam bidang tersebut. Begitu juga hendak mengadakan pemandu (pilot) pesawat tempur, setakat ini kita belum lagi mempunyai kaum wanita yang cukup sesuai untuk tujuan tersebut.

**Puan Aion Khariyah binti Mohd. Abas:** Tuan Yang di-Pertua, tadi dikatakan bahawa angkatan tentera wanita ini terkecuali dalam bidang-bidang kombat. Jadi, saya ingin hendak tanya adakah 'keterkecualian' ini menjejaskan peluang anggota-anggota tentera wanita ini untuk menjawat jawatan khususnya dalam peringkat hirarki yang tertinggi.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada halangan bagi mana-mana kaum untuk terus meningkat dalam hirarki mana-mana jawatan dalam kerajaan, terpulang kepada kewibawaan kerja-kerja dan keupayaan seseorang anggota itu.

**JALAN RAYA DARI BELAGA -  
BAKUN/BELAGA - TUBAU/KAPIT  
- SG. BENA (SUT) BATANG  
BALLEH/KAPIT - BANDAR SONG  
— CADANGAN PEMBINAAN**

3. **Tuan Billy Abit Joo** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kementerian tersebut bercadang membina sebuah jalan raya dari:

- (i) Belaga ke Bakun;
- (ii) Belaga ke Tubau;
- (iii) Kapit ke Sg. Bena (Sut) Batang Balleh; dan
- (iv) Kapit ke Bandar Song.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya tidak ada cadangan untuk membina jalan raya daripada Belaga ke Bakun. Walau bagaimanapun, Kementerian dimaklumkan, pihak kerajaan Negeri Sarawak bercadang melaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh di bawah Rancangan Pembangunan Jalan Raya Negeri.
- (b) Kementerian Kerja Raya juga tidak ada rancangan untuk membina jalan raya yang menghubungi Belaga terus ke Tubau. Walau bagaimanapun, kerajaan Pusat telah meluluskan pembinaan jalan raya dari Tubau ke Bakun di mana projek empangan hidro elektrik Bakun akan dibina. Jalan itu nanti boleh disambungkan dengan jalan negeri dari Bakun ke Belaga.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan jalan Ulu Sungai Sibau/Ng. Antaroh sedang dilaksanakan. Jalan tersebut juga turut menghubungkan Sungai Bena di bahagian Kapit.
- (d) Buat masa sekarang pihak kerajaan belum ada rancangan untuk membina jalan dari Kapit ke Song.

**PENGELUAR KERETA  
MENGEKSPLOITASI PEMBELI**

4. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) adakah kerajaan sedar bahawa banyak pengeluar kereta secara tidak langsung telah mengeksploitasikan pembeli-pembeli kereta baru dengan melakukan "Optional Accessories" radio, "sport rims", plastic panel (wood appreance), "gear lock" dan sebagainya sebagai barang kewajipan (compulsory items) secara tidak langsung dalam kereta baru di mana harga bagi aksesori-aksesori tersebut adalah lebih tinggi daripada harga pasaran. Sekiranya, Kementerian-kementerian menyedari hakikat ini, apakah tindakan yang telah diambil dan akan diambil oleh kerajaan. Sila nyatakan butir-butir terperinci di atas tindakan-tindakan tersebut;
- (b) adakah kerajaan sedar bahawa terdapat banyak ejen menjual kereta yang mendesak pembeli-pembeli kereta baru dengan membeli kenderaan melalui Perjanjian Sewa-Beli dan pem-

beli-pembeli harus menandatangani Perjanjian Sewa-Beli dengan syarikat kewangan yang tertentu sahaja, jika tidak maka agen kereta tidak akan menjual kereta kepada pembeli-pembeli. Jikalau Kementerian sedar, apakah tindakan yang telah diambil atau akan diambil.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Aturan Urusan Mesyuarat yang dicetak, maka soalan ini dijawab oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan bukan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Oleh itu, saya mohon mengambil peluang untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ada menerima beberapa aduan dan rungutan daripada orang ramai, khususnya pemilik-pemilik kenderaan bahawa mereka dipaksa membeli aksesori-aksesori pilihan apabila membeli kereta baru. Kementerian memandang serius mengenai perkara ini dan telah mengambil beberapa tindakan bagi menangani di antara lain termasuklah:

- (i) membuat penyiasatan atas aduan yang dibuat dan sekiranya aduan tersebut didapati berasas, tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 1992 akan diambil;
- (ii) memanggil pihak-pihak yang terlibat dan mengarahkan mereka untuk tidak memaksa pembeli membeli aksesori pilihan;

- (iii) mengawasi sistem urusniaga industri kenderaan bagi menentukan tidak berlaku penyelewengan oleh pengeluar-pengeluar kereta yang membebaskan pengguna; dan
- (iv) meminta orang ramai mengemukakan aduan kepada Kementerian sekiranya terdapat mana-mana syarikat pengeluar kereta yang memaksa mereka membeli aksesori pilihan atau berhubung dengan lain-lain penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga ada menerima aduan daripada orang ramai bahawa terdapat ejen-ejen menjual kereta yang mendesak pembeli membeli kereta baru melalui Perjanjian Sewa-Beli dan daripada syarikat-syarikat tertentu sahaja iaitu syarikat-syarikat kewangan tertentu sahaja. Perkara ini juga dipandang serius dan ianya tidak sepatutnya berlaku.

Dalam hubungan ini, Kementerian telah mengambil beberapa tindakan dalam usaha menangani masalah ini, iaitu:

- (i) menjalankan penyiasatan di premis perniagaan yang diadukan sekiranya aduan yang diterima adalah spesifik. Perlu ditegaskan bahawa kebanyakan aduan yang diterima adalah terlalu umum dan tidak boleh diambil tindakan yang sewajarnya;
- (ii) memanggil syarikat-syarikat yang terlibat untuk disoal-siasat. Dalam hubungan ini daripada siasatan yang dijalankan adalah didapati bahawa syarikat-pengeluar kereta tidak pernah menetapkan peraturan atau dasar sedemikian;

- (iii) mengadakan pemeriksaan berterusan di syarikat-syarikat pengeluar kereta bagi menentukan tidak berlaku penyelewengan dalam usaha perdagangan seperti mengenakan syarat-syarat yang menyusahkan pengguna; dan
- (iv) mengadakan seminar pendidikan peniaga supaya mereka lebih bertanggungjawab, berdisiplin, beretika dan sentiasa mengamalkan perdagangan yang sihat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar ada ejen-ejen kereta ini kadang-kadang mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai stok kereta, tetapi sebenarnya kereta itu boleh didapati setelah pembeli-pembeli ini memberi 'wang kopi' ataupun 'under the counter' kepada jurujual ataupun kepada ejen-ejen tersebut.

Adakah pihak Kementerian membuat lawatan mengejut ke ejen-ejen kereta ini dan memastikan bahawa stok yang mereka terima dari pembekal atau pengilang dan juga penjualan yang telah dilakukan kepada pembeli-pembeli, kerana kebanyakan pembeli yang mendaftar begitu lama kadang-kadang tidak dapat kerana tidak memberi wang sogokan untuk memudahkan pembelian kereta ini?

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian tidak ada menerima aduan yang spesifik seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Yan sebentar tadi.

Mengenai wang sogokan yang diberi kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk membolehkan kereta diberi dengan



secepat mungkin, jika aduan yang spesifik dapat disampaikan kepada Kementerian, maka kita akan mengambil tindakan yang selanjutnya. Salah satu daripada tindakan ialah meminta supaya syarikat yang melantik pihak yang berkenaan menjadi ejen membatalkan perlantikan yang berkenaan kerana kita memandang serius mengenai perkara ini.

Mengenai lawatan mengejut yang dicadangkan untuk memastikan stok kereta di ejen-ejen penjual, maka ini akan diambil perhatian oleh Kementerian dan jika perlu kita berbuat demikian supaya dapat memastikan perniagaan ini berjalan dengan baik dan lancar.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan bahawa tidak ada aduan yang spesifik, itu tidak berapa benar oleh kerana saya ada menulis beberapa pucuk surat kepada Kementerian mengadu perkara ini. Oleh kerana orang awam ada mengadu kepada saya dan saya pun ada mendapat surat dari Kementerian, bahawa Kementerian akan mengambil tindakan dalam perkara ini, tetapi sehingga hari ini amalan ini masih berleluasa. Sama ada kerajaan berhasrat untuk mengeluarkan satu regulasi bawah aksesori kereta yang tidak terlibat dengan 'roadworthiness', dengan izin, dengan kenderaan, maka pengeluar tidak boleh memaksa pembeli untuk membeli aksesori-aksesori seperti radio cassette, sport rim, wood-panel di dashboard dan gearlock dan sebagainya. Jikalau pengeluar kereta ini tidak mematuhi regulasi ini kerajaan bolehkah mendenda mereka dengan denda yang tinggi?

Kedua, sama ada Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu nasihat melalui Dewan yang mulia ini kepada orang awam bahawa jikalau pengeluar kereta memaksa mereka untuk membeli aksesori optional seperti radio cassette

dan sebagainya, mereka ada hak untuk menolak pembelian itu dan merayu kepada Kementerian dengan segera dan saya rasa Kementerian juga boleh memeriksa setiap pengeluar kereta, oleh kerana mereka ada price list. Bolehkah bertindak memeriksa list itu sama ada dimasukkan aksesori itu dan juga menetapkan satu regulasi spesifik untuk menunjukkan bahawa pembeli kereta tidak payah membeli aksesori yang tersebut?

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, pertama, penjelasan mengenai apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang mengenai aduan spesifik. Yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan ialah dari segi bayaran di bawah meja ataupun wang sogokan. Ahli Yang Berhormat telah kompelin kepada Kementerian mengenai aksesori. Jadi, ada beza di antara dua perkara itu.

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, biarlah Menteri menjawab dahulu.

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, jadi saya hendak menjelaskan perkara itu. Dari segi aksesori memang kita terima banyak aduan daripada Ahli Yang Berhormat.

Mengenai peraturan khas yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, sebelum saya menjawab perkara itu saya suka menyatakan oleh kerana Ahli Yang Berhormat ada menyebut berkenaan radio cassette. Radio cassette yang sebenarnya adalah merupakan salah satu daripada aksesori standard yang telah diluluskan oleh kerajaan. Jadi, oleh itu bukan merupakan aksesori optional — iaitu, pertama radio cassette; kedua, kunci berpusat (central locking); ketiga,

penghawa dingin (air-conditioner); keempat, sistem penggera (alarm system); kelima, anti-karat (anti-rust); dan yang keenam, tingkap berkuasa (power window). Ini adalah aksesori standard yang telah diputuskan oleh kerajaan dan oleh itu termasuk di dalam kereta yang dijual oleh mana-mana pihak. Yang lain selain daripada yang enam ini, suka saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa pengguna adalah berhak untuk menolak dan tidak membeli barangan yang lain daripada apa yang telah ditetapkan sebentar tadi.

Jadi, sekiranya ada pihak-pihak yang dipaksa membeli aksesori tambahan selain daripada yang enam ini boleh mengadu kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya kita ambil tindakan yang tegas kepada ejen-ejen berkenaan ataupun syarikat-syarikat pengeluar kereta yang berkenaan.

#### KEMUDAHAN SUKAN/REKREASI DI SEBERANG PERAI — PENYEDIAAN

5. **Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah kemudahan-kemudahan sukan dan rekreasi yang akan dibina oleh Menteriannya di Seberang Perai untuk digunakan oleh orang ramai di kawasan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Puan Shahrizat binti Abdul Jalil):** Tuan Yang di-Pertua, bagi kawasan Seberang Perai Kementerian telah membina sebuah mini kompleks sukan yang telah siap pembinaannya pada tahun 1990. Kompleks tersebut bernilai RM92,600 dan diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai. Kemudahan sukan yang terdapat di

kompleks tersebut adalah gelanggang bola jaring, gelanggang sepak takraw dan gelanggang bola tampar.

Kementerian pada dasarnya merancang untuk membina seberapa banyak kemudahan-kemudahan sukan bagi kegunaan semua lapisan masyarakat setempat. Pembangunan berkenaan meliputi sukan "mass sports", dengan izin dan jenis sukan "high performance", dengan izin.

Kementerian Belia dan Sukan telah menubuhkan satu Pasukan Petugas untuk mengkaji kemudahan-kemudahan sukan di seluruh negara. Kajian ini membolehkan Kementerian mengenal pasti kemudahan-kemudahan tambahan yang perlu disediakan di seluruh negara sehingga ke peringkat daerah. Sebuah pelan pembangunan fizikal sukan negara hingga tahun 2020 juga akan disediakan. Penyediaan pelan ini akan meliputi pengubalan norma-norma kemudahan sukan sama ada mengikut kepadatan penduduk atau keluasan kawasan. Bagi kawasan-kawasan yang tertentu, pihak berkuasa tempatan bolehlah mewujudkan kemudahan sukan dan rekreasi mengikut norma-norma yang ditetapkan itu.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Belia dan Sukan telah mengemukakan cadangan kepada agensi pusat untuk membina sebuah Pusat Rakan Muda bernilai RM5.5 juta bagi Seberang Perai. Terima kasih.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah Menteriannya ber-cadang mengadakan sebuah stadium di Seberang Perai untuk mengadakan kebanyakan pertandingan atlit dan sebagainya? Adakah Kementerian mem-

buat rancangan yang terperinci untuk menjalankan Program-program Rakan Muda dengan kemudahan sukan yang sedia ada dan dengan kemudahan sukan yang akan disediakan?

**Puan Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, buat soalan tambahan yang pertama, setakat ini tidak ada pelan yang khusus untuk membina stadium. Saya kira jika masanya datang dengan tepat, insya-Allah Kementerian akan membuat kajian tertentu.

Untuk soalan kedua, Program Rakan Muda ini dijalankan antara Kementerian, pihak swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGOs). Jadi, pada hemat Kementerian, jikalau badan-badan bukan kerajaan dan swasta di Seberang Perai ingin meningkatkan lagi program dan aktiviti Rakan Muda di Seberang Perai, kita terima dengan tangan yang terbuka dan akan bekerjasama dengan semua yang berkenaan di kawasan Seberang Perai.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian yang telah membuat rancangan untuk belia-belia. Tetapi masalahnya sekarang ialah penglibatan belia-belia di daerah begitu terhad kerana kemudahan-kemudahan juga terhad. Tadi dikatakan bahawa kemudahan akan ditambah. Soalan saya ialah, apakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan konsep satu daerah satu kompleks ataupun membina satu stadium satu daerah yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan latihan seperti gimnasium dan sebagainya.

Soalan yang kedua ialah masalah jurulatih di peringkat daerah begitu terhad. Adapun jurulatih yang ada ialah mereka yang bertugas secara sukarela.

Apakah Kementerian bercadang untuk melantik jurulatih-jurulatih khas sepenuh masa di tiap-tiap daerah di bawah Kementerian berkenaan?

**Puan Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada cadangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian telah pun mencadangkan di semua daerah supaya ada pembinaan Pusat Rakan Muda dan pusat ini dijadikan sebagai satu pusat yang menyediakan kemudahan untuk golongan belia menjalankan aktiviti-aktiviti yang dirancang di bawah Program Rakan Muda. Ia juga akan merupakan pusat pentadbiran belia dan sukan di peringkat daerah. Kerajaan Malaysia melalui Kementeraan Belia dan Sukan berhasrat membina pusat ini di semua daerah, termasuklah daerah Yang Berhormat nyatakan tadi di seluruh Malaysia. Keluasan tapak setiap lokasi adalah di antara 10 hingga 15 ekar.

#### KEMAS — SYARAT PERKHIDMATAN DAN IMBUHAN KEPADA KAKITANGAN

6. Tuan Md. Isa bin Sabu minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula keselesaan perkhidmatan dan imbuhan kepada anggota-anggota KEMAS. Kalau ya, bila. Kalau tidak, kenapa.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Dato' K. Kumaran):** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ya. Kerajaan sememangnya sentiasa mengkaji syarat-syarat perkhidmatan dan pemberian imbuhan kepada kakitangan Perkhidmatan Awam termasuk KEMAS. Kementerian saya telah mengemukakan

kertas cadangan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia pada 9hb Januari tahun ini berkaitan dengan perkhidmatan dan pemberian imbuhan kepada kakitangan KEMAS.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pihak KEMAS juga berfungsi untuk membimbing kanak-kanak dari kawasan luar bandar dengan mengadakan kelas-kelas Tabika, akan tetapi sehingga hari ini peruntukan yang diberikan kepada pihak KEMAS memang tak mencukupi, mengakibatkan kelas-kelas Tabika menghadapi kekurangan peralatan dan kelengkapan. Oleh itu, sentiasa Wakil-wakil Rakyat dirujuk untuk mencari peruntukan bagi membantu mereka. Jadi, soalan saya, adakah Kementerian yang berkenaan akan menambah peruntukan bagi tujuan yang saya sebutkan tadi itu?

**Dato' K. Kumaran:** Sukacita dimaklumkan bahawa pagi tadi kita ada satu perjumpaan dengan Wakil-wakil Rakyat yang minat dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar di mana Yang Berhormat Menteri telah bersetuju untuk menambahkan satu peruntukan yang besar pada tahun hadapan. Di samping itu, kita juga minta sokongan daripada Wakil-wakil Rakyat terus membantu kepada anak-anak di kelas Tabika kerana anak-anak itu anak-anak pengundi kita. *(Ketawa)*

#### BANJIR — STRATEGI MENANGANI MASALAH

7. **Dr. Tan Yew Kew** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Menteriannya mempunyai rancangan untuk menubuhkan satu unit khas untuk menyiasat masalah banjir di seluruh negara dan membentuk satu strategi keseluruhan untuk mengawal banjir.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Datuk Abu Bakar bin Taib):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Pertanian tidak bercadang untuk menubuhkan satu unit khas untuk menyiasat masalah banjir di seluruh negara. Ini kerana kerajaan telah pun menubuhkan Suruhanjaya Tetap bagi mengawal banjir pada tahun 1971, dan sejak penubuhan tersebut beberapa kajian limbangan sungai dan kajian pelan induk saliran bandar telah pun dirancang untuk menangani masalah banjir.

Untuk makluman Yang Berhormat, berasaskan kajian-kajian tersebut, program-program tebatan banjir dan saliran bandar telah diberi keutamaan oleh kerajaan, di mana peruntukannya telah meningkat dari RM14 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua kepada RM431 juta di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan sebanyak RM366 juta bagi tempoh antara 1971-1990. Sebanyak RM305 juta telah dibelanjakan bagi tempoh 1991-1994.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar masalah banjir bukan disebabkan oleh sungai sahaja, tetapi banyak punca-punca yang lain yang bukan di bawah Kementerian Pertanian atau DID. Maka apa gunanya pelan induk membanteras banjir yang digubal oleh Kementerian Pertanian kalau punca-punca lain seperti longkang tersumbat, projek perumahan, kerja-kerja tanah yang tidak terkawal dan sebagainya tidak dapat diatasi. Maka apa gunanya. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** . . . . sebarang pelan induk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila bertanya.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ya. Soalan yang kedua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana ada, baru soalan yang pertama sahaja, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Apa guna pelan induk yang digubalkan oleh Kementerian Pertanian. Soalan kedua, khususnya mengenai banjir kilat di Kuala Lumpur. Saya difahamkan Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan telah bertujuan untuk mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur ini pada tahun 2007. Pelan yang digubalkan itu adalah dimulai pada tahun 1973, selepas banjir raksasa di Kuala Lumpur pada tahun 1971. Mengapakah untuk mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur, satu bandar sahaja memerlukan lebih daripada 30 tahun, sedangkan negara kita bercita-cita menjadi negara maju dari sekarang hanya memerlukan 25 tahun sahaja. Kalau banjir merupakan satu masalah tidak dapat diselesaikan dalam masa 30 tahun, tiga dekad, macam mana negara boleh mencapai negara maju.

Saya harap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ambil perhatian ke atas perkara ini. Ini satu perkara yang sangat serius.

**Seorang Ahli:** Buang masa sahaja!

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Satu perkara sahaja tidak dapat diselesaikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cheras, cukuplah.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** (*Menyampuk*)

**Tuan Tan Kok Wai:** Apakah berkaitan . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak ada penjelasan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini Kementerian Perusahaan Utama, tidak ada berkaitan langsung. Duduklah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Cheras. Yang Berhormat sila jawab.

**Datuk Abu Bakar bin Taib:** Apa soalan? (*Ketawa*)

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya ulang sekali lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Bukan!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukuplah!

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini bukan satu keadilan untuk saya dan untuk Dewan ini. Saya sudi mengulang lagi dengan. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tak faham soalan Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tak faham soalan pun, tidak layak duduk di sini!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat!

**Tuan Tan Kok Wai:** Aah! patutlah meletak jawatan. Soalan yang jelas ini pun tidak dapat difahami.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cheras! Cheras! sila duduk. (*Pembesar suara dimatikan*) Yang Berhormat sila duduk. Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat. Tak apalah. Kita masuk soalan ke-8, Yang Berhormat Dato' Hon Choon Kim.

**GURU — KAJIAN SEMULA  
GANJARAN DAN TARAF  
EKONOMI**

8. **Dato' Hon Choon Kim** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah positif yang akan diambil untuk mengkaji semula ganjaran-ganjaran dan taraf ekonomi di kalangan guru-guru sekolah kerajaan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah pun mewujudkan jawatan-jawatan kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dan Bukan Siswazah sebagai Guru Cemerlang dan Pengetua Cemerlang. Malahan sebanyak 124 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah Gred DG6 telah dinaikkan sebagai Guru Cemerlang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah Gred DG5 sebagai Guru Cemerlang, dan 124 orang Pegawai Perkhidmatan Siswazah Gred DG3 telah dinaikkan sebagai Guru Cemerlang atas Gred DG2.

Selain daripada itu, Kementerian akan memohon supaya lebih banyak jawatan kenaikan pangkat Guru Cemerlang diwujudkan. Di samping itu, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji untuk menaikkan taraf skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah ke peringkat Diploma.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengalu-alukan Kementerian membuat pengajian baru untuk mengkaji dan

meningkatkan tahap ekonomi para guru. Jadi, soalan saya berbangkit satu perkara iaitu soalan guru yang berpindah atau bertugas di luar bandar, terutama sekali di tempat-tempat yang terpencil, adakah Kementerian bercadang untuk membuat satu insentif ataupun hardship allowance diberi kepada mereka yang betul-betul tertekan.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang peka, sensitif, sedar tentang kesulitan yang dihadapi oleh guru-guru kita yang harus berkhidmat di kawasan-kawasan pedalaman demi untuk kepentingan anak-anak kita. Kementerian Pendidikan selalu dan sentiasa mengadakan program-program untuk menjadikan suasana perkhidmatan mereka lebih elok dan lebih senang. Dalam konteks ini, Kementerian Pendidikan mengutamakan pelaksanaan projek-projek rumah-rumah guru khususnya membina rumah-rumah guru di tempat di mana guru-guru kita tidak mempunyai kemudahan langsung untuk duduk dan sebagainya.

Di samping itu juga, Kementerian Pendidikan memberi keutamaan kepada guru-guru kita yang telah berfungsi dengan berkesan di kawasan-kawasan pedalaman untuk membolehkan mereka menghadiri seminar-seminar dalam negeri dan seminar antarabangsa dan sebagainya. Dan juga untuk memberi keutamaan pertimbangan yang sewajarnya dalam proses kenaikan pangkat.

**Che Ibrahim bin Mustafa:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tiap-tiap tahun lebih kurang 6,000 guru-guru kita telah memohon untuk meletakkan jawatan yang secara puratanya 500 orang tiap-tiap bulan. Dan mereka adalah kumpulan guru-guru yang pada awalnya

sangat dedikasi dan semasa temuduga dahulu mereka menjadikan guru sebagai profesion yang utama. Mengapakah fenomena ini berlaku dan apakah ini ada kaitannya dengan masalah-masalah dan persoalan-persoalan kebajikan, perkhidmatan, ganjaran-ganjaran ekonomi serta soal-soal kebajikan guru-guru itu sendiri?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Malaysia merupakan sebuah negara mengamalkan ekonomi yang bebas yang berpegang kepada prinsip 'free economy', dengan izin, jadi memang guru-guru sebagai seorang individu memang mencari peluang-peluang untuk menaikkan taraf ekonomi mereka dalam konteks peluang-peluang yang ada dalam sistem ekonomi kita. Dalam konteks ini, Kementerian Pendidikan berpendapat mempunyai banyak alasan-alasan yang menyebabkan sebilangan guru-guru ini meletakkan jawatan mereka. Di antaranya ialah kemakmuran ekonomi kita di mana guru-guru khususnya di masa sekarang ada pilihan yang banyak seperti kolej swasta, sekolah-sekolah international dan sebagainya. Dan kita tidak boleh nafikan peluang-peluang untuk mereka ini.

Jadi, untuk mempertahankan kedudukan Kementerian Pendidikan, kita akan berterusan melaksanakan program-program seperti memberi peluang-peluang guru-guru sekolah rendah untuk melanjutkan pendidikan mereka di universiti tempatan dan sebagainya supaya mereka boleh dinaikkan pangkat sebagai guru siswazah, dan untuk guru-guru siswazah kita seterusnya memberi peluang mereka untuk dinaikkan taraf untuk mendapat ijazah Masters, PhD dan sebagainya. Kementerian Pendidikan akan berterusan mengadakan program-program ini untuk menaikkan suasana pekerjaan guru-guru.

### KEMALANGAN PESAWAT TENTERA UDARA — LANGKAH MENGATASI

**9. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) mengapakah sejak kebelakangan ini kerap berlakunya kemalangan udara semasa latihan yang melibatkan ramai anggota tentera udara kita terkorban. Adakah kemalangan ini disebabkan kurangnya latihan dan kemahiran juruterbang-juruterbang ataupun disebabkan oleh kerosakan pesawat-pesawat pejuang itu sendiri; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan tidak akan berlakunya kemalangan tersebut di masa yang akan datang dan berapakah jumlah kerugian yang dialami sejak tahun 1990 sehingga 1994 akibat kemalangan tersebut.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kebanyakan kemalangan udara yang berlaku semasa latihan penerbangan adalah disebabkan pelatih masih kurang mahir dan kurang berpengalaman dalam mengendalikan pesawat. Walau bagaimanapun, mereka perlu meneruskan latihan penerbangan untuk mempertingkatkan lagi kecekapan dan kemahiran mereka;
- (b) Langkah-langkah yang diambil untuk memastikan tidak akan berlakunya kemalangan ialah dengan mengkaji punca-punca

kemalangan dan mengambil langkah-langkah bagi mengelakkan kemalangan dari berulang lagi. Bagi tempoh 1990 – 1994 — 8 buah pesawat mengalami kemalangan yang melibatkan kematian 6 juruterbang dan kerugian lebih kurang RM55 juta.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan jenis pesawat yang terbabit dengan kemalangan tersebut dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa untuk melatih seorang juruterbang adalah mengambil masa yang panjang? Dan kalaulah sebab yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ialah kekurangan kemahiran dan pengalaman, adakah ini bermakna kebanyakan juruterbang di dalam TUDM itu tidak mahir, tidak berpengalaman untuk memandu pesawat-pesawat yang canggih di negara kita ini?

Kalau begitu, adakah perkara itu . . .

**Beberapa Ahli:** Cukuplah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukuplah dua soalan tadi!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Cukuplah! Banyak yang mengacau! (*Ketawa*) Saya sudah hendak habis dia mengacau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia orang bilang, Yang Berhormat. (*Ketawa*)

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pertanyaan yang pertama tadi, jenis-jenis pesawat yang terlibat dengan kemalangan adalah seperti berikut:

- 3 daripada Nuri;
- 4 daripada pesawat Pilatus PC's 7; dan
- 1 daripada pesawat Super Puma.

Berkenaan dengan latihan itu sudah tentulah mana-mana latihan pun tidak akan 100% baik ataupun complete, maka dari masa ke semasa mana-mana pusat dan sekolah latihan tidak kira apa bidang sekalipun perlu mempertingkatkan lagi prestasi mereka dengan keadaan semasa.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Kita semua yakin bahawa di antara sebab kemalangan ini berkemungkinan dari segi kualiti alat itu sendiri, jenis kapal terbang oleh kerana itu kita mengucapkan syabas kepada kerajaan meningkatkan tingkatan dan kualiti alat-alat kapal terbang ini dengan membeli kapal-kapal terbang yang baru seperti FA-18. Saya minta sedikit penjelasan daripada Dato' Timbalan Menteri, baru-baru ini kita dengar bahawa Kongres Amerika telah mengenakan satu syarat baru dan syarat ini kita dengar tidak ada kena-mengena dengan kapal terbang. Apakah keputusan dan kedudukan kerajaan tentang pembelian kapal terbang FA-18 ini?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, memang benarlah salah satu sebab mengapa wujud kemalangan adalah oleh kerana pengendalian ataupun pesawat-pesawat yang tertentu itu ada kekurangannya dan sebagainya yang perlu diperbaiki dari masa ke semasa.

Yang keduanya, tentang penekanan Kongres Amerika Syarikat dalam pembelian FA-18 daripada negara Amerika, kita mengatakan sekiranya pihak Kongres masih lagi berdegil untuk meneruskan penekanan melalui Kongres itu maka kita akan mengkaji semula pembelian pesawat jenis FA-18 itu daripada Amerika Syarikat.



**INDUSTRI PEMBINAAN KAPAL  
TEMPATAN — KELONGGARAN  
PERMIT IMPORT AKSESORI**

10. **Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada kerajaan akan mempertimbang untuk melonggarkan (waive) kawalan AP import di dalam bahan pembinaan kapal dan aksesori-aksesori seperti 'standard steel shaft', 'marine wireless radio', radar, 'life saving signals' dan mengurangkan duti-duti import terhadap enjin marin, 'marine power generator', tingkap dan pintu keselamatan marin serta alat-alat keselamatan nyawa agar industri pembinaan kapal tempatan, terutama sekali di Sarawak dapat diperkembangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Kerk Choo Ting):** Tuan Yang di-Pertua, industri pembinaan dan pembaikpulihan kapal adalah merupakan di antara industri yang digalakkan untuk dimajukan terutamanya di koridor timur yang melibatkan kawasan-kawasan pantai timur Semenanjung, Sarawak dan Sabah.

Industri ini telah diwartakan sebagai aktiviti dan keluaran yang layak dipertimbangkan untuk mendapat insentif pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Perkembangan semasa bagi industri ini adalah menggalakkan dan dijangkakan akan terus berkembang dengan lebih pesat lagi di masa hadapan.

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengawal pengimportan sesetengah bahan binaan bagi industri pembinaan dan pembaikpulihan kapal terutamanya yang berasaskan besi dan keluli.

Kawalan ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan bahan-bahan yang dikeluarkan oleh kilang-kilang tempatan.

Bagi peralatan dan aksesori kapal pula, sesetengahnya dikawal atas sebab-sebab kepentingan keselamatan dan ketenteraman awam, misalnya peralatan isyarat kecemasan kapal melibatkan penggunaan bahan letupan. Walaupun kerajaan mengawal pengimportan bagi setengah-setengah bahan dan peralatan untuk industri pembinaan dan pembaikpulihan kapal, namun begitu proses mendapat kelulusan permit import (AP), dengan izin, ini telah dipermudahkan terutama sekali jika barang-barang tersebut adalah untuk kegunaan industri ini.

Kerajaan sentiasa bersedia untuk menimbang sebarang cadangan melonggarkan kawalan import atau mengurangkan duti import terhadap alat-alat kelengkapan kapal sekiranya terdapat sebab-sebab yang munasabah dan tindakan tersebut tidak pula menjejaskan kepentingan negara dari aspek keselamatan dan ketenteraman awam.

Sehubungan ini kerajaan juga telah dan sedang berusaha agar para pengilang tempatan mengeluarkan peralatan dan kelengkapan kapal tersebut di dalam negeri. Ini bertujuan bagi membantu memajukan industri sokongan bagi sektor ini serta mengurangkan aliran keluar tukaran mata wang asing negara. Sebagai contoh, di antara peralatan dan kelengkapan yang layak diberi insentif pelaburan ialah alat dari telekomunikasi dan alat penjanaan kuasa.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian berkenaan untuk memberi promosi di pasaran antarabangsa tentang keluaran yang dibuat di negeri Sarawak seperti kapal?

Kedua, apakah bantuan atau nasihat akan diberikan oleh kementerian untuk meningkatkan taraf terminal kapal di negara kita supaya boleh bersaing di pasaran antarabangsa?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama, promosi-promosi di peringkat antarabangsa hanya boleh dibuat sekiranya industri perkapalan di Sarawak itu mencapai mutu antarabangsa. Pada saat itu mutu-mutu perkapalan di Sarawak ini belum mencapai mutu antarabangsa. Itu yang pertama.

Yang kedua, insentif-insentif yang akan diberi kepada industri perkapalan Sarawak itu boleh dibahagikan kepada dua bahagian, pertama insentif diskaun — dalam bentuk pelepasan cukai. Sebagai contoh — taraf perintis, elaun cukai pelaburan yang diberi kepada semua industri di Pantai Timur Semenanjung, Sarawak dan Sabah.

Yang ketiga, kemudahan-kemudahan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman pada kadar faedah yang mudah dan tempoh bayaran balik dalam masa yang lebih panjang. Terima kasih.

#### PASARAN SAHAM DAN KOMODITI HADAPAN — KAWALAN

**11. Dato' Dr. Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) pasaran saham dan komoditi hadapan negara atau KLOFFE; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji keperluan pelaksanaan pasaran hadapan memandangkan peristiwa kerugian besar "Bank Baring".

26.6.95

**29. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pasaran derivatif akan dibenarkan dan apakah kawalan yang dikenakan agar memastikan institusi kewangan tidak mengalami kerugian besar seperti mana yang berlaku dengan Barings Merchant Bank di London. Nyatakan kerugian yang dialami dalam pasaran derivatif oleh syarikat Malaysia. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan skandal Barings sebanyak RM1 bilion tidak berulang lagi.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pertanyaan mengenai perkara ini telah juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang dijadual dijawab pada 26 Jun, 1995, saya mohon untuk menjawab pertanyaan itu serentak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Urusniaga derivatif dan pasaran hadapan akan beroperasi setelah bursa-bursa yang terlibat iaitu Kuala Lumpur Futures Market Sdn. Bhd. (KLFM) dan Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange Bhd. (KLOFFE) menyempurnakan semua perkara asas berkaitan dengan sistem perdagangan dan rumah penjelasan mereka. Kedua-dua bursa itu dijangka beroperasi pada akhir tahun ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, derivatif adalah kewangan yang diwujudkan dengan berasaskan kepada sesuatu aset dasar seperti saham, bon, komoditi, kadar faedah dan mata wang. Kita tidak menjangka peristiwa seperti Barings dalam urusniaga derivatif berlaku, andai kata kita lebih berhemat

dan mengetatkan kawalan termasuk menentukan had kedudukan, dengan izin, position limit dan laporan kedudukan, the reportable position. Mengikut rekod Suruhanjaya Sekuriti, setakat ini belum ada lagi syarikat Malaysia yang mengalami kerugian daripada transaksi derivatif selain daripada Berjaya Industrial Bhd.

Mengenai kerugian yang dialami oleh Berjaya Industrial Bhd. pihak Suruhanjaya Sekuriti memaklumkan bahawa Berjaya Industrial Bhd. telah memfailkan tindakannya di mahkamah pada 1 Mac 1995 dengan menamakan 4 defendan berikut:

- (i) Public Bank (Labuan) Ltd;
- (ii) CS First Boston (Singapore) Ltd;
- (iii) CS First Boston (Hong Kong) Ltd; dan
- (iv) Credit Swiss Financial Product.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri. Bagaimana dengan penyertaan bank-bank di derivatif-derivatif yang dijual di pasaran-pasaran saham future di luar negara. Adakah Bank Negara akan menentukan peraturan yang lebih ketat untuk menghadapi perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri supaya tidak berlaku sekali lagi?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Melainkan urusniaga itu diuruskan oleh IOCF Labuan, semua urusan yang dikendalikan oleh bank tempatan yang didaftarkan di Malaysia, di bawah pengawasan Bank Negara, walaupun

kepentingan mereka di luar akan diawasi dengan ketat dan terpaksa melaporkan sepenuhnya kepada Bank Negara dan terikat dengan syarat dan had kedudukan dan had laporan yang saya umumkan sebentar tadi. Dan ini berbeza dengan bentuk pengawasan yang dibuat oleh beberapa negara lain di mana had kedudukan itu tidak dipasti dan dikenakan — yang terikat dengan aset dan kekuatan syarikat yang melabur itu.

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Perniagaan derivatif kewangan adalah merupakan satu bidang perniagaan yang telah lama wujud dan juga mempunyai permintaan di kalangan masyarakat di Malaysia ini. Soalannya apakah masyarakat pelabur di Malaysia ini, dalam pandangan Kementerian, sudah bersedia dari segi kemahiran dan juga pengalaman untuk berurusanniaga dalam pasaran atau perniagaan derivatif kewangan ini.

Apakah usaha Kementerian sebelum pengwujudan dua bursa yang akan diwujudkan ini bagi membolehkan masyarakat Malaysia ini dapat mengurus niaga dalam pasaran derivatif ini dan tidak akan berlaku peristiwa Barings di negara ini.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita mempunyai pengalaman dalam urusan ini dan bank kita memang terlibat secara kecil-kecilan. Kecanggihan instrument kewangan derivatif ini dikenalpasti. Bermakna perubahan instrument itu mendadak sekali. Tetapi prinsip dalam tujuan derivatif ini adalah untuk mengurangkan risiko pasaran. Kalau kita terikat juga dengan beberapa kepentingan barang mentah dan kenaikan (fluctuation) nilai wang, tidak sama sekali mengambil kira prinsip derivatif

ini dalam mengikat perjanjian untuk menjaga kepentingan kita di masa akan datang, kita juga, sama ada terlibat secara langsung atau tidak akan menjadi mangsa dalam pasaran tersebut.

Yang boleh dan mampu kita lakukan adalah dua — pertama, menentukan bahawa peniaga kita dan orang yang terlibat di dalam urusan ini termasuk pengawalnya mendapat pendedahan dan latihan yang cukup dengan tenaga pakar dalam dan luar negara. Yang kedua, memperketatkan kawalan dalam erti kata had dan juga pengawasan dalaman dan juga pengawalan oleh institusi yang dipertanggungjawabkan itu jauh lebih ketat.

Kalau dilihat dalam pengalaman Barings nyata ada kecuaihan dalam urusan pengawasan dalaman sehingga dibenarkan satu syarikat subsidiari kecil atau cawangan mengendalikan urusan perniagaan yang begitu besar, kalau dilaporkan pun — sebahagian dan pihak yang bertanggungjawab tidak mengawal dan meneliti laporan yang dikemukakan.

Insya-Allah, kita mampu mengawasi kalau kita benar-benar terikat dengan peraturan dan had yang ditetapkan.

**LOJI LEBUR ALUMINIUM DI  
BINTULU — LAPORAN EIA  
MENGENAI CADANGAN  
PEMBINAAN**

12. Tuan Chiew Chiu Sing minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) adakah Kementerian telah menerima Laporan EIA tentang cadangan membina Loji Lebur Aluminium di Bintulu. Sama ada Laporan EIA untuk projek ini akan dipertimbangkan semula

oleh Kementeriannya atau Peraturan Alam Sekitar dan Sumber Asli 1994 (NREO) Sarawak; dan

- (b) apakah punca-punca pencemaran sungai-sungai Sarawak, terutamanya Sungai Suai. Apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementeriannya untuk menangani situasi ini.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Abu Bakar bin Daud):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Setakat ini pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar belum menerima Laporan EIA tentang cadangan membina Loji Lebur Aluminium di Bintulu.

Keputusan mengenai penilaian terhadap kesan alam sekitar adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Memandangkan projek tersebut tersenarai dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987.

- (b) Berdasarkan pengalaman Jabatan Alam Sekitar, pencemaran sungai-sungai di Sarawak berpunca dari beberapa perkara. Antara perkara-perkara tersebut adalah pembuangan dan pelupusan kumbahan mentah ke dalam sungai, ternakan khinzir, pelupusan buangan pepejal dari kilang-kilang ke dalam sungai, pembuangan sampah-sarap domestik ke dalam sungai dan juga hakisan/kelodakan dari aktiviti-

aktiviti pembalakan dan juga pembangunan kawasan untuk pertanian, industri dan perumahan.

Berdasarkan data pengawasan kualiti air sungai bagi tahun 1994, Sungai Suai dan 19 sungai lain di Sarawak adalah tercemar dari segi Indeks Pejal Terampai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kawasan ini dan sekitar ulu Sungai Suai sedang giat dibangunkan untuk kawasan pertanian secara besar-besaran. Masalah hakisan dan kelodakan adalah punca yang dikenalpasti sebagai penyumbang kepada pencemaran tersebut.

Bagi mengatasi masalah tersebut selain daripada penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemaran, menjalankan aktiviti pengawasan kualiti air sungai, Jabatan Alam Sekitar juga merujuk hal ini kepada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Ini kerana Jabatan Alam Sekitar tidak mempunyai peruntukan yang khusus dari segi perundangan untuk mengatasi masalah tersebut.

Setakat ini, sebuah kilang kelapa sawit sedang beroperasi, sebuah lagi kilang kelapa sawit sedang dibina dan sebuah lagi masih di peringkat perancangan dalam kawasan tersebut. Di jangka pelepasan effluen dari kilang-kilang ini akan mempengaruhi kualiti air Sungai Suai. Dengan ini, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak pada

masa ini memperketatkan syarat lesen bagi kualiti effluen yang akan dilepaskan ke dalam sungai ini.

Selain itu juga, untuk mengatasi masalah pencemaran Sungai Suai dan juga lain-lain sungai di Sarawak, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar secara berterusan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya ke atas premis-premis perindustrian dan juga premis-premis lain yang tertakluk kepada akta tersebut.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, biasanya apabila pelabur hendak melabur dan membuat sesuatu premis-premis dalam bidang industri ataupun pembangunan, penekanan kepada pencegahan awal soalan alam sekitar adalah mendapat tekanan yang rendah sekali. Pelaburan rendah akan dibuat untuk peruntukan yang sedemikian kerana masalah alam sekitar akan diselesaikan oleh pihak kerajaan selepas beroperasi pelaburan mereka nanti.

Jadi, soalan saya, adakah Kementerian bercadang untuk membuat satu dasar agar penekanan awal (initial investment capital) mesti dibuat dari awal lagi sebelum kilang-kilang ataupun pembangunan dan pembinaan dibuat di sesuatu tempat supaya masalah alam sekitar tidak berbangkit pada masa akan datang.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada rakan saya. Memanglah Kementerian memberi penekanan kepada laporan

daripada EIA (Environmental Impact Assessment). Ini perlu sekarang ini. Tidak boleh main-main sekarang ini. Sekian, terima kasih. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa Pertanyaan-pertanyaan sudah selesai.

*(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 59 akan dijilid dalam buku berasingan).*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1994 DAN 1995) 1995

*Bacaan Kali Yang Kedua*

3.35 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah):** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994 dan 1995 bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM15,951,358,496 sahaja dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994 dan 1995 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual I dan Jadual II kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat 1994 adalah berjumlah RM15,754,399,613. Dari jumlah ini sebanyak RM14,827,476,746 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini manakala bakinya sebanyak RM946,922,867 adalah perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu. Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

Sebanyak RM14 bilion di bawah Maksud B. 30 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun adalah untuk dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai projek-projek pembangunan.

Sebanyak RM163.4 juta di bawah Maksud B. 25 Kementerian Pertahanan adalah untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM108.4 juta untuk menampung bayaran imbuhan kakitangan awam dan tentera tahun 1994; dan
- (ii) sebanyak RM55 juta untuk membiayai perbelanjaan Angkatan Tentera Malaysia yang berkhidmat di bawah Pasukan Pengaman Bangsa-bangsa Bersatu di Bosnia-Herzegovina dan Somalia.

Sebanyak RM150 juta di bawah maksud B. 52 Kementerian Kerja Raya untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan-bangunan sekolah, bangunan-bangunan hospital dan klinik, bangunan-bangunan Polis Diraja Malaysia termasuk kerja-kerja penyelenggaraan bagi negeri Sabah dan Sarawak yang diperuntukkan di bawah projek khas penyelenggaraan.

Sebanyak RM143.4 juta di bawah Maksud B. 36 Polis Diraja Malaysia untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM59.4 juta untuk melaksanakan pelbagai program dan aktiviti pasukan polis; dan
- (ii) sebanyak RM84 juta untuk menampung bayaran imbuhan kakitangan awam dan polis tahun 1964.

Sebanyak RM118.4 juta di bawah Maksud B. 34 Kementerian Kesihatan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM31.6 juta untuk menampung pemberian subsidi rawatan perubatan kakitangan kerajaan dan golongan pesakit miskin di Institut Jantung Negara Sendirian Berhad, kos penubuhan unit kardiologi dan kardiotoraksi di Hospital Pulau Pinang dan pembelian peralatan tambahan untuk hospital-hospital di Sabah; dan
- (ii) sebanyak RM86.8 juta untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam tahun 1994.

Sebanyak RM111.9 juta di bawah Maksud B. 26, Kementerian Pendidikan untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam tahun 1994.

Sebanyak RM35.7 juta di bawah Maksud B. 7, Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM20 juta untuk membiayai pelaksanaan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain, Feqah dan PAFA di seluruh negara;
- (ii) sebanyak RM5 juta untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur kemudahan-kemudahan awam dan sosial;

(iii) sebanyak RM7 juta untuk membiayai kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan parit dan longkang di sekitar bandaraya Kuala Lumpur; dan

(iv) sebanyak RM3.7 juta untuk menampung kos pembayaran ganti-rugi kerana kelambatan kontrak pelaksanaan projek Restoran Melayu.

Sebanyak RM22 juta di bawah Maksud B. 47, Kementerian Pengangkutan untuk bayaran gantian ke atas kerugian yang telah dialami oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad akibat daripada perkhidmatan train penumpang yang tidak ekonomi bagi tempoh 1992, 1993 dan 1994.

Sebanyak RM12.9 juta di bawah Maksud B. 43, Kementerian Undang-undang adalah untuk menampung bayaran emolumen bagi jawatan-jawatan baru, kenaikan kadar sewa ruang pejabat, penyewaan ruang pejabat baru, kos perpindahan pejabat, ubahsuai ruang pejabat serta pembelian perabot dan peralatan pejabat.

Sebanyak RM10.6 juta di bawah Maksud B. 31, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM5.3 juta untuk menampung perbelanjaan utiliti bil elektrik dan air di bangunan-bangunan baru pejabat kastam seperti Kompleks Kastam Johor Bahru, Pejabat Kastam Selangor dan Pahang, kenaikan sewa ruang pejabat bagi Pejabat Kastam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan penyelenggaraan Pejabat dan Rumah Khas Kastam; dan

- (ii) sebanyak RM5.3 juta untuk menampung bayaran imbuhan kakitangan awam bagi tahun 1994.

Sebanyak RM7.6 juta di bawah Maksud B. 28, Perbendaharaan untuk menampung bayaran faedah ke atas pinjaman-pinjaman PERWAJA Terengganu Sendirian Berhad.

Sebanyak RM6.5 juta di bawah Maksud B. 22, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM3.5 juta untuk membiayai kerja-kerja menyelamat dan mendapatkan barang-barang lama daripada kapal Caroline yang telah karam pada tahun 1816 di kawasan luar pantai Port Dickson, Negeri Sembilan; dan
- (ii) sebanyak RM3 juta untuk menampung pemberian kepada Lembaga Muzium Negeri Kelantan dan Sabah bagi tahun 1992 dan 1993.

Sebanyak RM6.2 juta di bawah Maksud B. 4, Suruhanjaya Pilihanraya untuk menampung perbelanjaan pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sabah tahun 1994 dan persiapan bagi menghadapi pilihanraya umum 1995.

Sebanyak RM5.3 juta di bawah Maksud B. 37, Jabatan Imigresen untuk membiayai bayaran emolumen berikutan pengisian jawatan-jawatan kenaikan pangkat dan pemberian taraf diplomatik kepada Penolong-penolong Attache di London, Madras, Hong Kong, Beijing, Guangzhou, Singapura dan Mauritius. Kerja-kerja penyelenggaraan dan ubah-

suai ruang orang ramai di Jabatan Imigresen Johor Bahru serta kerja-kerja baik pulih pejabat-pejabat Imigresen di Kudat, Sipadan dan Semporna, Sabah.

Peruntukan tambahan yang lain sebanyak RM13,467,232 adalah dikehendaki untuk membiayai berbagai perkhidmatan di bawah Maksud-maksud B. 1 Parlimen; B. 14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; B. 15 Jabatan Perancang Bandar dan Desa; B. 16 Jabatan Perkhidmatan Bomba; B. 19 Kementerian Pertanian; B. 32 Jabatan Hasil Dalam Negeri; B. 33 Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta; B. 40 Jabatan Penjara; dan B. 42 Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat, 1994 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1 Tahun 1995 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A Tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1995 adalah berjumlah RM1,143,881,750. Jumlah tersebut diminta diluluskan di bawah Fasal 3, Rang Undang-undang ini. Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

Sebanyak RM600 juta di bawah Maksud B. 52, Kementerian Kerja Raya untuk membiayai kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya dan bangunan-bangunan kerajaan di bawah projek khas penyelenggaraan.



Sebanyak RM147.6 juta di bawah Maksud B. 25, Kementerian Pertahanan untuk membiayai perbelanjaan Akademi Tentera Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia di Bosnia-Herzegovina di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Sebanyak RM140 juta di bawah Maksud B. 7, Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam dan sosial dan untuk elaun Ahli Parlimen bagi kawasan Parlimen yang baru.

Sebanyak RM64 juta di bawah Maksud B. 34, Kementerian Kesihatan untuk membiayai bekalan ubat-ubatan, pembelian peralatan Unit Kardiologi Hospital Pulau Pinang, bayaran elaun kerja di luar waktu kerja biasa kepada pegawai-pegawai perubatan, bayaran gaji pegawai perubatan pakar, pegawai perubatan dan jururawat kontrak.

Sebanyak RM36.5 juta di bawah Maksud B. 4, Suruhanjaya Pilihanraya untuk menampung perbelanjaan pilihanraya umum kesembilan yang lalu.

Sebanyak RM35 juta di bawah Maksud B. 26, Kementerian Pendidikan untuk membaik kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan bangunan dan penggantian peralatan Universiti Malaya.

Sebanyak RM31.8 juta di bawah Maksud B. 36, Polis Diraja Malaysia untuk mempertingkatkan kawalan keselamatan di Pasukan Polis menjelang pilihanraya umum kesembilan yang lalu.

Sebanyak RM29.9 juta di bawah Maksud B. 17, Kementerian Belia dan Sukan untuk membiayai program Rakan Muda.

Sebanyak RM27.4 juta di bawah Maksud B. 29, Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk membiayai bayaran balik caruman pencen yang telah dibuat oleh badan-badan berkanun dan yang telah diasingkan daripada sistem saraan sektor awam bagi membolehkan agensi-agensi berkenaan membuat caruman kebelakangan kepada KWSP.

Sebanyak RM16.7 juta di bawah B. 44 Kementerian Penerangan untuk mempertingkatkan aktiviti penerangan dan penyiaran dan sebanyak RM15 juta di bawah Maksud B. 18 Kementerian Perusahaan Utama membiayai skim penstabilan harga minyak masak di pasaran. Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1995 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 1995 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2A Tahun 1995.

Sekarang izinkan saya kemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1994 dan Tambahan Pertama 1995. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan 1994 adalah berjumlah RM399,120,070. Dari jumlah tersebut sebanyak RM304,620,070 adalah perbelanjaan secara langsung dan sebanyak RM94,500,000 adalah perbelanjaan pinjaman. Tambahan bagi membiayai projek-projek pembangunan mengikut Kementerian/Jabatan adalah seperti berikut:

- (a) Sebanyak RM152 juta di bawah Maksud P. 26 Kementerian Pendidikan adalah bagi membiayai bayaran kemajuan pembinaan sekolah-sekolah rendah dan menengah yang masih dalam peringkat pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Keenam;

- (b) Sebanyak RM91 juta sebagai pinjaman di bawah Maksud P. 17 Kementerian Belia dan Sukan untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil bagi projek penyediaan Sukan Komanwel;
- (c) Sebanyak RM88.5 juta di bawah Maksud P. 49 Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk membiayai projek pembangunan berikut:
- (i) sebanyak RM85 juta untuk pembelian dan pemasangan turbine gas aeroderivative di Melewar, Pantai Barat dan Tawau, Sabah dan sebanyak RM35.5 juta sebagai pinjaman untuk memulakan kerja-kerja awalan dan kos penguurusan projek hidro elektrik di Wagu.
- (d) Sebanyak RM40 juta di bawah Maksud P. 34 Kementerian Kesihatan untuk membiayai kos pembinaan hospital-hospital baru di seluruh negara;
- (e) Sebanyak RM11.4 juta di bawah maksud P. 43 Kementerian Undang-undang untuk membiayai perbelanjaan berikut:
- (i) sebanyak RM99.9 juta untuk menampung bayaran kemajuan pembinaan bangunan-bangunan mahkamah dan sebanyak RM1.5 juta untuk menampung kos kerja-kerja kecil mahkamah dan pembelian alat komputer di bawah rancangan pengkomputeran mahkamah.
- (f) Sebanyak RM10 juta di bawah Maksud P. 28 Perbendaharaan sebagai pelaburan tambahan kerajaan dalam Composite Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. (CTRM);
- (g) Sebanyak RM5.1 juta di bawah Maksud P. 24 Jabatan Muzium untuk perbelanjaan berikut:
- (i) sebanyak RM3 juta adalah untuk membiayai bayaran kemajuan projek pembangunan muzium dan bangunan tambahan yang telah siap pada tahun 1994.
- (ii) sebanyak RM300,000 untuk kerja-kerja pemasangan sistem pemercik, alat pengesan kebakaran dan membina balai seramik yang baru yang tetap di bangunan yang sedia ada.
- (iii) sebanyak RM1.5 juta untuk membiayai bayaran kemajuan pembinaan bangunan Muzium Sejarah Nasional yang telah siap pada tahun 1994.
- (iv) sebanyak RM200,000 untuk membiayai sewa tanah di Sungai Mas, Kuala Muda, Kedah bagi kerja-kerja penyelidikan yang telah dijalankan dan kos pembinaan pagar di Ulu Kelantan seluas 5 ekar di bawah Projek Penyelidikan Arkeologi Negara dan sebanyak RM100,000 untuk pembelian barang-barang kemas antik dan cincin, rantai leher yang unik untuk koleksi ornament pakaian.
- (h) Sebanyak RM1.1 juta di bawah Maksud P. 23 Jabatan Arkib Negara untuk membiayai kos pembinaan tempat letak kereta di Memorial Tunku Abdul Rahman. Peruntukan tambahan yang lain sebanyak RM50 adalah se-

bagai peruntukan tanda bagi Maksud-maksud Pembangunan P. 7 Jabatan Perdana Menteri, P. 20 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, P. 47 Kementerian Pengangkutan dan P. 54 Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1994 adalah seperti yang dinyatakan dalam Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1995 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3A Tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1995 adalah berjumlah RM398,000,300. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM358,000,030 adalah perbelanjaan secara langsung dan sebanyak RM40 juta adalah perbelanjaan pinjaman. Tambahan bagi membiayai projek pembangunan mengikut Kementerian/Jabatan adalah seperti berikut:

- (i) Sebanyak RM335 juta di bawah P. 7 Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai bayaran pampasan pengambilan balik tanah bagi tapak projek Pusat Pentadbiran Persekutuan Prang Besar;
- (ii) Sebanyak RM40 juta sebagai pinjaman di bawah maksud P. 17 Kementerian Belia dan Sukan untuk membiayai pembinaan Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil bagi pelaksanaan projek pengendalian Sukan Komanwel;
- (iii) Sebanyak RM23 juta di bawah maksud P. 28 Perbendaharaan bagi membiayai pelaburan Kerajaan melalui Menteri Kewangan

(Diperbadankan) iaitu sebanyak RM15 juta dalam Composite Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. dan sebanyak RM8 juta dalam MRAS Sdn. Bhd.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1995 adalah seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1995 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4A Tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pembangunan Keempat 1994 dan Tambahan Pertama 1995 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Perpaduan Masyarakat (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL. 4) 1994

DAN

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL. 1) 1995

3.58 ptg.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Peraturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat

ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Sembilan Puluh Tujuh Juta, Satu Ratus Dua Puluh Ribu, Satu Ratus (RM797,120,100) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan:

- (1) bagi tahun kewangan 1994, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sembilan Puluh Sembilan Juta, Satu Ratus Dua Puluh Ribu Tujuh Ratus (RM399,120,700) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1994 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1995 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1995, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sembilan Puluh Lapan Juta Tiga Puluh (RM398,000,030) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1995 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut."

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994 dan 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun yang tersebut itu dibacakan kali yang kedua sekarang; dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

4.01 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membuat komen ke atas Rang Undang-undang dan usul ini dengan jumlah wang tambahan sebanyak RM1,196,240,170 yang melibatkan 21 Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 45 minit ini saya akan membangkitkan enam perkara:

- (i) fungsi-fungsi Parlimen dan kewajipan Ahli-ahlinya dalam demokrasi berparlimen;
- (ii) janji-janji Barisan Nasional;

- (iii) pembaziran wang rakyat terutamanya projek pengubahelokkan 34 tandas di Kementerian Kerja Raya;
- (iv) Rang Undang-undang Pendidikan dan prestasi Dewan Bahasa dan Pustaka;
- (v) projek khas — projek bomba di Jalan SS2/2 Petaling Jaya; dan
- (vi) jualan borang haram di Jabatan Pendaftaran.

(Timbalan Yang Dipertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, pada 25hb. April tahun ini, pengundi-pengundi Malaysia membuang undi untuk memilih 192 Ahli Parlimen. Kerana pelbagai faktor, 162 ahli BN menang dengan keputusan yang sangat baik dan 30 ahli pembangkang sahaja menang.

Tuan Yang di-Pertua, barang siapa menang, dialah yang menjadi raja. Barang siapa kalah, dialah menjadi salah. DAP kalah dengan teruk. Tuduhan demi tuduhan telah dilemparkan terhadap DAP terutamanya Yang Berhormat dari Tanjong. Tuduh-menuduh ini adalah tidak berasas. Sesetengah pemimpin BN termasuk Parit Sulong yang sebagainya telah menjadi bagor dan berang, angkuh dan takbur. Orang tempang jangan dicacat, ingat-ingat hari belakang.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
*(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kepong, Parit Sulong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Parit Sulong, awal lagi sudah bangun pula. Kerana komen dia di dalam ucapannya sangat tidak tepat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia minta jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya bolehkah Ahli daripada Kepong ini diizinkan bercakap selama 45 minit? Siapa yang beri dia kebebasan bercakap 45 minit.

Yang keduanya, kalau dia mengatakan "menang jadi raja, kalah semuanya salah". Saya rasa yang kalah itu memang dia salah membuat pilihan di atas pendirian, approach, pendekatan dan ideologi politiknya. Jadi, janganlah cuba hendak mencari lame duck excuses, dengan izin, dalam Dewan ini.

Yang ketiganya, saya ingin tegaskan di sini, sekiranya DAP kalah teruk baru-baru ini bukan kerana kesilapan Barisan Nasional, kesilapan DAP sendiri untuk mencari perjuangan politik yang sedemikian rupa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya beri dia laluan untuk penjelasan sahaja. Tetapi dia hendak beretorik, berucap, berpidato. Jadi, sikap angkuh ini janganlah kita amalkan di dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
*(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia bangun lagi Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya baik, saya akan beri dia, dia dengar dulu. *(Disampuk)* Dengar dulu! Dengar dulu! Satu ayat belum habis lagi, dia sudah hendak cakap pula. Tunggu sekejap.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar):**  
*(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, kawan lama Yang Berhormat bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap, saya akan beri peluang tetapi saya minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua hanya 45 minit. Tetapi kalau gangguan yang banyak, saya tidak sempat habis.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, kita belum menghadkan masa Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Belum had, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Hendak beri jalan, beritahu beri jalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada baik-baik. Dengar baik-baik dulu, sebelum saya beri laluan. (*Disampuk*) Tunggu-tunggu sekejap, sekejap sahaja.

Terdapat berbagai-bagai faktor yang menyebabkan kemenangan BN dan kecundangan DAP termasuk perasaan sangat gembira ekonomi (economic euphoria) 7 tahun berturut-turut. Jangan anggap 7 tahun ini akan tambah 15 tahun lagi. Media massa yang berat sebelah, politik wang, tentera BN, manipulasi BN, monopoli BN, persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya yang menguntungkan BN dan beberapa perkara lain yang tidak kena ketika pilihan raya umum.

Ada juga kelemahan dalam DAP — memang ada, seperti kegagalan kami untuk mengatasi kekangan-kekangan semacam media massa BN dan politik wang BN. Tiada gading yang tidak retak. Kita memang di dalam DAP mengakui kita ada kelemahan juga. Tetapi satu

misalan yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Tanjong, walaupun undang-undang mengizinkan perbelanjaan pilihan raya setiap calon . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kepong, Parit Sulong bangun lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap, habis dulu. Walaupun undang-undang mengizinkan perbelanjaan pilihan raya setiap calon tidak lebih daripada RM50,000, hakikatnya setiap calon BN menggunakan lebih banyak wang daripada had ini. Tengok betapa hebatnya poster-poster BN, risalah-risalah, kain-kain pemidang, panji-panji, bukan main. Itu pun lebih, sudah cukup bukti. Akan tetapi, apakah tindakan yang telah diambil oleh Suruhanjaya Pilihan-raya? Hendak bangkit juga!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Parit Sulong.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kepong kerana berani mengatakan dalam DAP ada kelemahan. Dia bukan kata kelemahan untuk Ahli dari Tanjong, dia kata "kelemahan-kelemahan". Jadi, saya minta kalau boleh kita ini sebagai orang yang ikhlas, apakah kelemahan-kelemahan dalam DAP? Adakah sebahagian daripada kelemahan itu adalah kelemahan masalah kepimpinan (the leadership problem) dalam DAP?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya beri laluan untuk penjelasan bukan untuk berucap, beretorik. (*Disampuk*) Pemimpin-pemimpin DAP tidak ada masalah. (*Disampuk*) Memang tidak ada. Kita orang ikhlas, kita akui kita ada kelemahan. Salah satu kelemahan yang besar iaitu kita tidak mampu untuk menentang, mengatasi kekangan media massa Barisan Nasional. Itu kelemahan!

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kelemahan ada, kita ada kelemahan — tidak dapat menentang politik wang Barisan Nasional.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Kepong telah beberapa kali bila bercakap tidak melihat kepada Tuan Yang di-Pertua, tetapi memandang ke belakang. Jadi, tolong tujukan kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong, kita sudah buat ruling banyak kali. Yang Berhormat, jadi satu tabiat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya memang menghormati kepada Pengerusi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Belum dalam Jawatankuasa Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya. Yang Berhormat Tanjong telah mencadangkan supaya sebuah jawatankuasa parlimen semua parti diadakan untuk mengkaji

penyalahgunaan serta penyelewengan-penyelewengan yang berlaku dalam pilihanraya umum 1995. Akan tetapi kerajaan menolak cadangan ini.

Semalam saya dengar dengan baik-baik, dengan alasan yang sangat pincang, alasan seperti tidak boleh diterima, tak masuk akal sehingga Yang Berhormat Menteri pun bila dia baca, dia berasa sangat tersinggung juga, terkilan. Begitu juga dengan alasan untuk tidak mengadakan, tidak membenarkan rapat umum. Walhal . . . (*Disampuk*) tunggu sekejap satu ayat lagi, rapat-rapat umum raksasa biasanya dianggap sebagai urusan rasmi. Kita tukarlah istilah itu, rapat umum kepada urusan rasmi. Baik macam itu, sudahlah. Tak payah kita adakan istilah yang lain. Tiap-tiap kali kita tengok atau menyaksikan televisyen bukan sahaja Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, sama ada ketika pilihan raya, sebelum atau selepas pilihan raya rapat umum diadakan. Oh! itu baik — 'urusan rasmi', tetapi kalau kita meneliti, merenung isi kandungan ucapannya semua propaganda, dakyah yang memesongkan rakyat . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun, ya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kepong. Apabila Yang Berhormat dari Tanjong ditelevisyenkan baru-baru ini, adakah Yang Berhormat berterima kasih kepada televisyen yang memberi liputan kepada tokoh-tokoh pembangkang sewaktu pilihan raya? Tidakkah itu satu usaha bermakna "we are open now"?

Kalau dahulu pada tahun 1990 dalam Dewan yang mulia ini juga Yang Berhormat dari Tanjong, saya ingat lagi cakap-cakapnya mengenai kemenangan Barisan Nasional, tetapi kali ini dia lainlah, dia sudah baik sedikit, mungkin oleh kerana jumlahnya kurang. Jadi, apabila Yang Berhormat mengatakan tidakkah apabila Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri pemimpin-pemimpin kerajaan pergi kita sambut secara ramai, itu maknanya bahawa mereka adalah dari golongan yang membela rakyat. Ini semua yang disuarakan di dalam Dewan ini adalah suara orang yang dengan izin, 'sour grapes', orang yang kalah. Macam Yang Berhormat dari Keningau dua hari yang lalu, macam-macam dia cakap mengenai Suruhanjaya Pilihanraya, mengenai postal vote, masa dia berkuasa, dia diam, what is the different?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ini penjelasan, beri laluan penjelasan. Kalau hendak berpidato kita tunggulah selepas saya habis. Satu perkara yang sangat aneh, apabila Utusan Malaysia keluaran kenyataan terhadap saya, pada 22hb April mengatakan saya akan dikeluarkan dari DAP dan sebagainya, yang karut semua, tetapi Parit Sulong yang menjadi ahli lembaga di dalam *Utusan Malaysia* itu tidak mengambil tindakan. Saya pun berasa hairan mengapa hal sedemikian dibenarkan berlaku . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, dua orang bangun Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** . . . . cari balik, kita semak kepada keratan akhbar, tengok macam mana liputan terhadap saya . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** On a point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Parit Sulong buat order, Yang Berhormat! Yang Berhormat dari Kepong sebentar.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jangan point of order pula!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, point of order berapa Yang Berhormat?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** 35 (6). Saya hendak menjelaskan, memang saya salah seorang pengarah dalam *Utusan Malaysia*. Jadi, saya hendak bertanya apabila laporan ini dikatakan dan didakwa tidak betul, adakah Yang Berhormat dari Kepong membuat pembetulan atau mengambil tindakan dan sebagainya?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya dengan serta-merta membuat pembetulan di 'faks' kepada *Utusan Malaysia* . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Ya, very well and good, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw:** . . . tetapi satu perkataan pun tidak keluar.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak payah hendak babit masalah pendirian saya dengan *Utusan Malaysia* dalam Dewan yang mulia ini — very cheap, terlalu murah!



**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak — saya cuma membangkitkan hal etika, kerana kita ada kod etika Menteri . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Hendak cakap fasal etika Yang Berhormat . . . . .

**Dr. Tan Seng Giaw:** . . . . kita mesti adakan kod etika untuk ahli pengarah di dalam *Utusan Malaysia* juga.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta duduk Parit Sulong.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Adakah Yang Berhormat dari Kepong hendak mengadakan kod etika bagi pemimpin-pemimpin DAP yang memiliki surat khabar *Rocket*, kod etika kepada pemimpin-pemimpin PAS yang memiliki surat khabar *Harakah* supaya tidak menaburkan fitnah dalam negara ini?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita di dalam DAP memang mempunyai kod etika . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Parit Sulong minta duduk.

**Dr. Tan Seng Giaw:** . . . yang dipaparkan dalam *Rocket* itu adalah benar belaka. (*Boo!*)

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Timbalan Menteri bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasihlah kepada Yang Berhormat dari Kepong yang memberi saya peluang untuk mendapatkan sedikit penjelasan.

Saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong untuk memberikan sedikit penjelasan berkenaan dengan prestasi DAP dan pembangkang di kawasan saya.

Pada tahun 1990 daripada 10 kawasan kampung baru, saya menang satu kampung. Tetapi pada tahun ini daripada 10 kampung saya menang semua sekali. Kalau di Kuala Ruch tahun 1990, saya dapat 28% undi, tahun ini saya dapat 97% undi.

Saya hendak tanya pada Yang Berhormat dari Kepong sama ada beliau boleh bersetuju dengan saya, bahawa pada tahun 1990 kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir pada masa itu baru hendak menonjol dari segi pencapaian ekonomi negara. Tetapi pada tahun ini oleh kerana pencapaian Barisan Nasional begitu baik dan cemerlang sekali, sedangkan prestasi Ketua Pembangkang begitu menurun dan tidak laku lagi di Pulau Pinang. (*Tepuk*) Sebenarnya DAP kalah di Pulau Pinang dan seterusnya seluruh negara kita ini. Jadi, sebenarnya bukan prestasi DAP dan BN, kepimpinan BN dan kepimpinan DAP. Kepimpinan BN dihargai, disanjung oleh rakyat, kepimpinan DAP menjadi cemuhan rakyat. Itulah sebabnya DAP kalah teruk dalam pilihan raya. (*Tepuk*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, laluan diberi, tetapi kesempatan digunakan untuk berucap. Inilah orang yang menang, yang menjadi 'bagur' dan 'perak'.

**Seorang Ahli:** Perkataan barukah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, memang dengan kemenangan dan 'euphoria' ekonomi dengan perasaan sangat gembira ekonomi, memang dia cakup besarlah — Padang Terap pun setuju dengan saya.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Padang Terap bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kepong apa salah 'euphoria' ekonomi ini? Adakah ianya mempunyai satu 'connotation' yang tidak baik jikalau kita berseronok dengan pencapaian ekonomi, seolah-olah ianya satu bad word — 'four-letter word', Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Padang Terap seperti biasa sangat tidak tepatlah hujah dia sekarang (*Ketawa*) dia naik Timbalan Menteri sepatutnya dia lebih berwibawa. (*Ketawa*) Saya tidak cakup 'ketandusan' pemimpin yang berwibawa. Saya tidak cakup 'euphoria' itu tidak baik, memang baik. Kalau tidak baik apa fasal banyak pengundi menyokong pihak Barisan Nasional.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, dia bangun Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit itu sebab dalam ucapan Yang Berhormat

dari Kepong seolah-olah memper-salahkan 'euphoria' ekonomi? Apakah salah kita mengecap kenikmatan pembangunan ekonomi yang dibawa oleh Barisan Nasional? Jadi, daripada maksud apa Yang Berhormat kata tadi, seolah-olah salah, sedikit-sedikit 'euphoria' ekonomi — sedikit-sedikit 'euphoria' ekonomi, patut syukur kepada Allah S.W.T. mengenai dengan nikmat yang kita dapat, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum jawab Gerik lagi, Padang Terap sekarang sudah kacau pula. 'Euphoria' tidak salah, yang jadi 'bongkak', yang jadi 'angkuh', yang jadi 'takbur' itu salah.

**Tuan Chang Kon You:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, satu bangun, dia orang baru nampaknya . . . . .

**Dr. Tan Seng Giaw:** Belum lagi, saya hendak habiskan dahulu. Siapa itu!

**Tuan Chang Kon You:** Ipoh!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Orang baru, Ipoh.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ipohkah?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, saya pun tidak berapa pasti.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ipohkah?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ipoh Timor, hendak beri jalan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya ada banyak lagi, tetapi saya akan jawab itu satu persatu . . . . .

**Tuan Chang Kon You:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat hendak beri dia jalan tak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap, saya belum . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tidak beri sekarang.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu ada banyak hendak saya sentuh, tetapi saya hendak menekankan di sini betapa perlunya ada satu jawatankuasa untuk memastikan pilihan raya-pilihan raya akan datang adalah bebas, adil dan bersih.

Tuan Yang di-Pertua, pendeknya Sistem Demokrasi Berparlimen bermakna parti Pembangkang menggubal dasar-dasar dan undang-undang dan parti pembangkang menganalisis, mengupas, mengkritik dan mengemukakan alternatif-alternatif. Ini Padang Terap pun setuju. Parlimen mengawal seliakan semua aktiviti kerajaan, sistem ini mensyaratkan persempadanan bahagian pilihan raya yang adil, tetapi syarat ini tidak dipenuhi. Selagi BN mendakwa bahawa ia sentiasa memelihara Demokrasi Berparlimen, walaupun isi kandungannya sangat kurang, rakyat akan sedar betapa pentingnya parti Pembangkang seperti DAP.

**Seorang Ahli:** (*Menyampuk*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya akan jawab. Seperti mana yang berlaku pada tahun-tahun 1974 dan 1982, kali ini DAP kalah dengan dahsyat, menang atau kalah adalah satu perkara biasa. Air pun ada pasang surut . . . . .

**Tuan Chan Kon You:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yang Berhormat Ipoh Timor bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** . . . . yang naik mestilah turun dan yang turun akan naik semula.

**Tuan Chan Kon You:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat sekejap, hendak beri jalan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Siapa, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ipoh.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ipoh apa?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ipoh Timor, hendak beri jalan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ipoh, tunggu sehingga saya habis, saya akan beri peluang . . . . .

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli Yang Berhormat, dia tidak mahu beri jalan. Padang Terap bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap, tunggu sekejap.

Walaupun banyak kerusi yang di menangi oleh DAP pada tahun-tahun 1986 dan 1990 telah terjatuh ke tangan

BN pada tahun ini, pengundi-pengundi di kawasan-kawasan ini termasuk juga di Gerik mengharapkan DAP akan kembali.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Padang Terap bangun lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** . . . . . termasuk pengundi-pengundi di Padang Terap juga! Di Ipoh dan di banyak tempat di mana ada penyokong-penyokong dan pengundi-pengundi di kawasan-kawasan ini, mereka mengharapkan DAP akan kembali dengan cepat.

(Empat Ahli Yang Berhormat bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli Yang Berhormat, empat Ahli bangun. Hendak beri kepada mana satu?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apa?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada empat Ahli Yang Berhormat yang minta jalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Empat?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap! Tunggu, saya akan beri peluang. Tunggu sekejap, sebelum saya habis.

Sebagai sebuah Dewan Undangan yang terunggul, Parlimen meluluskan Rang Undang-undang dan mengawal aktiviti pentadbiran. Kita dilantik ke sini bukan untuk bersetuju dengan Perdana

Menteri sahaja, ini termasuklah Ahli Yang Berhormat dari Gerik, tiap-tiap kali kata setuju, kata 'ya' sahaja. Kita mesti mengawal aktiviti pentadbiran . .

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** (Menyampuk).

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap. Ya! ya! saya akan beri peluang. (Disampuk) Tunggu sekejaplah! Tunggu, tunggu!

Pada 7hb Jun, 1995 kami mengangkat sumpah, "Dengan sesungguhnya bahawa kami akan menunaikan kewajipan-kewajipan kami sebagai yang demikian dengan jujur dengan segala daya upaya kami". Ha! jangan main-main, kita sudah mengangkat sumpah kewajipan. Ini adalah termasuk kawalan ketat terhadap kelulusan undang-undang, kawalan ketat terhadap penggunaan wang awam dan kawalan ketat ke atas aktiviti pentadbiran, pengutaraan suara rakyat serta pendidikan. Itulah kewajipan-kewajipan yang kita mengangkat sumpah.

Ahli-ahli pembangkang mewujudkan sekatan dan imbalan supaya tidak berlakunya penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Salah satu faktor yang penting untuk Ahli Parlimen memainkan peranannya dengan berkesan ialah kebebasan media massa. Kebebasan dengan kewajipan dan kebebasan dengan tanggungjawab.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Saya ingin minta sedikit penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong berkenaan dengan "angkuh". Pada saya perkataan "angkuh" ini maknanya sombong, menunjuk-nunjuk. Bukankah pada tahun 1960 Ketua pembangkang pergi bertanding di Pulau Pinang kerusi tempat di mana Ketua Menteri Pulau Pinang bertanding dan dia menang. Jadi, dia angkuh. Tahun ini dia pergi ikut lagi sekali Ketua Menteri Pulau Pinang yang ada sekarang, tetapi keangkuhannya telah membawa kepada kekecewaan. Jadi, bukankah ini bermakna "angkuh"?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Gerik sekarang dengan ajaran sesatnya, memang dia tidak betul sama sekali. Kita di dalam pertandingan pilihan raya umum, soal personaliti tidak timbul. Ini ialah soal strategi politik dan anggapan Ahli Yang Berhormat dari Gerik memanglah salah.

Tuan Yang di-Pertua, BN sentiasa menjanjikan pembangunan dan perkhidmatan. Pada prinsipnya rakyat membayar pelbagai bentuk cukai berbilion-bilion ringgit. Hasil ini diperuntukkan bagi projek-projek pembangunan dan berbagai-bagai lagi perkhidmatan. Para pembayar cukai mengharapkan pembangunan dan perkhidmatan sebagai hak mereka. Pembangunan rohani dan jasmani adalah sama pentingnya. Kami menganggapkan semua jenis perkhidmatan termasuk sosial dan kebajikan adalah penting dan kami berikhtiar untuk menangani aduan-aduan mengenainya.

Apa yang dimaksudkan oleh sesetengah pemimpin BN sebagai perkhidmatan sosial dan kebajikannya ialah seperti sampah-sarap, longkang, parit, jalan, jejantas, jambatan, banjir kilat, pertukaran kad pengenalan, geran tanah, kesesakan dan kelajuan lalulintas. Mereka bukan berminat untuk kewajipan-kewajipan Ahli Parlimen. Inilah yang disebutkan sebagai perkhidmatan yang dipaparkan dengan gambar dan berita sebagai perkhidmatan utama oleh sebilangan media massa. Sama ada perkhidmatan atau tugas itu benar-benar dilakukan adalah tidak diambil berat asalkan adanya kesan publisiti. Kadangkala orang-orang yang menonjolkan perkhidmatan bergambar dan pemberita ini disifatkan sebagai seorang hero.

Tuan Yang di-Pertua, beratus juta ringgit wang rakyat diperuntukkan setiap tahun bagi Kerajaan-kerajaan Tempatan termasuk Kementerian Perumahan yang mempunyai ratusan ribu kakitangan. Aktiviti-aktiviti setiap Kerajaan Tempatan dan cawangannya telah ditetapkan. Kerana pelbagai faktor termasuk ketiadaan pilihan raya peringkat Kerajaan Tempatan, kekurangan kecekapan dan sikap sebahagian kakitangan dan kesusutan kesedaran sivik, perkhidmatan Kerajaan-kerajaan Tempatan sering menimbulkan ketidakpuasan hati. Ini termasuk ahli-ahli Majlis Tempatan yang terdiri daripada Ahli-ahli Barisan Nasional yang setengah-setengahnya tidak berminat untuk memberikan perkhidmatan yang jujur. Mereka cuma mengambil kesempatan untuk mendapatkan projek-projek dan sebagainya. Itulah yang menjadi masalahnya. Saya berharap kenyataan ini tidak diputar-belitkan.

Sebenarnya, kebanyakan masa saya adalah untuk menguruskan permintaan rakyat bagi perkhidmatan sosial dan kebajikan, bukan sahaja untuk memainkan kewajipan-kewajipan saya di dalam Parlimen.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Ahli Yang Berhormat, point of order?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana point of order pula? Saya tidak timbulkan . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
Tuan Yang di-Pertua, point of order 36(9). Ahli Yang Berhormat dari Kepong memperkecil-kecilkan perkhidmatan ahli-ahli Majlis Daerah yang dia kata hanya berminat mengambil elaun dan mendapat projek. Ini satu tuduhan yang liar. Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua, betulkan sedikit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong hendak, kita adakan satu siasatan yang menyeluruh untuk mengetahui setakat mana terlibatnya ahli-ahli Barisan Nasional.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
Tuan Yang di-Pertua, tuduhan beliau tidak benar. Saya pernah menjadi ahli Majlis Daerah. Ini bukannya amalan Barisan Nasional tetapi tuduhan pihak pembangkang sentiasa diteruskan dan harus diberhentikan. Oleh kerana di dalam Dewan ini sendiri terdapat 'audiences' yang mungkin terpengaruh dengan kata-kata Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Dia kata ahli Majlis Daerah berkepentingan hanya mendapat elaun dan projek. Ini tuduhan yang amat liar yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Kepong cuba memberikan "self-potrayal", dia hendak gambarkan dirinya sendiri, tiup trompet sendiri merekalah orang yang bertanggungjawab. Kita harus restrain kenyataan yang tidak bertanggungjawab.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, itu mengikut tertib mesyuarat, on point of order ataupun ucapan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat, cukuplah dan kita minta dia teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya. Siapa yang makan cili dialah yang rasa pedas!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia bangun lagi, Yang Berhormat. Hendak beri dia jalan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dia baru berucap. Tunggu sekejap, saya habiskan satu ayat lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat, point of order tadi yang 30 (9), saya ingat perkara-perkara tuduhan liar, apa semua ini ditujukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, bukan kepada Majlis. Tidak ada di dalam Peraturan Mesyuarat yang mengatakan . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
36 (9).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang ke berapa, Yang Berhormat? 36 (9).

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Ya, bukan kepada Wakil Rakyat, tetapi dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa Ahli Parlimen atau siapa-siapa pegawai kerajaan, selain daripada kelakuan pada menjalankan urusan. Jadi,

apa yang dimaksudkan dengan kenyataan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, ini terkeluar kenyataan, insinuation, fitnah semata-mata, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kita dalam Dewan yang mulia menerima kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Kepong, soalnya?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dia atas tertib mesyuarat . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Dia tak jawab. Saya minta penjelasan, dia tak jawab.

**Dr. Tan Seng Giaw:** . . . atau minta penjelasan ataupun ada urusan dia sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, apa yang dibangkitkan oleh Kepong itu saya ingat itu komen biasa dalam perbahasan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Walaupun komen biasa, dia kata siapa makan cili dia rasa pedas. Saya rasa pedas, bukan saya makan cili.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tak sebut spesifik nama-nama orang yang tertentu yang terlibat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Inilah fiil pembangkang. Fiil pembangkang memang macam ini. Saya minta audience di belakang yang menunggu diharap jangan terperangkap dengan pembangkang mengenai ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Adakah ini dialog di antara Yang di-Pertua dengan dia.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, minta kawal diri, sementara itu teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini dialog di antara Tuan Yang di-Pertua dengan Parit Sulong.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kalau you dialog boleh.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini Dewan Rakyat!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kalau you yang berdialog boleh. Asal pembangkang, halal! Pembangkang buat salah, halal! Apa kenyataannya?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta sabar, Yang Berhormat, saya buat ruling.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, bukan masalah sabar. Kalau pihak pembangkang menyebarkan fitnah dalam Dewan, audience Dewan tertarik, siapa yang bertanggungjawab? Ini pembangkang cakap, dia hendak halalkan diri dia. Tak betul.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta teruskan, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional mestilah bertanggungjawab terhadap keadaan yang sedemikian kerana propaganda seperti dengan pemimpin BN termasuk Parit Sulong ialah untuk perkhidmatan sosial dan kebajikan sahaja, oleh Ahli-ahli Parlimen bukan untuk menunaikan kewajipan-kewajipannya. Kami mencajangkan supaya . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya hendak bertanya sahabat saya dari Kepong, kalau Barisan Nasional melakukan propaganda, yang kita lakukan semata-mata untuk propaganda, beranikah Yang Berhormat, dia sendiri, jangan hantar wakil, bertanding di kawasan mana-mana yang sekarang ini kita menang dengan majoriti supaya you jalankanlah propaganda you. You boleh menang? Kita bukannya terperangkap dengan arrogants of power, tidak. Kita memang sentiasa mengingatkan diri kita, the bigger mandate given to us, the bigger responsibility, dengan izin. Bermakna, responsibility yang besar. Ini bukan menggambarkan arrogance of power. Dia cuba memutarakan keadaan bahawa dia dengan kekalahan itu dia hendak mencari simpati dengan menggambarkan perkara yang tidak betul. Jadi, saya harap Yang Berhormat janganlah sebut-sebut orang lain. Cakaplah diri sendiri.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dia jujur, saya berharap dia jujur, kalau jujur, balik ke *Utusan Malaysia* tengok kenyataan terhadap saya pada 22hb April, itu tak betul. Kalau tak betul perlulah Pengarah itu memberi nasihat sedikit bagaimana kita memperbetulkan keadaan yang tidak betul. Itu baru menjalankan tugas dengan baik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, ini untuk menerangkan perbahasan ini hanya satu hari. Lepas itu jawapan daripada Menteri-menteri. Saya minta Yang Berhormat jangan buang masa, teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, saya pun tak mahu buang masa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sekejap, sekejap, tak mahu dengar cakap, sekejap. Saya beri Yang Berhormat 15 minit menyelesaikan, kerana ramai yang hendak berucap.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kami mencadangkan supaya fungsi Parlimen dan kewajipan Ahlinya dikaji semula sejajar dengan nilai-nilai asas demokrasi berparlimen. Sementara itu, reformasi kerajaan-kerajaan tempatan termasuk memperkenalkan semula pilihan raya peringkat kerajaan tempatan mestilah dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional telah membuat berbagai-bagai janji, termasuk Wawasan 2020, pertumbuhan ekonomi tinggi lebih 8% setahun, pelbagai pembangunan, guna tenaga penuh, produktiviti berlipat ganda, inflasi sifar, korupsi sifar, kelemahan sifar, negara dalam taman, kod etika menteri, pusat pendidikan cemerlang, pusat kesihatan terbaik, dan pusat sukan rantau ini serta Ketua Menteri giliran di Sabah. Giliran Ketua Menteri di Sabah belum nampak lagi. Itu semua janji. Kalau semua ini dapat dilaksanakan, ini memang akan membawa keuntungan kepada rakyat Malaysia.

Jikalau kerbau dipegang orang talinya, jika manusia dipegang mulutnya. (*Ketawa*) Janji-janji ini mestilah dikotakan. Kita lihat di Sabah, Ketua Menteri belum ada giliran lagi, (*Disampuk*) tak sampai masa 10 tahun, dan akan dapat. Produktiviti berlipat ganda. Kementerian Kewangan mesti mengambil perhatian. Produktiviti berlipat ganda, korupsi sifar, kesifaran korupsi. Saya takut kesifaran tidak ada tindakan sahaja. Kesifaran tindakan. Dengan sistem kesifaran ini kita mesti pilih.



Tuan Yang di-Pertua, di setengah-setengah jabatan wujudnya amalan pembaziran. Ini adalah termasuk syarikat-syarikat seperti Petronas yang mempunyai wang simpanan RM16,919,000 Timbalan Menteri yang menjawab kepada saya. Pusing ganti RM15,693,000 dan keuntungan sebelum cukai RM6,317,000 pada tahun 1994. Pemborosan terus berlaku kerana kekurangan kawal selia yang berkesan, misalnya 1994 dan penghujung 1995. Terdapat sebuah projek pengubahelokkan 17 tandas perempuan dan 17 tandas lelaki di ibu pejabat Kementerian Kerja Raya kerana kebocoran. Memang pengubahelokkan bangunan yang rosak atau uzur adalah wajar. Yang menimbulkan kebimbangannya ialah pembaziran dan pemborosan. Pengubahelokkan bilik air tersebut meliputi ceiling, pembubuhan mosaic, pengecatan, sistem paip, sinki iaitu wash basin, mangkuk dan pili penutup. Bahan-bahan binaan adalah istimewa belaka. Pesanan dari syarikat-syarikat khas, batu bata special, mosaic khusus, sinki, wash basin istimewa terutama bagi tingkat 5 dan 17.

Umpamanya mangkuk tandas berharga RM1,000, biasanya berharga RM200. Sinki bukan main cantik dari Taiwan berharga RM5,000, dihantar ke Thailand pula untuk membuat lubang, khasnya di Thailand boleh membuat lubang! Pili penutup, tap stop cork bernilai RM200 biasanya RM40 sahaja. Bagi tingkat 5, tingkat Menteri dan Timbalannya dan juga tingkat 17, tingkat bermesyuarat, semuanya adalah lebih special termasuk mangkuk tandas hitam dengan emas di tepinya. Jumlah perbelanjaan projek pengubahelokkan itu adalah kira-kira RM2 juta. Bahan-bahan binaan yang sederhana bukan terlalu rendah kualitinya adalah mencukupi.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun minta jalan, di belakang itu.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kepong sebut berkenaan dengan Petronas, jadi kalau Petronas di Bangunan Petronas tidak ada Menteri dan Timbalan Menteri punya pejabat, sila beri penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh mengenai pejabat Kementerian Kerja Raya sekarang, yang saya bercakap berkenaan Petronas itu mencakup semua jabatan dan semua syarikat yang terlibat dengan pembaziran, yang tidak terlibat jangan takut.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia bangun lagi!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tadi, dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kepong bercakap tentang Petronas, kalau dalam bahasa kita tidak ada full stop, nanti orang ingat Petronas yang belanja semua ini. Jadi, sebab itu janganlah berlaku tidak adil kepada saya selaku Timbalan Menteri yang bertanggungjawab di Petronas.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh membuat penyiasatan, saya ada dengar, saya

diberitahu bahawa ada pemborosan di dalam Petronas. Dari segi penghantaran orang, dari segi biasiswa, dari segi perbelanjaan untuk menghantar ke seberang laut dan sebagainya. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat membuat penyiataan sama ada kenyataan ini benar ataupun tidak.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya dengar tadi ada pemborosan berkenaan dengan biasiswa di Petronas, boleh dia terangkan sedikit, apa pemborosan biasiswa di Petronas ini?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa ada pemborosan. Dan saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh membuat siasatan menyeluruh untuk mengetahui setakat manakah kenyataan ini benar.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia bangun lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Nanti sekejap! Saya habiskan paragraf ini. Jumlah perbezaan untuk projek pengubahelokkan di ibu pejabat Kementerian Kerja Raya adalah kira-kira RM2 juta. Bagi

kami bahan-bahan binaan yang sederhana bukan terlalu rendah kualitasnya adalah mencukupi, penyenggaraannya adalah terpenting sekali. Dengan adanya bahan-bahan sangat special, kecekapan dan iltizam haruslah lebih special lagi, lebih istimewa lagi. Kami mengesyorkan supaya satu siasatan yang menyeluruh diadakan oleh projek-projek seperti ini di jabatan-jabatan kerajaan termasuk kes pengubahelokkan ibu pejabat Kementerian Kerja Raya.

Pembaziran mestilah dibanteraskan. Saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong itu bersetuju. Kalau setakat ada mengukuk tandas yang hitam yang tepinya emas, walaupun emas semuanya pun tak akan meningkatkan kecekapan. Keselesaan — adakah ini bermakna tandas di Parlimen tidak selesa kerana bukan hitam, tepinya bukan emas?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri minta jalan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit daripada Kepong, saya takut dia lari daripada tajuk. Tadi dia sebut berkenaan dengan pemborosan biasiswa di Petronas. Kepada saya sebenarnya, biasiswa yang dikeluarkan oleh Petronas ini tidak mencukupi, kalau boleh hendak ditambahkan lagi. Tetapi dia kata 'pemborosan' biasiswa. Saya boleh quote balik, saya boleh melihat *Hansard* esok. Saya minta sedikit penjelasan berkenaan dengan pemborosan biasiswa ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya! kita boleh melihat *Hansard*.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya katakan, saya diberitahu bahawa ada pemborosan di Petronas dan di Pejabat-pejabat yang lain, itu saya diberitahu dan saya berharap Yang Berhormat dari Gerik dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dapat membuat siasatan sebagai orang yang menunaikan kewajipan-kewajipannya.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bukan jadi 'postman', bukan jadi 'parrot' — hanya mendengar cakap orang sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat minta 45 minit, nanti tak cukup masa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah hendak habis, mereka ini kacau sangat!

Tuan Yang di-Pertua, zaman beralih, musim bertukar, sekali air bah sekali pasir berubah. Akta Pelajaran 1961 adalah ketinggalan zaman. Menteri-menteri Pendidikan bersetuju untuk mengadakan rang undang-undang baru selari dengan era-baru. Pada 1989 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat seruan untuk tujuan ini. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga mengeluarkan kenyataan yang serupa. Sekarang Menteri Pendidikan baru telah mengumumkan bahawa rang undang-undang tersebut akan dibentangkan di dalam Dewan ini pada persidangan Ogos tahun ini.

Rang Undang-undang untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti juga harus dibentangkan untuk membo-

lehkan pembinaan universiti swasta bertaraf antarabangsa dan cawangan kampus universiti asing yang masyhur.

Memang, menjelang abad ke-21 banyak perubahan telah terjadi di semua aspek pendidikan termasuk tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, kolej junior, universiti dan pendidikan orang-orang dewasa. Isu universiti swasta bertaraf antarabangsa dan cawangan kampus universiti asing yang terkemuka sering kali dibangkitkan. Kekurangan guru dan pensyarah di semua peringkat jumlahnya lebih 23,000 orang pada tahun lalu serta peruntukan bagi SRK, SRJK(C), SRJK(T) dan sekolah-sekolah persendirian Cina terus menimbulkan kontroversi. Kementeriannya hendaklah memastikan sekolah semua aliran dilayankan dengan adil.

Kami berpendapat bahawa kerajaan patutlah mengumumkan rang undang-undang tersebut dengan lebih awal agar kami dapat bersama-sama mengkaji bagaimana satu rang undang-undang dengan zaman ini dapat diwujudkan.

Saya seringkali membangkitkan prestasi dan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka. Memang ada perkara yang dibuat itu yang baik juga, termasuk mewujudkan 500,000 istilah dan juga tahun ini akan dicetak sebanyak 470 judul buku baru — ada yang baik. Tetapi usaha untuk mendaulatkan Bahasa Malaysia sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di antarabangsa telah diadakan. Ini adalah tidak mencukupi. Sekarang wujudnya beberapa kelemahan di wadah bahasa ini. Misalnya surat-surat saya mengenai penggunaan istilah Bahasa Melayu, Bahasa Malaysia, "Graha Makmur" untuk Majlis Perbandaran Melaka dan perkataan-perkataan seperti

'persiaran' atau 'pesiaran' untuk jalan jarang dijawab. Kalaupun ada dijawab, jawapannya adalah kabur dan ambivalent.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, seorang lagi Timbalan Menteri bangun.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam):** Tuan Speaker, tadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada bertanya pengertian 'Graha Makmur' di Melaka. Saya hendak memberitahu beliau 'graha' ertinya 'bangunan'. Jadi, kalau beliau tidak tahu beliau boleh dipersilakan datang ke Dewan Bahasa dan Pustaka supaya menyemak erti perkataan 'graha'.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Timbalan Menteri, baru juga dia datang. Dan kerana orang baru kita maafkan dialah.

**Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia bangun lagi Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Speaker, saya tak perlu dia hendak maafkan. Saya menjelaskan perkataan 'graha'.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat, tunjukkan kepada saya di mana kamus Dewan Bahasa dan Pustaka ataupun semua kamus-kamuslah yang menunjukkan 'graha' di dalamnya?

**Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Speaker, saya tidak perlu hendak menunjukkan beliau kamus, dia kena cari sendiri, kerana saya hanya hendak memberitahu beliau.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak payah carilah, tidak ada di dalam Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Speaker, peraturan Dewan, ketika seseorang Ahli bercakap, seorang Ahli yang lain kena duduk.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dalam kamus Dewan tidak ada!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yang Berhormat bangun minta penjelasan. Kepong sudah beri, satu-satu ya!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kita maafkan dia kerana dia tidak tahu!

**Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Speaker, dia tidak perlu hendak minta maaf kerana saya menjelaskan pengertian 'graha' ertinya bangunan, jadi saya harap Wakil Kepong hari ini dapat belajar satu Bahasa Melayu yang bermaksud 'bangunan'.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Graha itu sanskerta.

**Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Speaker, dia tahu pun! Jadi, mengapa dia pura-pura tidak tahu, ini nampaknya dia betul membohongi dalam Dewan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sanskerta, itu dipinjam dari perkataan Indonesia, ini negara Malaysia.

**Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Dalam perkara yang dia tahu dia buat-buat tak tahu, supaya dia dapat bercakap panjang kerana masa pun sudah berjalan selama 45 minit. Saya rasa beliau telah mengambil masa lebih daripada yang telah dihadkan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini negara Malaysia, ini bukan Indonesia.

**Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Speaker, pengertian 'graha' ini ertinya bangunan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dia minta penjelasan ataupun dia hendak berucap?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, diminta duduklah!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Duduklah!

**Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Speaker, saya harap dia faham pengertian 'graha'.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Graha itu di dalam sanskerta dan digunakan di Indonesia, ini negara Malaysia.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Padang Terap bangun, hendak beri jalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia lebih faham.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tuan Yang di-Pertua, soal perkataan "graha" ini sebenarnya, tahun lalu telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kepong selepas dia pergi ke Jakarta dengan saya. Dia tengok perkataan

"graha", dia balik, dia gunakan dalam Parlimen. Tahun ini dia hendak menunjukkan lagi bahawa dia sahaja yang tahu perkataan "graha". Jadi, "graha" itu dia pun tahu pada tahun sudah lagi — maksud perkataan "graha" ialah bangunan. Jadi, macam dia angkat sumpah dahululah, dia hafal, hari ini dia hendak golek tentang perkataan 'graha' pula.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, itu bukan penjelasan. Komen sahaja. Komen dia pun tidak betul juga. Adakah dia hendak Dewan Bahasa dan Pustaka menetapkan istilah 'graha' sebagai istilah Malaysia?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, dalam pembangunan mana-mana bahasa, bahasa itu bukan statis, dia dinamis. Jadi, kalau perkataan 'graha' digunakan oleh rakyat Malaysia selalu, ianya akan dimasukkan dalam edisi kamus Dewan Bahasa di satu masa nanti. Jadi, dia tidak faham makna 'graha' . . . . .

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat bermaksud supaya kita pergi ke semua negara di dunia, kita kutip istilah mereka untuk dijadikan istilah di Malaysia? Itulah maksudnya. Kita pergilah . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Ahmad:** (*Bangun*)

**Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** (*Bangun*)

**Puan Ainon Khairiyah binti Mohd. Abas:** (*Bangun*)

**Tuan Tan Chong Keng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, ada wanita bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Biar saya habis dahulu baru saya beri. Habis dahulu, tunggu sekejap, sebab saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengambil tindakan.

**Tuan Tan Chong Keng:** (*Bangun*) Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang di sebelah itu membawa point of order.

**Tuan Tan Chong Keng:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Point of order yang ke berapa Yang Berhormat?

**Tuan Tan Chong Keng:** 36(1). Tuan Yang di-Pertua, seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja. Sekarang ini Rang Undang-undang Perbekalan tambahan dan tidak boleh membawa apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu. Jangan membazir masa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Siapa yang cakap di sana itu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sekejap. Yang Berhormat, dia orang baru. Yang Berhormat, dalam Perbekalan Tambahan ini pun, perbahasannya adalah perbahasan kepada

perkara yang luas dan bukan kepada perkara yang tertentu. Kalau dalam Jawatankuasa baharulah.

**Tuan Tan Chong Keng:** Okay.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tetapi, walau bagaimanapun Kepong, saya mintalah . . . . .

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang, saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan mengambil tindakan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*)

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada yang bangun lagi, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sekejap sahaja.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, wakil Kepong, berilah 'chance' kepada orang baru.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sekejap sahaja, bila habis satu ayat ini, saya beri. Misalnya, saya pernah bangkitkan banyak kali kerana Dewan Bahasa dan Pustaka mengatakan yang betul untuk jalan "pesiaran", tetapi saya sudah bangkitkan banyak kali iaitu dalam "Pesiaran Selangor" dan di sini sahaja, dekat dengan bangunan Parlimen ada, jalan masuk ke Tugu Negara ada "Pesiaran Sultan Salahuddin" dan ada satu papan di jalan itu dan di sebelahnya ada "Per" dan di sebelah lain "Pe". Inilah keliruan ke "ambivalen"an.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** (*Bangun*)

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Timbalan Menteri bangun lagi Yang Berhormat. Dua orang bangun Yang Berhormat, hendak beri yang mana satu?

**Dr. Tan Seng Giaw:** “Keambi-valenan” — ia adalah satu papan, papan baru pula, papan biru ditulis dengan tulis emas, di sebelah “Persiaran”, di sebelah lain “pesiaran”. Mungkin di sebelah ini dapat menyiarkan apa yang dimaksudkan dan di sebelah lain dia kata itu kawasan Sultan Salahuddin ‘drive’.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Pokok Sena bangun Yang Berhormat.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, sudah lama saya mendengar Kepong ini dan saya ingin bertanya sama ada beliau bersetuju kalau beliau dipanggil makhluk “perosak bahasa”. (*Ketawa*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia minta apa penjelasan?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya tidak dengar . . . .

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kota Setar dapat pergi tengok di situ . . . .

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*) Pokok Sena!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pokok Sena? Kota Setar menjadi Pokok Sena? Itu lebih teruk. (*Ketawa*) Walau bagaimanapun, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengambil tindakan. Kita tengok di sini sahaja.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Timbalan Menteri bangun Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** . . . . sebab beberapa hari yang lepas, Menteri Pendidikan, dia mahu bahasa yang baik dan betul untuk digunakan di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat antarabangsa. Yang baik dan betul.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tetapi bukan kena mengena dengan Dewan Bahasa memperkaburkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tadi Yang Berhormat dari Kepong mempertikaikan penggunaan perkataan ‘graha’ kerana kita sudah ada perkataan sendiri iaitu “bangunan”. Saya hendak tanya, kalau Yang Berhormat sendiri tidak pandai hendak bercakap, tidak usahlah tegur orang — “keambivalenan” itu apa bendanya? Apa bahasa Melayunya?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ini di dalam Dewan Bahasa dan Pustaka. Kalau Yang Berhormat tidak tahu, jangan sebut. (*Tepuk*)

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebab saya tidak tahulah saya tanya itu. Keambivalenan — ada perkataan Melayu lainkah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pada 3hb hingga 6hb Jun, tahun ini Sasterawan Negara — Arena Wati yang berumur 70 tahun telah dipelawa oleh DBP sebagai Sasterawan Negara untuk menyertai satu 'workshop' di Kelantan. Akan tetapi difahamkan bahawa beliau telah tidak dilayan dengan budi. Bilik penginapan pun tidak diaturkan baginya. Itu saya berharap satu siasatan dibuat kerana kita hendak jaga maruah dan martabat bahasa juga. Keambivalenan — kekurangan budi dan lain-lain kelemahan mestilah dikaji dan diperbaiki untuk memperkukuh dan memperluaskan bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, projek bomba di Jalan SS22, Petaling Jaya dikategorikan sebagai projek "G" untuk balai bomba 2 petak. Menurut Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pembinaan quarters 11 tingkat ini merupakan keperluan asas perumahan bagi anggota bomba yang akan bertugas di situ. Pertama projek "G" bererti bangunan 5 tingkat sahaja; kedua, dua petak mempunyai 2 kereta bomba — satu syif memerlukan 5 anggota, 10 anggota untuk 2 kereta. Bagi 3 syif sehari, jumlah anggota ialah 30 orang untuk stesen tersebut.

Ketiga, dua blok bangunan 11 tingkat mengandungi 80 unit rumah, baki 50 unit ini akan diberi kepada famili-famili anggota bomba di lain-lain tempat. Keempat, di sekeliling petak tersebut ada rumah-rumah kediaman satu atau dua tingkat sahaja. Kami menyeru supaya Kementeriannya mempertimbangkan cadangan alternatif untuk membina 30 unit rumah sahaja sejajar dengan pandangan para penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Kementerian Dalam Negeri, sehingga ...

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sudah tidak ada masa.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli dari Kepong sudah tahu keputusannya, tetapi dia sengaja mengambil kesempatan di sini supaya bila kita jawab, seolah-olah kerana dialah maka perkara ini telah diubah. Jadi, saya rasa tidak patutlah Yang Berhormat dari Kepong — sudah tahu keputusan Kabinet, dia datang ke sini sengaja hendak timbulkan seolah-olah dia menjadi 'hero' kepada mereka yang terlibat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak tahu. Saya ada bangkitkan, tetapi saya tidak tahu. Kalau itulah keputusan, saya ucapkan syabaslah. (*Disampuk*) Saya memang tidak tahu. Saya bukan Ahli Kabinet.

**Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh wakil Kepong memberi saya laluan



sedikit? Tadi kata hendak beri. Saya menyokong pandangan wakil dari Gerik bahawa wakil Kepong itu tahu, dia cuma hendak menjadi 'hero'. Dia ini ada satu pepatah orang Tionghua. Saya harap wakil Kepong dapat dengar pandangan saya. Saya dahulu pernah dengar satu pepatah Tionghua kerana ada belajar sedikit bahasa Tionghua. Ada satu ketika, cerita lama di negeri Tionghua, bila orang membajak sawah — kerbau digunakan untuk membajak sawah. Bila dia lepas sahaja membajak sawah, semua sudah bagus, anjing pun lalu belakang. Dia lalu dan bila tiba lepas seberang anjing itu tadi kata "sawah itu sayalah yang bajak". Jadi, DAP ini macam inilah perangnya. Dia suka ambil orang lain punya kerja — dia yang dapat nama. Sekian, Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, tunggu sekejap. Yang Berhormat tadi sendiri mengakui 45 minit cukup untuk perbahasan. Saya nampak ramai yang hendak mengambil bahagian. Kita hanya ada satu hari. Saya minta Yang Berhormat gulunglah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak gulung cuma saya meminta Kementerian Dalam Negeri dapat mengambil perhatian mengenai jualan borang haram di sesetengah Pejabat Pendaftaran, borang untuk menukar kad pengenalan kepada kad pengenalan KPT. Memperlihatkan tempoh yang telah diberikan kepada 4.55 juta orang yang belum lagi membuat pertukaran itu, adalah hanya 1½ tahun, kami mencadangkan supaya langkah-langkah yang lebih berkesan diambil termasuk pencegahan aktiviti jualan borang haram dan publisiti yang lebih menyeluruh untuk mewujudkan kesedaran rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah memperbincangkan enam perkara. Per-

tama, fungsi Parlimen. Kewajipan ahlinya mestilah dikaji semula. Reformasi Kerajaan Tempatan haruslah diadakan. Kedua, BN hendaklah menegotakan janji-janjinya. Kalau tidak, kita akan terus membangkitkan. Ketiga, satu siasatan menyeluruh patutlah diadakan terhadap projek-projek di jabatan-jabatan kerajaan seperti projek pengubahelokkan tandas di Kementerian Kerja Raya. Keempat, Rang Undang-undang Pendidikan mestilah diumumkan dengan lebih awal. Kelima, cadangan alternatif bagi projek bomba di Jalan SS2/2 Petaling Jaya harus dipertimbangkan. Keenam, langkah-langkah yang lebih berkesan hendaklah diadakan untuk mencegah aktiviti jualan borang haram dan mempertingkatkan kecekapan Jabatan Pendaftaran. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Parit Sulong.

5.02 ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Tuan Yang di-Pertua, untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini, pertama sekali izinkan saya di bawah Peraturan Mesyuarat 35(6) mengisytiharkan bahawa saya adalah salah seorang yang terlibat dengan pengurusan media iaitu sebagai Pengarah di dalam Utusan Melayu (M) Bhd.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya amat kesal dengan pandangan yang disuarakan secara berterus-terus dan bertubi-tubi dalam Dewan mengenai masalah 'freedom of the press' atau kebebasan berakbar. Perkara ini tidak berakhir dan malahan akan disemarakkan semula setiap kali ada pilihan raya ataupun sesudah pilihan raya.

Dalam hal ini saya ingin menjelaskan bahawa Malaysia, rakyat Malaysia, warganegara Malaysia berhak menentu-

kan kategori kebebasan akhbar apakah yang sesuai dengan suasana susunan struktur kemasyarakatan di Malaysia ini.

Jadi, tidak ada orang lain yang harus membawa sukatan, membawa ukuran kebebasan akhbar dari luar untuk mengukur bahawa akhbar-akhbar dalam Malaysia ini tidak bebas dan tidak ada orang yang boleh berhak menyuarakan bahawa di Barat adalah bebas dan di tempat kita tidak bebas. Oleh kerana sekiranya kita membuat satu kajian yang terperinci mengenai media Barat, media Barat adalah media yang tidak bebas langsung dalam keadaan suasana hari ini. Kita dapat ketahui bahawa majoriti media Barat adalah di 'finance' atau dibiayai oleh pihak yang berkepentingan untuk mencari 'supremacy' dunia.

Jadi, untuk mencari 'supremacy' atau keagungan dunia, mereka adalah golongan yang akan menyebarkan bahawa pendapat mereka sahaja yang betul dan pendapat mereka sahaja yang 'supreme', pendapat merekalah yang besar dan harus didengar oleh setiap orang. Seperti mana pendapat DAP yang cuba walaupun dia mengakui kekerdilan dalam Dewan tetapi setiap kali mengaku bahawa dialah yang maha benar di dalam Dewan ini.

Jadi, dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya harap sekiranya pihak DAP daripada golongan yang bertanggungjawab, sekiranya kita mahu membuat ukuran bahawa akhbar ini tidak bebas, jangan ukuran itu hanya berlandaskan oleh kerana seolah-olah akhbar ini tidak memihak kepada dirinya dan tidak memihak kepada perjuangannya. Adakah akhbar di Malaysia tidak bebas sekiranya mereka memihak kepada majoriti rakyat Malaysia yang memilih untuk menegakkan demokrasi ala Barisan Nasional. Adakah ini hukumnya tidak bebas?

Lantaran saya bercakap mengenai akhbar, tidak pernah saya mendengar pihak DAP cuba memperjuangkan akhbar di Malaysia. Yang dilaungkan hanya akhbar *Rocket*. Sekarang ini dia tidak cakap fasal *Harakah*lah oleh kerana hendak menjadi ketua pembangkang pun tidak mendapat undi yang solid dalam Dewan yang mulia ini. Ini melambangkan betapa rapuhnya pembangkang dalam Dewan sebab itulah suaranya menjadi semakin kerdil. "It is not because we want to show the arrogance of power", Tuan Yang di-Pertua. Bukan kerana kita mahu menunjukkan bahawa kita sombong dan bongkak kerana kita berkuasa yang besar. Sebagaimana yang kita tegaskan dan sentiasa diingatkan kepada kita semua bahawa mandat yang besar menjadikan kita semua harus merasa bertanggungjawab yang lebih dengan akauntabiliti atau kebertanggungjawaban yang lebih komited kepada perjuangan kita.

Saya tidak pernah mendengar pihak DAP atau pembangkang mengatakan mengapa hari ini ada seolah-olah satu tembok diskriminasi wujud di kalangan pengiklan-pengiklan di seluruh negara terhadap media berbahasa Malaysia? Sahabat saya dari Kepong cuba menjuarakan diri, menonjolkan dirinya sebagai juara, "Akulah pakar bahasa". Benda yang dipinjam dari luar, yang satu hari disuburkan sebagai Bahasa Malaysia, dia cuba hendak ungkit-ungkit tetapi tidak pernah memperjuangkan perkara yang nampak dan jelas. Mengapa tidak pernah disuarakan bahawa hari ini, ketika ini wujud satu diskriminasi di kalangan para pengiklan terhadap akhbar-akhbar berbahasa Malaysia?

Bahasa Malaysia diiktiraf sebagai bahasa rasmi. Bahasa Malaysia diiktiraf sebagai saluran komunikasi yang paling unggul tetapi mengapa tidak pernah

pihak pembangkang menyuarakan, "Mengapa pihak pengiklan-pengiklan di negara ini masih lagi menyifatkan akhbar Melayu adalah akhbar second class dalam negara yang merdeka?"

Sebagai buktinya, Tuan Yang di-Pertua, menurut satu bancian pada tahun 1994, surat khabar Melayu *Utusan Malaysia* mendapat hasil daripada advertisingnya RM50,210,314. *Berita Harian* mendapat hasil daripada revenue advertising, dengan izin, RM77,245,876. *New Straits Times* mendapat revenue daripada iklan tahunan 1994 — RM157,523,805. *The Star* pada tahun 1994 mengutip hasil iklan daripada swasta sepanjang tahun berjumlah RM146,327,819. Mengapa harus wujud perbezaan ini? Adakah Bahasa Melayu tidak mempunyai nilai komersial? Adakah akhbar Melayu, pembaca akhbar berbahasa Malaysia tidak mempunyai purchasing power? Tidak mempunyai kuasa beli yang sama taraf dengan bahasa-bahasa lain? Saya minta pihak kerajaan memandang serius hakikat ini. Perkara ini harus di'rectify'kan dengan segera menerusi perbincangan, menerusi perundangan dan menerusi apa sahaja saluran yang wujud supaya Bahasa Melayu tidak dipandang rendah, supaya akhbar Melayu tidak dijadikan kelas kedua di dalam negara yang merdeka ini.

Sebagai buktinya, Tuan Yang di-Pertua, akhbar-akhbar Melayu di dalam negara adalah akhbar yang mempunyai sebaran yang luas. Akhbar yang mempunyai readership yang luas. Menurut Survey Research, *Berita Harian* setiap hari mengeluarkan 333,085 naskhah. *New Straits Times* mengeluarkan 177,720 naskhah. *Utusan Malaysia* setiap hari edarannya 264,917 naskhah. *The Star* 190,944 naskhah.

Jadi, mengapa pihak pengiklan hari ini masih lagi bias, masih lagi prejudis dan masih lagi prasangka kepada akhbar

berbahasa Melayu? Persoalan ni saya harap pihak DAP akan prihatin sama. Jangan hendak menjadi jaguh di air keruh sahaja, melukut di tepi gantang! Ini macam DAP dari Kepong ini! Kepada sahabat-sahabat saya yang baru, inilah contoh politician yang fikirannya terkepong! Inilah daripada Kepong! (*Tepuk*)

Kalau di depan bos dia, Ahli dari Tanjong, dia bangun, dia kata, "ada kelemahan-kelemahan . . .", dia tak berani. Dia menyeru kita, "inflasi sifar", "korupsi sifar". Saya menyeru, adakah saudara mahu memperjuangkan kediktatoran sifar dalam DAP? Zero dictatorship? DAP kalah oleh kerana dictatorship yang tidak berani ditentang oleh ahli-ahlinya, tidak berani ditentang oleh pemimpin-pemimpinnya.

Saya mencabar pihak pembangkang, khususnya DAP untuk sama-sama memperjuangkan, untuk sama-sama bertanya dengan para pengiklan dalam negara ini, why the bias? Mengapa prejudis? Mengapa prasangka? Daripada kajian yang diperolehi, kita dapati bahawa sikap diskriminasi pengiklan-pengiklan yang masih lagi sebilangan besarnya dari luar menggunakan topeng-topeng tempatan, satu yang kita perolehi, dia kata, pembaca-pembaca surat khabar berbahasa Malaysia tidak mempunyai purchasing power yang tinggi. Adakah ini benar? Adakah ini benar? Adakah perkara ini satu hakikat, adakah ini realiti semasa?

Kalau tidak, saya harap para pengiklan menyambut seruan Timbalan Menteri Penerangan baru-baru ini apabila dilaungkan bahawa mereka kurang mengiklankan kepada suratkhbar berbahasa Malaysia, they have to come forward and rectify the situation.

Satu perkara yang ingin saya tanyakan lagi, dia kata, oleh kata surat khabar Bahasa Malaysia tidak dibaca oleh ramai. Buktinya telah saya jelaskan. Circulation is so big. Circulation — edarannya terlalu besar. Income iklannya setiap tahun adalah kecil. Mengapa timbul perbezaan? Saya harap pihak Kementerian Penerangan akan mengambil satu tindakan yang wajar, bukan kerana saya datang daripada *Utusan Malaysia*, tetapi oleh kerana perkara ini adalah satu diskriminasi yang wujud. Adakah ini berpunca oleh kerana sebilangan besar syarikat-syarikat iklan adalah wujud atas foreign capital, atas modal asing yang datang ke sini mengadakan satu capital participation dengan syarikat tempatan, tetapi syarikat tempatan tidak mempunyai suara yang besar untuk mempengaruhi pendirian mereka?

Selain daripada itu, saya ingin menegur para pengiklan, mereka kurang ataupun tidak berminat untuk menaja atau mengiklankan produk mereka di dalam majalah-majalah knowledge based. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyeru rakyat Malaysia, must be knowledge triumphant. Kita harus membanggai pendidikan dan ilmu, tetapi bagaimanakah penerbit-penerbit yang ingin mengetengahkan majalah yang tinggi mutunya tidak mendapat sambutan langsung daripada para pengiklan. Sebaliknya, mengapakah para pengiklan berebut-rebut untuk mempromosikan dan memperkenalkan gaya hidup liar, gaya hidup Salem, gaya hidup bebas tanpa sekatan, gaya hidup yang boleh, sekiranya tidak disekat menggalakkan maksiat? Mengapa para pengiklan lebih suka mencurahkan wangnya ke disko-disko menaja Ladies Night tetapi enggan menyahut seruan kerajaan untuk meningkatkan knowledge triumphant citizen of Malaysia ini hendak menaja iklan umpamanya di dalam *Dewan Masyarakat*, *Mustika* atau apa-apa lagi majalah yang bermutu.

Mengapa memilih majalah picisan untuk menyalurkan iklan-iklan mereka — Dr. Martinlah — semuanya digalakkan supaya rakyat Malaysia terdorong kepada satu cara hidup ala Barat tanpa sekatan sebeb-bebasnya. Mengapakah perkara ini harus berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, ini amat dikesali. Saya harap para pengiklan di dalam negara ini menerusi persatuan-persatuannya akan mengambil — just take note atau mengambil nota terhadap hakikat ini. Adakah mereka hadir di sini untuk sabotaj kesejahteraan rakyat negara ini sedangkan Wawasan 2020 sedang membentuk, membimbing untuk membawa rakyat menghala kesejahteraan harmoni dan kesejahteraan insan lahiriah dan dalam spiritualnya. Mereka enggan datang. Mereka lebih membiayai pesta-pesta. Ini hakikat yang sebenarnya.

Sebilangan besar mereka hanya membiayai pesta-pesta. Kalau diadakan satu pesta rock di Kuala Lumpur, dia akan berebut-rebut datang untuk mempromosikan barang, tetapi untuk menaja majalah-majalah yang akan dijadikan sandaran perkembangan ilmu, mereka terlalu sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan perbincangan Belanjawan ini, saya harap sekali lagi, pihak Kementerian Penerangan, sekiranya mereka terbabit dalam hal ini ataupun Kementerian-kementerian lain akan mengambil nota dan juga menggerakkan kepada satu gerakan untuk memperbaiki kedudukan ini — to rectify the situation. Pada waktu yang sama, saya harap para pengiklan di seluruh negara jangan sahaja terlalu obsess dengan gaya hidup bebas ala Barat tanpa sekatan, tetapi mereka harus menunjukkan obsession juga terhadap kewujudan budaya Malaysia yang berilmu, warga Malaysia yang berilmu, warga Malaysia yang seimbang di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Beaufort.

5.17 ptg.

**Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Di atas Belanjawan Tambahan ini, saya akan menyentuh khususnya kepada keperluan negara, integrasi nasional dan juga perkhidmatan awam negeri dan persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, peranan yang boleh dimainkan oleh perkhidmatan awam negeri dan persekutuan, khususnya melalui kakitangan kerajaan pelbagai peringkat untuk memupuk dan mempertingkatkan integrasi nasional. Integrasi nasional bukanlah satu isu yang baru. Perkara ini harus diberikan perhatian yang serius, berterusan dan unggul kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menggariskan dan menekankan sebagai salah satu cabaran utama yang harus ditangani dalam usaha ke arah merealisasikan pembentukan sebuah masyarakat Malaysia atau negara yang bersatu padu.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara merdeka yang berdaulat serta disegani oleh bukan sahaja negara-negara sedang membangun, tetapi negara-negara maju menunjukkan keupayaan kepimpinan negara, terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum, agama dan kebudayaan ke arah merealisasikan Wawasan 2020.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Semenjak peristiwa hitam 13 Mei 1969 melanda negara kita, berbagai usaha telah dilakukan oleh Kerajaan

Barisan Nasional untuk memupuk rasa persefahaman dan perpaduan di Malaysia. Insya-Allah, saya yakin dan saya amat berbangga kerana dalam pilihan raya yang baru lalu, sokongan rakyat berbilang kaum terhadap Kerajaan Barisan Nasional telah meningkat dengan baik sekali dan menunjukkan dengan jelas adanya saling mempercayai antara berbagai kaum di Malaysia.

Ini merupakan langkah awal ke arah proses integrasi nasional yang utuh dan kukuh memandangkan rakyat Sabah sendiri juga memilih untuk menyertai arus perdana politik nasional menerusi Barisan Nasional.

Sukacita ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sentimen perkauman dan anti Persekutuan pada suatu ketika dahulu sangat menebal di sanubari rakyat Sabah telah berjaya diredakan melalui usaha gigih pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Malah satu ketika dahulu, kita selalu mendengar ungkapan negatif yang diapiapikan oleh setengah-setengah pihak seperti "Sabah untuk orang Sabah". Keadaan ini berlaku kerana adanya sikap pemimpin yang cuba meracuni pemikiran rakyat bagi kepentingan politik sendiri. Pandangan rakyat Sabah yang selama ini dikaburi oleh dakyah-dakyah negatif kini mereka sudah kian celik. Sokongan yang diperolehi oleh Barisan Nasional dalam pilihan raya yang baru lalu jelas menunjukkan adanya peningkatan sokongan masyarakat Sabah terhadap kerajaan yang dipimpin oleh Barisan Nasional. Dengan adanya keinginan untuk melihat perubahan yang boleh dinikmati oleh Sabah terutama dalam konteks integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk memupuk dan mempertingkatkan integrasi nasional sesama rakyat Malaysia mahupun di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia harus diteruskan oleh kerajaan secara serius. Usaha ini mendapat perhatian serius pemimpin-pemimpin Barisan Nasional di Sabah dan ia telah dibincangkan secara panjang lebar di mana rumusnya adalah terkandung dalam "Gagasan Sabah Baru". Dengan itu, saya amat mengalu-alukan program-program yang menekankan integrasi nasional yang sedang gigih dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia melalui pelbagai Kementerian, jabatan kerajaan dan pihak swasta.

Dalam proses ini, saya mengakui adanya berbagai kekangan yang terus dihadapi terutamanya dalam konteks kedudukan geografi dan fizikal yang memisahkan wilayah-wilayah di Malaysia. Saya amat berharap para pelaksana tidak akan berputus asa dalam menghadapi pelbagai kekangan tersebut dan usaha-usaha murni ini sudah mula membuahkan hasilnya.

Pada hemat saya, kakitangan kerajaan harus memainkan satu peranan penting ke arah memupuk dan mempertingkatkan integrasi nasional dalam konteks Sabah dan Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Hubungan kerjasama yang agak renggang untuk beberapa tahun lalu telah berjaya dipulihkan apabila Kerajaan Barisan Nasional mengambil alih tampuk pemerintahan negeri Sabah pada awal tahun 1994.

Pada hari ini, hubungan kerjasama di antara kakitangan-kakitangan awam negeri Sabah dan Persekutuan adalah sangat erat dan kukuh. Saya amat mengalu-alukan dan menyokong agar lebih banyak program-program berorientasikan integrasi nasional ini akan terus dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia untuk mencapai impian membentuk masyarakat

atau negara Malaysia yang bersatu-padu menjelang tahun 2020. Program-program yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam seperti penukaran, lawatan sambil belajar, penukaran kakitangan, sukan tahunan, latihan, hari keluarga dan sebagainya haruslah diteruskan dan diperbanyakkan kerana sudah terbukti ianya boleh membantu dalam memupuk dan mempertingkatkan integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon izin untuk mengutarakan beberapa cadangan yang difikirkan kritikal dan praktikal dalam usaha membantu kerajaan memupuk dan mempertingkatkan integrasi nasional menerusi penyertaan kakitangan awam. Antara cadangan-cadangan saya ialah:

- (i) Kerajaan Pusat harus mengadakan program-program untuk menggalakkan lebih ramai kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri memilih untuk diserapkan ke dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan.
- (ii) Program pertukaran lawatan kakitangan harus diperbanyakkan dan penglibatan kakitangan bawahan harus dipertingkatkan.
- (iii) Menyediakan lebih banyak peluang bagi kakitangan awam dari negeri Sabah untuk menyertai perkhidmatan diplomatik di Kedutaan Malaysia.
- (iv) Perlunya perubahan paradigma di kalangan kakitangan perkhidmatan awam dengan memberi penekanan kepada perubahan pemikiran terhadap sistem, nilai dan sikap yang relevan dan peka terhadap tuntutan integrasi seperti ciri-ciri inovatif, kreatif, bersikap positif, proaktif, tolak ansur dan mengikiskan sikap prejudis.

- (v) Perlunya pergandingan usaha di antara Jabatan Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri dalam melahirkan perkhidmatan cemerlang.
- (vi) Interaksi integrasi dan kerjasama dari aspek berkongsi pandangan, idea dan masalah melalui mesyuarat, seminar dan dialog harus dijalin oleh kedua-dua pihak dalam menyelesaikan sebarang kerumitan yang dihadapi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri.
- (vii) Pendedahan meluas konsep integrasi nasional harus diberikan kepada kakitangan awam yang akan berkhidmat di Sabah terutamanya pemahaman konsep Sabah Baru dan sebaliknya.
- (viii) Skim gunasama, skim pinjaman dan program attachment, dengan izin, di peringkat nasional yang dapat melibatkan pegawai dan kakitangan dari perkhidmatan negeri harus dipertingkatkan bagi menyemarakkan semangat kemalaysiaan dan untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan di peringkat negeri.
- (ix) Memperbanyakkan program sosial melalui penganjuran sukan, aktiviti budaya dan rumah terbuka semasa perayaan di kalangan pegawai dan kakitangan dari Perkhidmatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, berpandukan cadangan yang telah dikemukakan, saya amat berharap pihak Perkhidmatan Awam dapat menjadi peneraju utama di dalam mempromosi dan memupuk integrasi nasional, di samping adanya peranan gigih yang dimainkan oleh ahli-ahli politik.

Dengan adanya program-program dan dasar-dasar Kerajaan yang bijaksana dan praktikal, adalah menjadi harapan saya negara kita dapat mengatasi masalah-masalah perkauman secara berpanjangan dengan rakyatnya terus dapat menikmati ketenangan melalui kewujudan keharmonian kaum. Kewujudan situasi kehidupan aman damai adalah fakta kejayaan kritikal dalam usaha kita untuk mengejar dan menuju ke arah Wawasan 2020. Hanya melalui penghayatan integrasi nasional oleh kesemua warganegara Malaysia, maka dengan itu akan tercapai cita-cita kita semua untuk mewujudkan satu masyarakat ataupun negara Malaysia yang bukan sahaja bersatupadu tetapi mempunyai sistem minda yang terbuka ke arah pembentukan masyarakat yang terbuka.

Untuk menjayakannya kakitangan awam sebagai pelaksanaannya, harus menghayati dan mempraktikkan sebelum dapat diteladani oleh masyarakat keseluruhan. Ini adalah kerana kakitangan awam adalah tunjang yang boleh digunakan memantapkan integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan apa yang saya telah huraikan tadi, maka saya amat berharap langkah-langkah positif dan berwawasan dapat terus dilaksanakan untuk memantapkan lagi integrasi nasional di kalangan rakyat Malaysia menerusi penyertaan kakitangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mendengar sungutan-sungutan atau tuduhan-tuduhan yang liar yang telah pun dilemparkan oleh pihak-pihak pembangkang khususnya daripada Parti Bersatu Sabah yang mana mengaitkan dengan pilihan raya yang baru kita adakan pada bulan April yang lalu, di mana mereka menuduh kemenangan Barisan Nasional yang mantap itu adalah satu kemenangan yang mana parti Barisan Nasional mengugat dengan memakai akta-akta seperti ISA, OSA dan sebagainya. Ini adalah tuduhan-tuduhan yang tidak berasas dan tidak berkesan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kita ketahui pemikiran yang sempit Yang Berhormat ini, tuduhan seumpama ini yang telah dilakukan oleh mereka yang menggunakan politik suku kaum, politik keagamaan dan politik kedaerahan. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Keningau, mengatakan terdapat tidak kurang daripada 50,000 "undi-undi hantu" sewaktu pilihan raya yang lalu. Tetapi adakah Yang Berhormat dari Keningau itu sedar bahawa ada akta-akta tertentu, ada dasar-dasar tertentu, garis-garis panduan yang telah pun dibuat oleh kerajaan menerusi SPR itu sendiri.

Kita semua di Dewan yang mulia ini mengetahui bahawa dengan adanya pendaftaran baru yang didaftar dan selepas itu pula dipaparkan di dewan-dewan atau pejabat-pejabat daerah tertentu supaya kita sebagai ahli politik, sebagai ketua politik boleh menyemak sebelum ia diluluskan untuk diwartakan. Jadi, kalau mereka mempunyai satu minat untuk tidak menuduh dengan tuduhan yang liar, harus mereka menyemak dan bukan sahaja melemparkan tuduhan-tuduhan yang seumpama ini.

Jikalau terdapat adanya undi hantu sebanyak 50,000, saya yakin dan percaya kami dari pihak Barisan Nasional boleh mengalahkan Yang Berhormat dari Keningau itu dan Yang Berhormat dari Bandau. Kami boleh menghantar dan memberi kemenangan kepada Yang Berhormat Dr. Jeffrey Kitingan di kawasan Bandau. Tetapi ini terbukti, di kawasan-kawasan pedalaman, di kawasan-kawasan luar bandar, mereka boleh menguasai dan memenangi kawasan-kawasan tersebut oleh kerana ketebalan suku kaum yang tertumpu kepada suku kaum tertentu dan mereka ini didedahkan kepada pemikiran yang sempit, kepada satu kaedah di mana politik keagamaan dibawa, suku kaum, secara dialek dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi menjadi tradisi, Yang Berhormat dari Keningau adalah menyatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini tidak mempunyai kemajuan. Dalam ucapannya membahaskan Titah Ucapan Di Raja baru-baru ini, beliau menyentuh tiada kemajuan Barisan Nasional sejak tahun 1963. Tetapi ingin saya memperingatkan kepada beliau supaya ingat dan sedar bahawa pada tahun 1976, Yang Berhormat dari Keningau itu sendiri menjadi Wakil Rakyat parti BERJAYA dan pernah menjadi Menteri pada ketika itu, di mana Kerajaan BERJAYA pada ketika itu adalah di dalam Barisan Nasional. Selepas itu pula, beliau menubuhkan Parti Bersatu Sabah dan memohon sebagai ahli Barisan Nasional pada tahun 1986 dan menjadi satu keadaan selalu diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Keningau balik dan meminta mandat kepada rakyat.

Tetapi ingin saya memperingatkan kepada Yang Berhormat bahawa pada tahun 1990 iaitu 15hb. Oktober, semusim Parti PBS keluar dari Barisan Nasional, adakah Yang Berhormat itu sendiri balik kepada rakyat? Adakah bertanya kepada ahli-ahli atau calon-calon yang mereka calonkan ataupun sebaliknya?

Kita ketahui bahawa pada 1994, beliau sendiri menggunakan satu surat untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri Sabah yang telah ditandatangani oleh Yang di-Pertua Negeri, kemungkinan surat itu adalah surat lama, bukan tahun 1994 tetapi tahun 1990. Ini memperlihatkan keadaan yang begitu negatif. Yang Berhormat dari Bandau menjadi tradisi beliau baik di Dewan Undangan Negeri selalu memperkatakan bahawa ahli-ahli yang berhijrah masuk ke Barisan Nasional sebagai ahli "lompat" ataupun "katak".

Saya menyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua bahawa kami yang berhijrah ke Barisan Nasional ini adalah ahli-ahli yang



berani, ahli-ahli yang bertanggungjawab kepada rakyat (*Tepuk*) yang tidak mahu mengorbankan rakyat. Kalau kita melihatkan keadaan itu menuju ke arah jalan yang buntu, kita sebagai Wakil Rakyat, sebagai pemimpin harus bertanggungjawab dan harus memilih jalan yang baik supaya kita akan dapat membangun kawasan, negeri dan negara kita.

Jadi, kalau kita cerita sebagai "katak" ini, kemungkinan besar bahawa ada lagi "raja katak". Raja katak ialah Presiden Parti Bersatu Sabah. (*Tepuk*) Mereka ini suka melompat ke belakang secara reverse seperti mana kita telah pun lihat dan kita alami pada 15hb Oktober 1990, keluar dari parti Barisan Nasional, selepas itu masuk Gagasan Rakyat. Keluar dari Gagasan Rakyat lepas itu membuat persefahaman dengan parti DAP. Lepas itu engkar daripada persefahaman dan sebagainya. Ini satu kaedah dan satu keadaan menunjukkan bahawa mereka ini benar-benar bukanlah memperjuangkan demi kebaikan rakyat tetapi untuk menumpukan dan berkeinginan untuk menerajui kerajaan dengan jalan-jalan yang sempit.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian, saya mengucapkan ribuan terima kasih.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nampaknya dia sudah habis berucap. Hendak beri jalan Yang Berhormat?

**Datuk Nurnikman bin Abdullah:** Beri, beri.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu istilah "rajakatak" atau "kepala katak" yang lebih tepat.

Yang kedua, saya hendak tanya Yang Berhormat sama ada dengar cerita sekarang ini, kepala katak ini pun hendak loncat juga masuk ke Barisan ini tetapi hendak tunggu kalau ada tawaran baik. Jadi, bersetujukah Yang Berhormat kalau katak yang macam ini orang panggil katak puyu? Bersetuju atau tidak?

**Datuk Nurnikman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, 'kepala katak dan raja katak' itu istilahnya lebih kurang. Jadi, 'raja katak puyu' ini baru saya dengar pada hari ini, tetapi kalau istilah itu tepat dan kena pada tempatnya, saya amat bersetuju.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa untuk perbahasan ini tidak lebih dari sehari sahaja, jadi saya terpaksa menghadkan masa untuk setiap orang berucap kepada 10 minit. Kubang Kerian.

5.41 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian):** Tuan Yang di-Pertua — 10 minit.

Pihak kerajaan bercadang untuk menubuhkan Pusat Pemulihan Akidah. Kami mengalu-alukan pusat penubuhan ini dan kerajaan hendaklah berhati-hati dalam segi tindakannya supaya mereka yang benar-benar menyeleweng daripada akidah akan diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, orang Melayu, bila disebut sahaja orang Melayu sebelum merdeka mereka adalah beragama Islam. Walaupun sejahat mana mereka, mungkar apapun yang mereka buat, mereka itu adalah beragama Islam, tetapi selepas merdeka nilai ini telah berubah, sudah ada orang Melayu yang murtad daripada agama Islam dan memeluk agama Kristian.

Bila saya utarakan pandangan ini dahulu ada mereka yang mengatakan bahawa mana ada orang Melayu yang murtad? Tetapi bila saya ditahan di bawah ISA di Kemunting, Taiping saya duduk dalam satu bilik orang Melayu yang telah menjadi paderi, di antaranya Helmi Mohd. Noor dan Jamaluddin daripada Muar. Helmi Mohd. Noor dari Sabak Bernam. Mereka sudah sampai ke tahap paderi.

Selepas itu kita lihat ada lagi di dalam akhbar-akhbar yang menyiarkan atau membuat tuntutan di mahkamah yang mereka telah pun menukar agama ataupun ingin menukar agama. Pihak kerajaan hendaklah mengambil secara serius perkara ini kerana masalah ini, masalah yang besar kerana sebelum ini, pihak penjajah telah menjajah negara kita ratusan tahun, tidak ada orang Melayu yang menukar agama, walaupun mereka rosak di sudut perangai dan akhlak mereka. Tetapi kebelakangan ini kita lihat trend ini berlaku bahkan mereka telah sampai ke tahap paderi. Perkara inilah perlu ditumpukan paling utama oleh pihak Jabatan Perdana Menteri dalam Pusat Pemulihan Akidah nanti.

Memang dalam Islam ada konsep (*membaca petikan dalam bahasa Arab*) 'Tidak ada paksaan' dalam agama. Tetapi apabila seseorang itu telah mengaku memeluk agama Islam, maka mereka tidak boleh meninggalkan lagi agama itu dan Pusat Pemulihan Akidah ini mengambil berat perkara ini seberat-beratnya. Kemudian trend kebelakangan ini kumpulan yang mengetepikan Hadis, mereka ini disebut berkali-kali oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri sekarang iaitu kerajaan mengambil berat dan sedang mengekori perkembangan mereka, tetapi golongan ini semakin giat, bahkan baru-baru ini mereka berjaya membuat satu seminar ataupun satu 'kolokium' pemikiran di Universiti Malaya. Apakah mereka ini mudah bergerak dan kerana mereka ini golongan intelektual?

Maka kita harap kerajaan mengambil berat masalah tumbuh begitu subur golongan yang menolak Hadis, yang kita lihat mereka ini berpusat di Pulau Pinang, perkembangannya yang baik sekarang ini di Kuala Lumpur dan juga di Johor Bahru. Kita harap pihak kerajaan memandang serius perkara ini kerana kita tahu bahawa asas agama Islam itu tetap bergantung kepada Al-Quran dan Hadis, dan golongan yang menerima Al-Quran sahaja mereka ini harap diambil tindakan ataupun kerajaan berdialog dengan mereka untuk membimbing mereka kembali ke jalan yang benar.

Perkara seterusnya dalam masa 10 minit ini, saya ingin juga menyentuh tentang penyusunan kabinet kerajaan. Bagi kami, kami nampak semua Menteri atau jawatan adalah penting, tidak ada jawatan ini lebih penting atau jawatan ini kurang penting. Yang menimbulkan satu persoalan kepada saya kenapa Presiden MCA ketika mengulas pembentukan kabinet, beliau mengatakan "Inilah yang kami tunggu begitu lama, sekarang baru kami dapat" iaitu perlantikan wakil MCA menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Saya ingin tahu apa istimewanya Menteri Dalam Negeri ini? Apa ada di Kementerian itu, yang menyebabkan ianya menjadi idaman MCA? Sehingga mereka mengatakan bahawa "Sekarang baru kami dapat, setelah kami tunggu begitu lama", apakah Menteri-menteri lain tidak penting? Sedangkan Kementerian itu yang menjadi idaman.

Saya yang tidak mendalam hal-hal perjalanan kabinet dan Kementerian ini, saya ingin tahu apa istimewanya Kementerian Dalam Negeri yang menjadi idaman pihak MCA.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin menyentuh masalah *Hansard* Parlimen. Selalu bila kita berucap maka

tiap-tiap hari dikeluarkan catatan ucapan kita besoknya atau selepas itu, kemudian dibukukan. Yang menjadi masalah kepada kita iaitu bila kita hendak semak balik ucapan-ucapan Ahli-ahli Parlimen yang terdahulu, kita pergi ke perpustakaan dan sebagainya amat sukar untuk kita men-carinya, maka saya mencadangkan bahawa *Hansard* setiap orang Ahli Parlimen dibukukan bagi setiap orang supaya bila kita hendak semak ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa menjadi back benchers, kita senang mencarinya. Begitulah ucapan Profesor Zulkiflee Mohamad semasa menjadi Pembangkang dahulu, ucapannya dapat kita cari dengan senang. Sekarang kalau kita hendak cari cukup susah kerana digabungkan dalam semua ucapan, tidak pergi ke seorang-seorang. Jadi, kita cadangkan supaya pihak Parlimen membuat *Hansard* ini dalam bentuk seorang demi seorang dengan yang ada sekarang ini dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya masa yang ringkas ini juga saya ingin menyentuh Kafa iaitu Kelas Al-Quran dan Fardu Ain, yang pihak kerajaan berjanji kepada mereka sebelum pilihan raya dahulu untuk memberi bonus kepada mereka, memberi ganjaran kepada mereka, sampai sekarang mereka masih lagi belum dapat. Diharap pihak kerajaan dapat mempercepatkan pemberian bonus ini kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh lagi masalah yang dihebohkan sekarang iaitu masalah penswastan institut pengajian tinggi. Perkara ini walaupun ada ura-ura termasuklah Menteri Pelajaran sendiri mengatakan bahawa seminar atau kajian untuk menswastakan Universiti Kebangsaan, korporatkan Universiti Kebangsaan itu ditangguhkan. Tetapi kajian-kajian terus dibuat sekarang ini untuk korporatkan Institut Teknologi Mara. Perkara ini saya harap sungguh-sungguh

kerajaan berhati-hati dalam usaha untuk mengkorporatkan institut pengajian tinggi ini kerana sekarang ini rata-rata ia mendapat tentangan daripada golongan rakyat dan juga daripada cendekiawan kita di universiti.

Kajian sedang dibuat oleh pihak ITM sekarang termasuklah dua orang pensyarah mereka yang ditugaskan untuk membuat kajian itu datang menemui saya dan membuat kajian. Saya telah memberi pandangan-pandangan saya tentang bahayanya kalau kita koporatkan institut pengajian tinggi ini dalam keadaan bentuk ekonomi bumiputera di Malaysia, dalam keadaan penerimaan kaum di Malaysia ini yang kita lihat belum lagi ketara atau belum lagi seimbang sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena lihat pandangan Perdana Menteri bahawa beliau sendiri amat takut tentang apa yang dipanggil 'concept bubble economy' iaitu ekonomi yang satu hari boleh merosot, yang menyebabkan pelabur-pelabur asing lari daripada kita.

Sekarang ini kita lihat Indonesia dan India mula membuka ruang ataupun memberi satu kelonggaran kepada syarikat-syarikat asing untuk masuk ke negeri mereka. Kalaulah pelabur-pelabur asing itu meninggalkan diri kita, maka pada waktu itu kita kena bertahan apa yang ada. Jadi, pandangan Perdana Menteri itu hendaklah diambil kira.

Dalam perkembangan ekonomi yang subur ini janganlah kita terpengaruh dengan konsep penswastan sehingga asas-asas yang boleh menguatkan satu kedudukan itu kita longgarkan dan ia boleh menjadi lemah.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat kebelakangan ini apabila perkembangan ekonomi yang begitu hebat, ada baik — tentulah baik, tetapi kita kena lihat kesan-kesan negatif yang menimpa masyarakat

kita sekarang. Anak-anak Melayu kalau dahulunya mereka mengambil peperiksaan SPM dapat gred 3, mereka usaha ke sekolah private untuk ulang kali yang kedua untuk mendapat gred 2 atau gred 1. Oleh kerana sekarang ini kilang-kilang menawarkan pekerjaan yang banyak, sudah ada kecenderungan sekarang ini anak-anak bumiputera khasnya di kampung-kampung, mereka sudah tidak mahu lagi ulang untuk belajar, bahkan mereka pergi kerja di kilang kerana mereka ditawarkan gaji antara RM400–RM600. Maka kita lihat sekolah-sekolah swasta tempat anak-anak bumiputera mengulang pelajaran mereka, sekarang ini sambutannya semakin kurang kerana mereka sudah malas untuk meneruskan peningkatan pelajaran mereka kerana peluang pekerjaan telah ada.

Yang membimbangkan kita, 'bubble economy' yang disebutkan oleh Perdana Menteri itu kalau berlaku, maka pelabur-pelabur asing akan lari dan masa itu kita akan lihat berlakunya suatu suasana yang tidak baik kalau kita tidak usahakan daripada sekarang supaya pelajar-pelajar kita ini terus berminat dalam bidang pelajaran. Ini hendaklah diambil kira oleh pihak kerajaan. Di samping kita mengejar kemajuan ekonomi janganlah kita lupa tapak asas kekuatan kita iaitu pelajaran yang kita nampak sekarang ini terabai ataupun kurang diambil berat oleh pihak kerajaan kerana keutamaan kepada keuntungan yang sedang berlaku begitu hebat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa Ahli Yang Berhormat sudah suntuk.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Seminit!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Boleh gulung. Secepat mungkin!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah-masalah ini, kita perlu lihat juga pada masa akan datang kemaraan golongan-golongan yang hebat yang boleh menguasai ekonomi dan juga politik sesuatu negeri. Saya mengambil perhatian misalnya, overseas Chinese — mereka sekarang ini lebih kerap mengadakan seminar dan conference. Baru-baru ini di Manila diadakan suatu conference overseas Chinese di mana dalam conference itu wakil dari Malaysia, seorang peniaga, seorang taikoon yang hebat telah mengeluarkan satu kenyataan di Manila. Katanya, "kami di Malaysia tidak ada masalah sebab apa yang kami hendak kami dapat kerana kami rapat dengan orang-orang politik". Ini kenyataan daripada tokoh ahli perniagaan Malaysia kumpulan "Kok Brothers" yang mereka ini terlibat dalam conference yang diadakan di Manila. Apakah motifnya sekarang ini conference seperti ini begitu kerap diadakan? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Mentakab.

5.53 pm.

**Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyakterimakasih atas peluang yang diberi untuk membahaskan Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Perbekalan (Tambahan) 1994 dan 1995.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama izinkan saya memberi sedikit pandangan terhadap Perbelanjaan Mengurus (Tambahan Pertama) Tahun 1995 sebanyak RM29.9 juta bagi Maksud B. 17 — Kementerian Belia dan Sukan untuk membiayai Program Rakan Muda (PRM). Program Rakan Muda ini memang dialukan oleh semua lapisan masyarakat. Ini menunjukkan keazaman kerajaan dalam membanteras gejala-gejala lepak, bohsia

dan kegiatan-kegiatan yang berunsur negatif di kalangan belia. Walau bagaimanapun, saya berhemat bahawa terdapat beberapa faktor yang penting perlu kita teliti dalam pelaksanaan PRM ini.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kebanyakan peruntukan PRM adalah untuk membiayai persatuan-persatuan berkaitan menganjurkan aktiviti-aktiviti PRM seperti Rakan Sukan, Rakan Masyarakat dan lain-lain. Kementerian Belia dan Sukan selain daripada memberi sumbangan kewangan juga memainkan peranan sebagai koordinator, memujuk belia yang berminat menyertai PRM dalam persatuan-persatuan berkenaan. Walaupun sambutan dan pelaksanaan pada peringkat awal kini amat menggalakkan, saya ingin mengambil kesempatan keemasan ini untuk mengingatkan Kementerian agar mengadakan satu sistem atau kaedah yang sistematik untuk mengkaji dan meluluskan semua permohonan peruntukan PRM. Ini adalah untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya penyalahgunaan dalam peruntukan PRM.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya PRM ini akan berjaya dengan penyertaan menyeluruh segenap lapisan masyarakat. Maka ia merupakan satu kewajipan kita bersama baik di peringkat kebangsaan, kementerian, cawangan belia dan sukan setiap daerah ke setiap keluarga dan ibu bapa, guru-guru serta orang perseorangan untuk memberi khidmat kepada belia kita.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Kerajaan Negeri Kelantan baru-baru ini yang menolak PRM amat menyedihkan dan tidak bertanggungjawab. Ini menunjukkan sikap Kerajaan Negeri Kelantan tergamak menggadaikan masa hadapan belia semata-mata untuk mengukuhkan kepentingan parti sendiri. Ahli falsafah dan pakar perang Cina, Shih Che sering

mengamalkan prinsip, "kejayaan hanya boleh diperolehi dengan satu hati dari semua pihak". Di sini saya ingin menyeru kepada semua rakyat Malaysia agar giat menceburi diri demi kejayaan PRM ini untuk memastikan generasi akan datang adalah golongan yang sihat dan dinamik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta Kementerian Belia dan Sukan menjelaskan daripada peruntukan PRM, adakah Kementerian bercadang membina kompleks mini sukan serbaguna yang mempunyai kemudahan-kemudahan moden di taman-taman perumahan untuk mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti PRM? Pada masa kini kemudahan-kemudahan kompleks sukan dan rekreasi untuk orang ramai adalah berkurangan di taman-taman perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih kepada peruntukan Kementerian Pendidikan iaitu Perbelanjaan Mengurus (Tambahan Pertama) 1995 sebanyak RM35 juta bagi maksud B. 26 untuk membiayai kerja-kerja pembaikan, penyelenggaraan, penggantian peralatan Universiti Malaya dan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan Keempat) 1994 sebanyak RM152 juta untuk membiayai projek-projek pembangunan sekolah dan universiti tempatan. Saya ingin menyokong permintaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sektor industri pembuatan menyumbang sebanyak 32.8% kepada KDNK. Pembangunan sektor ini pun telah sampai kepada satu tahap di mana kita akan mengutamakan industri berteknologi tinggi dan bermodal intensif. Dalam perkataan lain, kita tidak akan menggalakkan lagi industri yang terlalu bergantung kepada tenaga buruh yang banyak. Sama ada kita akan dapat menjayakan dalam strategi baru ini dan seterusnya untuk memastikan pertumbuhan

ekonomi yang berterusan adalah tertakluk kepada sama ada kita dapat memastikan bekalan tenaga mahir yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan industri berteknologi tinggi memerlukan ramai tenaga mahir dan separuh mahir seperti jurutera, juruteknik dan sebagainya. Mengikut satu kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Tenaga Manusia mengenai bekalan dan permintaan tenaga mahir untuk tahun 1994-2000, kita dapati bahawa jumlah jurutera dan profesional di bidang teknikal yang dapat dibekalkan oleh institusi pengajian tinggi tempatan ialah seramai 4,700 orang setiap tahun dan jumlah tenaga separuh mahir seperti juruteknik, draftsman, dengan izin, ialah seramai 40,500 setiap tahun dari semua graduan sekolah-sekolah vokasional, politeknik dan institusi-institusi kemahiran. Pada masa yang sama industri kita memerlukan tenaga mahir dalam kategori jurutera dan profesional seramai 9,900 orang setahun dan kategori juruteknik dan draftsman seramai 80,000 orang setahun. Ini bermakna kita akan menghadapi kekurangan 5,200 orang jurutera dan 44,500 orang juruteknik setahun.

Senario ini amat serius dan saya bimbang kalau keadaan ini dibiarkan berterusan ia akan menjejaskan usaha negara kita dalam mencapai matlamat pembangunan industri yang berteknologi tinggi. Atas kesedaran ini, Kementerian Pendidikan harus mengkaji pada keseluruhan keberkesanan dan keupayaan institusi pengajian tempatan tentang fungsinya dalam latihan supaya kapasiti dan kualitinya dapat dipertingkatkan lagi. Justeru itu, saya ingin mencadangkan bahawa:

- (i) Di peringkat sekolah rendah dan menengah:

Menggalakkan kecenderungan minat murid-murid mengikuti aliran sains supaya nisbah murid-

murid yang mengikuti aliran sains dibandingkan dengan aliran sastera adalah sekurang-kurangnya 60:40 dan bukannya 30:70 pada masa sekarang.

- (ii) meningkatkan lagi bilangan penuntut baru atau enrolment di institusi pengajian tinggi, politeknik dan sekolah vokasional. Langkah-langkah pembangunan harus dipercepatkan untuk pembesaran dan pembinaan baru institusi, universiti dan politeknik, termasuk Kolej MARA dan TAR;
- (iii) memperkenalkan peluang pendidikan jarak jauh sebagai pendidikan berterusan termasuk penubuhan universiti terbuka. Sehubungan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang telah mengumumkan akan memperkenalkan satu skim di mana mereka yang mempunyai kelayakan SPM tetapi mempunyai pengalaman yang sesuai akan dipertimbangkan untuk kemasukan ke universiti mengikuti kursus ijazah sarjana muda;
- (iv) memperkukuhkan tali perhubungan antara pihak universiti dan masyarakat industri supaya mata pelajaran kurikulum dan kandungan projek penyelidikan dan pembangunan lebih bersesuaian dan memadai dengan permintaan industri semasa;
- (v) terus menggalakkan pihak swasta memainkan peranan yang aktif dalam sektor pendidikan dan latihan agar ianya bukan sahaja membantu Kerajaan mengeluarkan lebih ramai graduan, tetapi menjadikan

Malaysia satu pusat pendidikan di kawasan Asia-Pasifik, di mana rakyat daripada negara-negara yang baru membangun akan bertumpu ke Malaysia untuk mencari pendidikan, latihan dan pengetahuan;

- (vi) melalui pengkorporatasi memperbaiki skim gaji dan perkhidmatan pensyarah institusi pengajian tinggi supaya dapat menarik lebih ramai pensyarah yang berkelayakan dan berpengalaman untuk menyertai universiti kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Perbelanjaan Pembangunan (Tambah Keempat) 1994 dan (Pertama) 1995 untuk Maksud P. 28 — Perbendaharaan, di bawah Kementerian Kewangan, di mana sebanyak RM25 juta telah diperuntukkan untuk pelaburan Decomposite Technology Research Malaysia dan sebanyak RM8 juta untuk pelaburan di MRAS Sdn. Bhd. Saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan menjelaskan apakah kedua-dua syarikat ini, apakah kegiatan perniagaan mereka, jumlah harga projek, jumlah modal berbayar, jumlah pelaburan Malaysia, apakah manfaat yang akan diperolehi oleh Malaysia dari segi keuntungan dan pembangunan teknologi.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Dengan pandangan dan cadangan di atas, saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini.

**Beberapa Ahli: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ada usul, Ahli-ahli Yang Berhormat, tunggu sebentar.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Pertahanan (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan hingga telah selesai perbincangan atas dasar am Kerajaan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan sehingga pukul 8.30 malam mengikut mana yang terdahulu.

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dr. Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah usul seperti yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputus, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan hingga telah selesai perbincangan atas dasar am Kerajaan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan sehingga pukul 8.30 malam mengikut mana yang terdahulu.

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

*Perbahasan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kita balik ke perbahasan. Balik Pulau.

6.05 ptg.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau):** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tidak banyak, saya akan terus kepada apa yang saya hendak perkatakan.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah pembentukan struktur ekonomi negara adalah berkait rapat dengan penyertaan negara dalam perdagangan antarabangsa yang pada mulanya kita menjadi sebuah tempat perdagangan di antara dua tamadun besar dunia. Kemudiannya, ekoran daripada penjajahan kita telah menjadi satu pusat di mana komoditi-komoditi utama menjadi bahan utama perdagangan negara. Apabila negara mencapai kemerdekaan, kita merupakan salah sebuah negara yang berdagang di dunia di dalam bahan-bahan keluaran komoditi seperti getah dan timah. Kemudiannya di dalam tahun-tahun 1970-an, negara kita berganjak pula kepada strategi penggantian import yang dirasakan sekarang ini agak kurang berjaya, dan seterusnya dalam pertengahan tahun 1970-an dan seterusnya hingga 1980-an dan dengan mendadak pada akhir-akhir tahun 1980-an, negara mengambil sikap untuk mengorientasikan ekonomi negara kepada eksport dengan menarik sebanyak mungkin pelaburan luar.

Kita sekarang berada di satu tahap di mana kita telah berjaya dari segi angka-angka makro, mencapai satu tahap yang

agak membanggakan. Kita telah juga berjaya, ekoran daripada pencapaian keupayaan kita, untuk menarik begitu banyak pelaburan. Ini telah menimbulkan kesan-kesan limpahan yang menjadikan negara membangun dari segi infrastruktur asas dan sokongan yang boleh kita banggakan.

Sekarang kita berada di satu tahap di mana kita terpaksa membuat satu keputusan sama ada kita hendak meneruskan di dalam aliran yang saya kata tadi ataupun kita hendak melompat kepada satu aliran yang lain. Oleh sebab kedudukan negara kita sekarang ini berada di dalam satu arena yang mana kita terpaksa bersaing hebat dengan banyak negara-negara lain di rantau ini dari segi keupayaan kita untuk menarik lebih banyak pelaburan asing, saya rasakan masanya telah tiba untuk negara memikirkan untuk kita pergi ke satu peringkat yang lain, iaitu ke peringkat di mana kita bukan sahaja bersaing untuk "attract foreign direct investments" sebagai satu enjin pertumbuhan ekonomi kita, tetapi kita kenalah menjadi peserta yang aktif di dalam pertumbuhan ekonomi dunia dengan menjadi salah satu daripada players yang significant. Dalam konteks itu, maka kita hendaklah menekankan usaha-usaha pembangunan sumber manusia untuk meningkatkan lagi keupayaan kita untuk innovation menerusi research and development dan sebagainya. Kalaulah kita hendak pergi ke satu peringkat yang lebih tinggi daripada hanya bersaing untuk merebut pelaburan asing, firma-firma tempatan hendaklah berkeupayaan untuk mengeluarkan barangan-barangan yang berada di kualiti tangga yang teratas. Untuk itu, kita perlu tenaga-tenaga mahir yang berkeupayaan untuk innovate sama ada innovation itu merupakan innovation process ataupun innovation dari segi yang lebih asas.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun untuk kita meniru teknologi, untuk kita melakukan reverse engineering, kita juga memerlukan



satu tahap kepakaran yang tinggi. Saya ingin kaitkan saranan saya supaya kita pergi ke satu tahap yang lebih tinggi, ke tahap di mana kita boleh terlibat dengan secara langsung dalam innovation teknologi sama ada basic technology ataupun process technology ataupun reverse engineering, dengan izin, dengan dasar pendidikan dan juga dasar pembangunan sumber manusia.

Oleh sebab keupayaan untuk melakukan benda-benda yang saya katakan tadi, ianya memerlukan satu tahap kepakaran yang cukup tinggi, sesuatu negara memerlukan pembentukan satu massa kritikal ilmu dan ilmuan ataupun critical mass of knowledge and sufficient number of expert-scientists, dengan izin, barulah kita berupaya untuk mencipta sesuatu yang baru. Maka saya sarankan dalam keghairahan kita untuk mendemokratikkan pelajaran, kita juga jangan sekali-kali mengabaikan penekanan kepada kecemerlangan di dalam sistem pendidikan kita.

Saya sedar misalnya sekarang ini, negara menghadapi kesuntukan tenaga pekerja walaupun pada peringkat separa mahir ataupun peringkat yang mahir tetapi tidaklah pada peringkat yang expert. Maknanya sistem pendidikan di negara kita sekarang ini tidak berkeupayaan untuk mengeluarkan pekerja-pekerja untuk memenuhi tuntutan keadaan sekarang, walaupun keadaan sekarang ini merupakan keadaan yang mengikut saranan saya tadi, patut kita ganjalkan ke atas.

Jadi, dengan itu, saya menyokong usaha untuk meliberalisasikan sistem pendidikan kita sama ada dalam usaha pengkorporatan institut-institut pengajian tinggi ataupun dengan membenarkan pengwujudan kampus cawangan universiti-universiti luar. Tetapi saya ingin menyarankan atau memperingatkan Kementerian Pendidikan bahawa di dalam usaha mengkorporatkan institusi-institusi pengajian tinggi ini, kita hendaklah menyelesaikan masalah-masalah yang belum kita selesaikan dahulu.

Sebenarnya, satu daripada fungsi universiti adalah untuk mengeluarkan hasil-hasil penyelidikan. Dan universiti berbeza daripada institut ataupun berbeza daripada kolej, berbeza daripada politeknik kerana universiti sepatutnya berperanan selain daripada melatih graduan, ianya juga berperanan untuk mendidik graduan. Dan satu fungsi utama institut-institut pengajian tinggi, universiti-universiti khususnya ialah menjalankan penyelidikan: penyelidikan-penyelidikan asas mahupun penyelidikan gunaan.

Dalam usaha untuk kita mengkorporatkan universiti, saya mengharapkan usaha pengkorporatan universiti itu dapat juga menyelesaikan masalah daya pengeluaran hasil-hasil penyelidikan universiti yang pada masa sekarang ini berada pada tahap yang tidak begitu menggalakkan ataupun pada tahap yang bolch kita bangunkan lagi. Tidak ada makna bagi saya kalau kita hendak mengkorporatkan universiti tetapi kita tidak menyelesaikan masalah 'research output', dengan izin, universiti. Kerana ini berkaitan dengan persoalan yang saya timbulkan awal tadi, kerana apa yang kita perlukan daripada universiti-universiti ialah hasil penyelidikannya. Kita memerlukan universiti untuk mengeluarkan penemuan-penemuan ataupun teknologi-teknologi proses-proses yang baru mahupun di dalam bidang teknologi ataupun bidang-bidang pengurusan.

Jadi, saya ingin menyarankan apa juga konsep pengkorporatan universiti yang hendak dijalankan terlebih dahulu hendaklah dipastikan bahawa masalah pengeluaran 'research' universiti ini dapat diselesaikan. Maknanya, jika sekarang ini universiti tidak dapat hasil-hasil itu, kita harapkan pengkorporatan akan membolehkan universiti menghasilkan hasil-hasil penemuan tersebut.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, sekadar ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Balik Pulau. Balik Pulau ini dahulu merupakan seorang tokoh dari universiti. Saya hendak bertanya dengan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, tadi Ahli Yang Berhormat ada mengatakan ketidakpuasan hati Yang Berhormat tentang dari segi kualiti dan juga kuantiti jumlah, cara kita melatih dan cara universiti mengeluarkan graduannya ini.

Persoalan saya, tadi Yang Berhormat ada membawa konsep-konsep reprocess of engineering, kita kaji kembali cara kita membuat sesuatu. Pertanyaan saya ialah bahawa kalau dahulu institusi pendidikan kita ini sama ada menengah atau tinggi, kita wujud sebelum merdeka. Kita hendak masuk universiti mesti ada A Level, O Level — ini yang sebenarnya kita dapat daripada penjajah. Sekarang kita sudah merdeka, kita akan menempa kepada dekad 21, adakah perlu kita melihat kembali cara kita melatih anak-anak kita di universiti. Adakah misalannya hendak masuk universiti kita mesti mendapat A Level, kalau dahulu kita tahu untuk mendapatkan engineer, kita melalui proses yang dipanggil .....

**Seorang Ahli:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat soal terus!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, dia belum tahu lagi ada *locus standi*, dia kompelin sahaja.

Bahawa saya hendak bertanya sama ada Ahli Yang Berhormat nampak perlu kita mencari satu pendekatan baru melihat kembali peranan universiti ini, mengapa hendak mendapat ijazah perlu kita masuk universiti? Kalau dahulu melatih jurutera ini melalui 'apprenticeship'. Bermakna tak perlu kita pergi universiti untuk dapat sijil menjadi jurutera. Bermakna kalau sekarang ini mereka sudah bercakap tentang sekolah itu 'paperless' mengapa tidak untuk dekad akan datang kita dapat jurutera menjadi engineer 'universityless' — tak payahlah lagi pergi ke universiti. Dan pergi ke universiti pun tak payah lagi pakai buku, pakai bawa PC sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa untuk Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah pun suntuk!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Hendak minta penjelasan sedikit.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih, mungkin saya akan dikatakan masih berpegang kepada satu paradigma yang lama di dalam konteks ini, tetapi saya merasakan ada perbezaan di antara peranan universiti dan juga peranan institut-institut mahupun kolej-kolej ataupun politeknik. Yang satunya melatih untuk memberi kemahiran, yang satu lagi mendidik — maknanya ia merangkumi aspek-aspek yang lebih luas daripada cuma melatih untuk memberi sesuatu kemahiran seperti kejuruteraan ataupun yang seumpamanya.

Saya bersetuju misalnya supaya kita tidak semestinya menubuhkan banyak universiti untuk memenuhi keperluan guna tenaga. Untuk itu kita mungkin sepatutnya lebih menumpukan kepada politeknik, institut dan sebagainya tetapi kita hendaklah juga menjaga bahawa point saya yang awal tadi, menjaga supaya universiti yang berperanan untuk mengeluarkan sarjana-

sarjana di peringkat yang paling tinggi yang juga mengeluarkan hasil-hasil research yang di peringkat yang paling tinggi, supaya membolehkan firma-firma di negara kita memanfaatkan hasil-hasil pengeluaran ini.

Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah bahawa pengkorporatan universiti semestinya akhirnya menyelesaikan masalah ini. Maksudnya pengkorporatan universiti semestinya pada akhirnya, tak kira apa juga bentuk yang hendak diambil, mestilah menghasilkan satu sistem pendidikan universiti yang menghasilkan sebanyak mungkin pengeluaran research dan pengeluaran pada specialists.

Dalam pada kita menekankan kepada penyelidikan yang bersifat teknikal, saya juga ingin memperingatkan mereka yang berkedudukan untuk membuat polisi ini, supaya kita jangan abaikan juga penekanan kepada aspek-aspek kemanusiaan. Dewasa ini kita mendengar banyak orang mempersoalkan tentang nilai sastera, nilai-nilai ilmu-ilmu kemanusiaan di dalam proses pendidikan. Saya ingin menyarankan bahawa innovation dan juga creativity ini adalah satu proses manusia mahupun kalau innovation yang diharapkan itu daripada bidang teknologi ataupun kejuruteraan yang akan menghasilkan innovation itu adalah manusia sendiri. Jadi, semestinya kita memanusiaikan sesuatu individu itu sama ada dia hendak menjadi saintis atau hendak menjadi seorang pengurus ataupun apa juga. Jadi, janganlah dalam kita menjurus kepada pendidikan teknikal dan sains, kita mengabaikan ilmu-ilmu yang lain seperti ilmu kemanusiaan, kesenian, pengurusan dan sebagainya.

Dalam konteks ini juga, kita boleh samakan dalam hal usaha kita hendak mewujudkan sebanyak mungkin usahawan juga merupakan satu proses yang akan dilakukan oleh manusia. Jadi, satu sistem pendidikan yang mendidik manusia itu secara menyeluruh, tetapi dengan secara

“rigorous”, saya ingat lebih berkemungkinan untuk menjadikan, melahirkan insan-insan yang lebih kreatif dalam semua bidang. Itulah saranan saya dari segi perkara itu. Sebab saya masih ada sedikit masa lagi, saya ingin pergi kepada satu perkara yang berkait juga iaitu . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa sudah suntuk!

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Okay, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Arau.

*6.20 ptg.*

**Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau):** Tuan Yang di-Pertua, setinggi-tinggi terima kasih kerana membenarkan saya berucap pada petang ini. Saya turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1994 dan Tambahan Pertama 1995.

Syabas kepada Kerajaan kerana membentang Rang Undang-undang ini dan Anggaran Perbelanjaan Tambahan pada hari ini dan tindakan ini jelas membuktikan bahawa amalan prinsip akauntabiliti kepada rakyat dan sekali gus mengamalkan check and balance kepada tindak tanduk badan eksekutif dan pentadbiran. Pembentangan Rang Undang-undang ini membuktikan kejujuran dan keikhlasan kerajaan walaupun kemenangan Barisan Nasional luar biasa iaitu lebih daripada dua pertiga. Mandat baru atau kuasa baru ini bererti tanggungjawab baru yang berat yang perlu dilaksanakan sebaik-baiknya.

Salah satu sebab kejayaan Barisan Nasional yang begitu cemerlang pada kali ini ialah peranan yang dimainkan oleh pihak

pentadbiran, khususnya pegawai-pegawai kerajaan yang menjalankan kerja dengan penuh cemerlang. Suka saya ingatkan dalam menguruskan wang rakyat elakkanlah daripada diminta tambahan yang terlalu kerap agar kerja-kerja atau pengurusan kewangan negara, khususnya wang rakyat dilaksanakan dengan penuh efisien ataupun berkesan seperti mana yang dinyatakan dalam manifesto Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan ekonomi negara yang pesat, tidak dapat dielakkan daripada berlaku inflasi. Tindakan untuk mengawal harga barangan semata-mata sahaja, tidak memadai dan tidak dapat membendung inflasi. Perkembangan ekonomi yang pesat ini juga sudah pasti merupakan sebagai 'pull factor' kepada pendatang asing untuk masuk ke negara ini sama ada secara sah ataupun haram untuk mencari pekerjaan ataupun menawarkan perkhidmatan mereka. Kerajaan perlu memberi 'priority' kepada projek-projek pembangunan supaya ianya tidak akan menjejaskan atau memberi kesan negatif kepada pembangunan negara dan pembangunan ekonomi serta kesejahteraan sosial. Projek-projek pembangunan yang raksasa perlu di 'spread-out'kan, dengan izin, untuk jangka masa yang tertentu dan projek-projek yang, dengan izin, less urgent, ditangguhkan buat sementara waktu supaya ianya tidak akan 'heated up' dengan izin, ekonomi negara kita ini.

Dasar penswastan negara yang perlu dikaji semula supaya matlamat dasar penswastan dan pembangunan ekonomi negara tidak terjejas, di samping memberi kenikmatan kepada rakyat jelata khususnya dalam hal tanggungjawab sosial badan-badan yang telah pun diswastakan. Jangan hanya badan-badan swasta itu mementingkan keuntungan semata-mata. Tindakan-tindakan ini akan memberi kesan positif kepada pembangunan ekonomi terutama sekali kepada kadar inflasi, saraan hidup rakyat dan pembangunan sosial.

Menyentuh mengenai Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) adalah merupakan salah satu Bursa yang terbesar di rantau ini. BSKL merupakan sebagai barometer ataupun indicator kepada kedudukan ekonomi negara dan ianya juga merupakan salah satu pengaruh kepada perkembangan ekonomi dan pengaliran masuk modal atau ekuiti asing. Urus niaga di BSKL masih lagi tertakluk kepada tindakan pelabur-pelabur asing yang sering memindah 'fund' ataupun pelaburan mereka dari satu pasaran ke satu pasaran yang lain. Keadaan ini akan melibatkan ataupun menjejaskan kedudukan urus niaga di BSKL yang sebahagian besarnya dikuasai dan dipengaruhi oleh pelabur-pelabur asing dan secara langsung perjalanan BSKL ditentukan oleh pelabur-pelabur asing ini.

Memang benar, urus niaga di BSKL ditentukan oleh faktor-faktor permintaan dan penawaran, walau bagaimanapun, kita perlu mengawal keadaan ini dan salah satu caranya ialah dengan memberi sokongan terutama sekali oleh agensi-agensi ataupun badan-badan yang berkaitan dengan urus niaga di BSKL supaya tidak terlalu bergantung kepada permainan pelaburan asing dan sekali gus tidak akan menjejaskan pelabur-pelabur sederhana ataupun tidak menganiaya pelabur-pelabur kecil. Tindakan ini adalah perlu untuk menjaga kepentingan negara terutama sekali 'fund' bumiputera yang melabur dari golongan pendapatan yang rendah yang melabur secara tidak langsung melalui Permodalan Nasional, menerusi Amanah Saham Nasional, Amanah Saham Bumiputera dan Amanah Saham-saham lain yang wujud sebagai cendawan hari ini.

Badan-badan ini telah diwujudkan oleh sama ada kerajaan ataupun badan kerajaan. Dengan adanya pengawalan oleh pihak-pihak yang berkaitan dengan BSKL ini, akan lebih memberi faedah kepada pelabur-pelabur kecil ataupun pelabur-pelabur yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, dasar Kementerian untuk membangun dan memperkembangkan golongan usahawan bumiputera perlu digubal secara menyeluruh dan tersusun. Rancangan atau program dan latihan yang akan dilaksanakan perlu dibuat dengan teliti iaitu dengan mengambil kira matlamat jangka masa panjang supaya ianya betul-betul sampai kepada kumpulan sasar dan seterusnya mencapai matlamat penubuhan Kementerian Pembangunan Usahawan. Adalah menjadi harapan kita, bahawa dengan wujudnya Kementerian ini serta dengan dasar, matlamat, rancangan dan program yang disusun akan dapat melahirkan lebih ramai lagi usahawan bumiputera mempunyai daya saingan yang tinggi dan berfikiran global dan dapat memenuhi aspirasi negara dalam usaha social structuringnya, dengan izin, untuk melahirkan bumiputera-bumiputera yang enterpreneurial society dan juga dalam usaha kita untuk merealisasikan matlamat menuju negara maju seperti mana yang diharapkan melalui Wawasan 2020.

Semua agensi dan jabatan di bawah Kementerian, khususnya Kementerian Pembangunan Usahawan hendaklah diselaraskan supaya segala rancangan, program dan latihan yang dirancang akan dijalankan tanpa ada tindihan ataupun overlapping, dengan ini. Kementerian ini juga hendaklah betul-betul menjadi 'the only one stop agency' dengan izin, kepada pembangunan usahawan bumiputera dan juga akan menjadi sebagai satu-satunya tempat untuk usahawan bumiputera mendapat bantuan, bimbingan, perkhidmatan, kepakaran, sokongan dan juga dapat menyelesaikan masalah-masalah mereka.

Menyentuh mengenai Kementerian Belia, program Rakan Muda yang dilancarkan oleh Kementerian hendaklah diperluaskan untuk meliputi aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh siswa dan siswi di kampus-kampus terutama di universiti-

universiti tempatan. Salah satu aktiviti siswa universiti tempatan ialah projek khidmat siswa. Kementerian melalui Rakan Muda boleh koordinat aktiviti khidmat siswa dengan universiti tempatan dan juga memperluaskan dan melibatkan dengan belia-belia, penuntut-penuntut sekolah dan juga pusat pengajian tinggi yang lain, maktab-maktab perguruan supaya semua masyarakat pelajar ataupun masyarakat siswa dapat mengambil bahagian bersama dengan belia-belia tempatan di mana mereka menjalankan aktiviti.

Dengan ini, Projek Khidmat Siswa ini akan mendatangkan kesan yang lebih bermakna dan ianya juga akan merupakan penglibatan yang lebih menyeluruh lagi. Dengan penglibatan belia-belia secara menyeluruh dalam Projek Khidmat Siswa langsung akan memberi peluang. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Ya, saya akan menggulung ucapan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya sedikit saya sentuh mengenai kesihatan.

Kementerian perlu mengkaji dengan teliti tindak-tanduk membenarkan pelajar-pelajar dari kolej perubatan universiti swasta di negara ini untuk menggunakan hospital-hospital kerajaan sebagai tempat latihan mereka kerana ini akan deprive, dengan izin, pelajar-pelajar perubatan kita dari universiti-universiti tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan apa yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini mengenai pemeliharaan dan pengurusan sungai yang saya percaya kementerian-kementerian berkenaan yang berkaitan dengan sungai iaitu Kementerian Pertanian, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya memandang

serius saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana sungai adalah salah satu sumber kekayaan kepada sesuatu negara. Tanpa sungai, tanpa air, bukan sahaja manusia akan menderita bahkan juga binatang dan tanaman.

Tuan Yang di-Pertua, kecantikan sungai harus dipelihara kerana ini akan membawa kita kepada suatu suasana hidup yang indah, suasana hidup yang gembira dan suasana keselesaan kepada rakyat jelata.

Akhirnya, saya berharap Kementerian Pendidikan juga akan memainkan peranan untuk membantu memelihara sungai. Hasrat Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk mewajibkan pelajar-pelajar mengambil bahagian dalam pertubuhan uniform adalah disokong ataupun dialu-alukan kerana ini adalah satu pembentukan nilai-nilai murni, pembentukan disiplin kepada pelajar-pelajar yang akan menjadi warga 2020. . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

6.33 ptg.

**Tuan Liew Ah Kim (Seputeh):** Tuan Yang di-Pertua, masa berapa minit?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sudah tetap 10 minit.

**Tuan Liew Ah Kim:** Terima kasihlah. Tuan Yang di-Pertua, pada satu ketika Kerajaan Barisan Nasional sudah pun memberi jaminan kepada meningkatkan taraf 48 buah kampung baru di seluruh negara termasuk juga Kampung Baru Salak Selatan tetapi selepas pengumuman itu, penduduk-penduduk di Kampung Baru Salak Selatan masih juga menghadapi

keadaan infrastruktur lama sekalipun mereka dikatakan tinggal di kampung baru. Apa sudah jadi kampung baru tetapi infrastruktur masih lama.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan RM5 juta bagi tiap-tiap kampung baru yang disenaraikan sebanyak 48 buah di seluruh Malaysia itu perlu dibangunkan. Jalan-jalan yang terdapat di kampung baru adalah sudah terlalu lama dan banyak berlubang-lubang menyebabkan berbahaya kepada lalu lintas terutama penunggang motosikal. Selain jalan-jalan, kampung baru juga masih mempunyai keadaan yang tidak membanggakan kerana lampu-lampu jalan dan lain-lain kemudahan yang disalurkan tidak up-to-date.

Ahli Majlis Tempatan yang mengendalikannya kampung-kampung baru yang dikuasai oleh MCA lebih mementingkan keuntungan yang mereka perolehi daripada kepentingan masyarakat di kampung-kampung baru.

**Tuan Lim Si Cheng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Senai bangun.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tidak beri peluang, tidak ada masa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia tidak beri peluang.

**Tuan Liew Ah Kim:** Injury time tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, kampung-kampung baru perlu diberi wajah baru dengan peruntukan RM5 juta. Tiap-tiap satu kampung baru ini bukan sahaja nama tidak sesuai lagi dipanggil kampung baru tetapi panorama kampung-kampung baru juga perlu dicorakkan kepada kehidupan moden. Sejarah kampung-kampung baru sepatutnya sudah dikuburkan setelah Sir

Gerard Templar yang mengasaskannya tidak ada lagi di bumi Malaysia. Gambaran kampung-kampung baru ini masa lampau ialah kawasan yang dipagar dengan kawad duri tetapi kampung-kampung baru sekarang dipagar dengan kemunduran akibat diskriminasi dalam pentadbiran. Diskriminasi kepada kampung-kampung baru hendaklah dihapuskan sama sebagaimana orang-orang Melayu menerima saudara-saudara baru. Sebenarnya kampung-kampung baru ini sudah pun dikira kampung-kampung lama kalau dikira sejak ianya diasaskan oleh Sir Gerard Templar bagi membendung . . . . .

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan Liew Ah Kim:** Tidak payahlah. Ancaman komunis dalam masa darurat dahulu . . . . .

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Dia sebut perkataan "diskriminasi", itulah sebab saya bangun.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tetapi kalau tidak beri jalan, jangan sebut "diskriminasi". Itu seolah-olah membangkitkan perasaan yang kurang baik. Tidak ada diskriminasi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

**Tuan Liew Ah Kim:** Kementerian boleh jawab nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan, Yang Berhormat Seputeh.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuduhan memang yang membina.

Dalam masa darurat tahun 1950-an dahulu, kerajaan mestilah mengambil berat masalah penduduk-penduduk dan infrastruktur di kampung-kampung baru ini bagi mengubah coraknya kepada kampung yang moden dan membangun bersama kemakmuran negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh satu perkara tentang pelarian Vietnam. Tunjuk perasaan pelarian Vietnam di Kem Sungai Besi baru-baru ini telah memberi imej yang buruk kepada negara ini. Sekalipun laporan kecederaan yang dialami oleh mereka semasa tunjuk perasaan itu kecil tetapi masyarakat antarabangsa perlukan laporan yang berterus-terang berhubung dengan kejadian tersebut. Oleh itu kerajaan tidak boleh menyembunyikan faktor sebenar apa yang berlaku di kem orang-orang pelarian Vietnam ini bagi membersihkan imej negara yang mungkin tercemar kerana tiadanya layanan perikemanusiaan. Malaysia tidak rugi apa-apa kalau memberikan laporan yang berterus-terang dan dengan ini akan memudahkan kerajaan Vietnam memujuk pelarian ini untuk dibawa balik ke negara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang begitu tertekan, adalah wajar mereka diberi peluang supaya ditangguhkan penghantaran pulang pelarian ini, sekurang-kurangnya hingga akhir tahun ini. Dengan ini, mereka tidaklah terpaksa balik, tetapi dipujuk melalui cara diplomatik dengan kerjasama kerajaan Vietnam sendiri. Imej Malaysia sebagai mempertahankan dasar perikemanusiaan mestilah ditunjukkan setelah dunia merasakan peranan Malaysia di Bosnia-Herzegovina begitu membanggakan.

Kalau kita boleh membawa pelarian Bosnia ke negara ini dengan tidak dikurung dalam kem, apakah salahnya pelarian Vietnam ini diberi tempoh bagi membolehkan mereka berfikir setelah berlaku ketegangan baru-baru ini?

Tuan Yang di-Pertua, memang mereka bimbang dihantar balik kerana selama ini mereka tidak diberi gambaran yang sebenar dengan perubahan politik di negara mereka. Di dalam kem ini juga, mereka sentiasa bimbang akan dimasukkan ke dalam "monkey house" sekiranya melanggar peraturan di dalam kem tersebut. Kebimbangan ini akhirnya tidak dapat dibendung hingga tercetusnya tunjuk perasaan tersebut.

Malaysia mestilah menyatakan secara tegas mengenai dasar perikemanusiaan ini, bukan sahaja memandang terlalu jauh beratus-ratus kilometer ke negara Balkan, tetapi juga negara rantau Asia sama ada Vietnam ataupun Timor-Timur. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Segambut.

6.44 ptg.

**Tuan Tan Kee Kwong (Segambut):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi peluang untuk berucap di dalam persidangan hari ini.

**Banjir kilat di bandar raya.** Ini adalah masalah yang amat serius di bandar raya Kuala Lumpur. Bandaraya Kuala Lumpur seolah-olah berlumpur setiap kali hujan lebat. Ini adalah kerana beberapa kawasan dan jalan di landa banjir. Telah terdapat beberapa kajian, seminar dan kertas kerja mengenai perkara ini dan saya tidak akan membosankan Majlis dengan merujuk kepada mereka.

Satu daripada cara untuk mengatasi masalah ini ialah untuk meluluskan undang-undang supaya rumah-rumah di kawasan bandar mesti lengkap dengan tangki air di bawah tanah untuk menakung air hujan dari bumbung rumah. Tangki ini seharusnya mempunyai isipadu di antara 300 hingga 400 gelen air. Sebuah pam elektrik boleh digunakan untuk menyedut air yang tertakung dan ini boleh digunakan untuk mandi, menyiram bunga, mencuci kereta dan sebagainya.

Di Malaysia saya perhatikan bahawa dengan cara pujukan sahaja ianya tidak berkesan dan oleh itu kita terpaksa mewajibkan skim-skim rumah teres yang baru mempunyai tangki tersebut. Bagi skim-skim rumah yang lama, mereka boleh diberi masa 5 tahun untuk menepati peraturan ini. Jika perkara ini dikuatkuasakan, saya pasti ianya akan menurunkan kadar pembaziran air sebanyak 30% yang mengalir ke longkang dan sungai-sungai.

**Toleransi keagamaan.** Negara kita dan juga semua individu mesti mengawal perkara ini dengan berhati-hati. Keadaan yang wujud sekarang membenarkan penganut-penganut agama-agama yang berlainan mengikuti keimanan atau kepercayaan mereka tanpa gangguan. Walau bagaimanapun, pemberian tanah untuk membina kuil-kuil, gereja dan kebenaran untuk membinanya merupakan satu masalah yang rumit. Seringkali kumpulan agama ini sentiasa menghadapi penindasan daripada pihak berkuasa tempatan di mana pihak berkuasa juga ada mengancam untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap mereka.

Pada pendapat saya, kumpulan agama ini juga membantu kerajaan dengan memainkan peranan yang penting dengan mengadakan tadika, aktiviti belia melalui Girls' Brigade dan Pengakap, Kumpulan Perubatan, Pusat Pemulihan Dadah, Counseling Aids dan sebagainya. Oleh itu, pihak berkuasa seharusnya . . . . .



**Tuan P. Patto:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Bagan bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan Tan Kee Kwong:** Adasedikit lagi, selepas itu boleh. Menggalakkan aktiviti-aktiviti dan kumpulan-kumpulan ini dan bukannya mewujudkan halangan-halangan terhadap aktiviti-aktiviti mereka.

**Tuan P. Patto:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

**Tuan Tan Kee Kwong:** Okay.

**Tuan P. Patto:** Sebab saya kurang dengar tadi ... saya minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila duduk ya. Yang Berhormat Segambut, bila Yang Berhormat hendak beri jalan, sila duduk, Yang Berhormat.

**Tuan P. Patto:** Bolehkah Yang Berhormat Segambut menerangkan sama ada pemulihan yang dikatakan itu, pemulihan "dada"kah atau dadah? Saya dengar, "dada".

**Tuan Tan Kee Kwong:** Minta maaf, dadah! Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, teruskan.

**Tuan Tan Kee Kwong:** *Pasukan keselamatan kita di Bosnia.* Bersyukur kepada Tuhan, pasukan kita telah berjaya menjalankan tugas yang cemerlang di dalam keadaan yang begitu teruk. Kadangkala, penduduk-penduduk negara kita memandang ringan terhadap keamanan dan

keadaan keselamatan di negara kita. Mereka sering lupa akan pengorbanan yang telah diberi oleh pasukan keselamatan dan pasukan polis kita.

Satu contoh pengorbanan yang mulia ialah yang saya dapat daripada seorang rakan sekolah saya yang lama. Nama beliau ialah Kapten Chandran. Pada hujung 1970, skuad renjer beliau telah diserang hendap oleh komunis dan beliau telah terkorban. Kami semua berasa terkejut dan sedih setelah mendengar tentang kematian beliau yang berlaku semasa beliau sedang meronda di hutan supaya kita semua dapat menikmati keamanan dan kestabilan.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bagan.

6.50 ptg.

**Tuan P. Patto (Bagan):** Tuan Speaker, saya juga turut mengambil bahagian atas Rang Undang-undang di hadapan saya yang dibahaskan bersama-sama dengan Usul Pembangunan Tambahan yang dibawa oleh Timbalan Menteri Kewangan. Tuan Speaker, saya ingin bangkitkan beberapa perkara dalam tempoh 10 minit.

Yang pertama; Parlimen. Tuan Speaker, Parlimen adalah Dewan perundangan yang tertinggi dalam negara dan ia harus juga mencerminkan kepada khalayak ramai bahawa ia adalah Dewan perundangan tertinggi. Tetapi malangnya dalam tahun-tahun kebelakangan ini Parlimen sudah pun dijadikan sebagai satu appendage kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Dahulunya sejak Parlimen wujud dalam negeri ini, ia menjadi satu badan yang berasingan daripada JPA, berasingan daripada executive, sebagai legislature dengan pentadbiran "legislature"nya, ia terasing daripada apa-apa pengaruh atau

arahan daripada mana-mana pihak. Tetapi kebelakangan ini ia sudah menjadi appendage kepada JPA dan menerima arahan daripada JPA. Saya tidak tahu apa sebab pihak executive berbuat demikian. Satu contoh yang ketara sekali ialah apabila Parlimen penggal baru ini, sebelum ia dimulakan, diumumkan bahawa pemberita-pemberita tidak dibenarkan untuk memasuki lobi.

Kalau kita kaji sejarah Parlimen, mengapa wujudnya lobi? Lobi adalah bebas untuk sesiapa yang dibenarkan masuk termasuk pemberita dan khalayak ramai untuk melobi bagi satu-satu perkara, satu-satu isu. Tetapi saya tidak tahu dari mana datangnya arahan mengumumkan pengharaman itu tanpa alasan. Kemudian arahan itu ditarik balik dan pemberita dibenarkan. Saya tidak ada jalan lain melainkan mengambil keputusan bahawa JPA yang membuat — sudah tentu JPA yang membuat arahan itu. Mungkin ia menganggap ini sebagai satu bahagian (department) dalam JPA. Haruslah ia mengetahui bahawa Parlimen adalah terasing daripadanya dan saya merayu supaya Parlimen dikembalikan kepada kedudukan asalnya sebagai badan yang tidak boleh disuruh berbuat itu dan ini. Dengan izin, it must be seen to be an independent or an autonomous body without receiving orders from somebody.

Yang kedua dalam Parlimen juga, saya pernah berkhidmat di sini Tuan Speaker, di dalam tahun 70-an. Ramai di sini masih ada yang berkhidmat pada waktu itu. Lebih 20 tahun masih lagi ada di sini, mereka mencintai Parlimen. Ada yang tidak mahu keluar daripada Parlimen kerana mereka bangga mereka berkhidmat di Parlimen. Kerja-kerja Parlimen adalah berasingan daripada kerja-kerja dalam jabatan-jabatan lain. Ada orang-orang yang sungguh-sungguh berkelayakan tetapi tidak naik pangkat, saya sedar. Kenapa begitu? Kenapa orang yang mempunyai pengalaman dan

kelayakan tidak dinaikkan pangkat? Kenapa dibawa orang daripada luar? Saya tidak faham. Jadi, saya merayu supaya dikembalikan imej ini. Kalau tidak dengan apa yang berlaku sebelum penggal ini mula bersidang di mana pemberita diharamkan daripada masuk ke lobi, saya tidak ada pilihan lain melainkan merumuskan bahawa negara kita sudah menuju ke arah kediktatoran di mana seorang atau segolongan orang boleh memaksa Parlimen menerima arahan sedemikian.

Tuan Speaker, perkara yang bersabit dengan Parlimen juga. Di Parlimenlah tempat di mana kita boleh menanya sesuatu mengikut hak yang diberi kepada ahli-ahli Parlimen. Apabila kita menanyakan sesuatu pertanyaan, ia hendaklah berpandu kepada peraturan Dewan. Tetapi baru-baru ini apabila saya mengemukakan satu soalan mengenai nama orang-orang tahanan ISA sejak kuatkuasanya Akta Keselamatan Dalam Negeri dalam Malaysia ini, dan juga tarikh penangkapan, tarikh penahanan dan tarikh pembebasan mereka. Saya menerima jawapan daripada pihak Parlimen mengatakan bahawa ini adalah rahsia. It is a secret! Apa yang dirujuk adalah Peraturan Mesyuarat. Dan apabila saya baca Peraturan Mesyuarat, dia kata "rahsia". Bilakah senarai nama orang-orang tahanan ISA jadi rahsia negara? Dalam masa lampau saya juga menjadi mangsa ISA. Mangsa ISA, mangsa ISA. (*Sambil menunjuk kepada beberapa orang Ahli DAP*) Yang Berhormat dari Jelutong, dari Kepong, Kota Melaka, Tanjong, Kubang Kerian, Bachok termasuk Timbalan Perdana Menteri. Waktu itu, apabila ditanya dalam Parlimen, nama diberi, tarikh penangkapan diberi, tarikh penahanan diberi. Kenapa sekarang dijadikan rahsia? Dengan izin, why is this government operating at the shroud of secrecy? What have they got to hide? Itu sebab saya hendak membangkitkan di sini. Kalau bukan di sini, di mana saya boleh bangkitkan perkara ini?

Yang kedua, apabila saya bertanya tentang bilangan pelajar-pelajar di universiti mengikut etnik. Apa salah? Sebab banyak dokumen yang kita terima termasuk Laporan Ekonomi Negara (National Economic Report) pun menyebut orang Melayu berapa, bumiputera di Sabah berapa, Cina berapa, India berapa, tetapi apabila datang ke Parlimen menanyakan pecahan mengikut kaum pelajar-pelajar — bukan apa, itu cuma angka sahaja. Pun tidak beri! Malah saya ada soalan semalam mengenai kekurangan guru-guru di setiap jenis sekolah — sekolah menengah, sekolah kebangsaan, sekolah rendah kebangsaan, sekolah rendah jenis kebangsaan Tionghua, sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil, tetapi jawapannya sekali gus, secara umum sahaja diberi. Apakah ini jenis jawapannya daripada Menteri. Menteri-menteri harus bertanggungjawab kepada Parlimen. Harus bertanggungjawab kepada rakyat. Sebagai Wakil Rakyat apabila kita membangkitkan maknanya kita bertanya a very innocent, straight forward question, dengan izin. Bilangan kekurangan guru dia tidak boleh beri. 6,400 orang kekurangan bagi sekolah menengah. 5,000 bagi sekolah rendah. Jenis apa? Kekurangan berapa? Tidak tahu! Tidakkah dia mempunyai angka-angka? Tidakkah Kementerian Pendidikan mempunyai angka-angka? Kalau ia tidak mempunyai angka-angka, sayarasa Menteri Pendidikan harus meletakkan jawatan dan rombakan Kementerian harus dijalankan kerana tidak ada angka-angka.

**Dato' Nurnikman bin Abdullah:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Beaufort bangun.

**Tuan P. Patto:** Siapa bangun?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Beaufort.

**Tuan P. Patto:** Tidak payahlah, lain kali.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan kalau tidak beri jalan.

**Tuan P. Patto:** You mahu bangun? (Menunjuk kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus) Kalau the Honourable Member itu hendak, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan P. Patto:** Kawan lama saya. (Ketawa) Sebab dia Timbalan Menteri Pendidikan sekarang. Sudah kucar-kacir di dalam Kesatuan Atlit Amatur Malaysia. (Ketawa) Dulu! Sekarang sudah masuk Kementerian Pendidikan. Kucar-kacir lagi. (Ketawa) Yes, your MAAU in a mess isn't it? Sekarang di Kementerian Pendidikan lagi mess.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan berdialog Yang Berhormat.

**Tuan P. Patto:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Itu boleh dibuat di luar Dewan.

**Tuan P. Patto:** Ya. Ya. Terima kasih Tuan Speaker.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Timbalan Menteri point of order ini.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Kalau hendak guna Bahasa Inggeris, minta izin dengan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan P. Patto:** Minta izin. Sudah berapa kali minta, tidak dengarkah? Pekakkah! (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jangan cakap macam itu Yang Berhormat.

**Tuan P. Patto:** Dah! Kalau tidak dengar itu ertinya pekak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila gulung.

**Tuan P. Patto:** Bukan cakap biadap. Tidak. Orang yang tidak dapat mendengar itu pekaklah itu.

**Dato' Nurnikman bin Abdullah:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Yang Berhormat ini ada point of order lagi. Peraturan Mesyuarat yang ke berapa?

**Tuan P. Patto:** Nombor berapa?

**Dato' Nurnikman bin Abdullah:** Saya minta perkataan "pekak" yang ditujukan kepada Timbalan Menteri ditarik. Unparliamentary!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, baik. Tetapi elok juga Yang Berhormat bangkitkan Peraturan Mesyuarat yang ke berapa.

**Tuan P. Patto:** Satu lagi "katak".

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tetapi saya rasa perkataan "pekak" itu . . . . .

**Tuan P. Patto:** Pekak. Kalau orang tidak dengar itu pekak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat sabar. Berilah saya peluang untuk membuat keputusan.

**Tuan P. Patto:** Baik-baik. Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Pekak itu bukan unparliamentary, tetapi saya rasa janganlah gunakan perkataan ini dengan sewenang-wenangnya. Jangan tujukannya kepada sesiapa. Semuanya ini boleh mendengar.

**Tuan P. Patto:** Baik. Jadi dia tuli. Terima kasihlah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila gulung sekarang.

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ada yang bangun lagi Yang Berhormat.

**Tuan P. Patto:** Ya, saya tak izinkan oleh kerana saya diarah oleh Tuan Speaker untuk gulung, jadi mahu gulung. (*Disampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat.

**Tuan P. Patto:** Tolong beri arahan kepada Tuan Speaker untuk tambah masa — demokrasi, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya rasa masa tidak mengizinkan.

**Tuan P. Patto:** Ah! Terima kasih, saya ikut arahan Tuan Speaker. Akhir sekali tentang Suruhanjaya Pilihanraya di mana peruntukan yang cukup besar diminta untuk diluluskan. Satu ialah dalam anggaran tambahan bagi tahun sudah dan satu lagi anggaran tambahan bagi tahun ini. Mengikut

huraian daripada Timbalan Menteri Kewangan, ini adalah bersabit dengan pilihan raya dan juga bersabit dengan pendaftaran pengundi dan juga pilihan raya di negeri Sabah.

Saya cuma hendak bangkitkan di sini bahawa Suruhanjaya Pilihanraya adalah badan yang ditugaskan untuk menjalankan kerja-kerja bersabit dengan pilihan raya termasuklah pendaftaran persempadanan kawasan pilihan raya dan pilihan raya. Dalam menjalankan ketiga-tiga tugas ini, sudah kita kedengaran masalah-masalah yang dibangkitkan dalam Parlimen ini dan Suruhanjaya Pilihanraya tidak boleh mengetepikan kesemuanya lalu mendakwa diri sebagai perfect dan ia harus janganlah buat seperti pepatah Inggeris, "like an ostrich buried its head in the sand" dengan izin. Dia masukkan kepala ke dalam pasir dan dia ingat dunia sudah tidak ada.

Seharusnya jangan bersikap begitu, tetapi open, terbuka kepada idea baru dan ia haruslah diberi kuasa supaya ia boleh berfungsi sebagai badan yang bebas dan bukan sebagai badan yang menurut perintah eksekutif. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jelebu.

*7.02 mlm.*

**Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka bersama-sama dengan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat untuk menyokong perbincangan dan usul yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyentuh beberapa Kementerian di dalam perbincangan ini iaitu yang pertamanya dalam usaha untuk memperkemas lagi machinery kerajaan, dengan izin, kita seharusnya mempunyai bilangan

kakitangan kerajaan yang begitu ramai, mantap, efisien, selaras dengan dasar kerajaan ke arah mewujudkan perkhidmatan kerajaan yang cekap.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai dengan pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB) di mana selaku bekas kakitangan kerajaan juga, saya menyarankan supaya SSB ini dapatlah dikaji semula dan saya difahamkan telah pun dikaji tetapi masih belum lagi dapat hasil kajian tersebut di mana rata-ratanya seluruh kakitangan kerajaan yang tidak pernah dapat melintang ataupun menegak pun, merasakan bahawa semangat mereka sudah mati. Mati kerana tidak berupaya lagi untuk bekerja. Walaupun sudah dimulakan sejak tahun 1991, mereka yang berkenaan, sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat tidak pernah dapat pun anugerah melintang ataupun menegak. Jadi, wajar kalau kita mengkaji semula perkara ini. JPA mintalah supaya ianya dikaji dan diselaraskan semula untuk memberikan semangat ataupun inisiatif kepada kakitangan untuk bekerja lebih baik di masa-masa akan datang.

Mengenai dengan kenaikan pangkat, saya rasa masih ramai rakan-rakan yang tidak mendapat peluang ke arah kenaikan pangkat walaupun sudah bekerja lebih 10 tahun dalam PTD ataupun dalam PTA sebelum ini. Saya rasa wajarlah pihak JPA melihat perkara ini supaya keadilan akan dapat dirasakan oleh mereka yang wajar menerima manfaat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pengisian jawatan-jawatan juga, sebagaimana yang banyak berlaku di jabatan-jabatan kerajaan masih banyak jawatan-jawatan yang telah lama dikosongkan sama ada oleh kerana mereka itu bertukar ataupun jawatan-jawatan yang masih belum diisi, sejak

awal masih tinggal kosong sehingga sekarang. Tahun demi tahun jabatan-jabatan memberikan maklumat-maklumat mengenai kekosongan dan pengisian jawatan tetapi masih juga belum diisi, masih belum dipenuhi oleh pihak JPA. Cukup tahun isi lagi maklumat yang berkenaan. Jadi, ini merupakan satu kelemahan yang jelas, yang tidak wajar diteruskan oleh pihak pengurusan peringkat atasan. Jadi, saya mohon supaya JPA akan lebih peka kepada perkara-perkara yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Kementerian Pengangkutan di dalam usaha Kementerian untuk membuat kutipan hasil negara dengan cara yang lebih cekap dan teratur, di dalam usaha untuk menguatkuasakan undang-undang Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 tentunya JPJ atau Kementerian Pengangkutan melalui JPJ memerlukan satu program yang teratur dan licin.

Kita mengucapkan terima kasihlah kepada pihak Kementerian Pengangkutan dalam usaha untuk mencapai wawasan, sifar aduan dan juga objektif jabatan, telah banyak program-program yang telah diatur dan dirancangan untuk dicapai pada tahun-tahun akan datang. Melalui kempen-kempen keselamatan jalan raya tahun demi tahun, banyak peruntukan yang telah dikemukakan dan telah digunakan oleh MKJR negeri ataupun Bahagian Penguatkuasaan jabatan berkenaan, namun kadar kematian kemalangan terutamanya di musim-musim perayaan masih berterusan meningkat. Jadi, Kementerian haruslah memikirkan satu langkah yang lebih strategik ke arah membanteras perkara-perkara yang sedemikian bagi mencapai matlamat dan wawasan yang telah digariskan ini oleh pihak berkenaan.

Mengenai dengan perjawatan yang harus ditambah, haruslah ditambah. Kita mengucapkan terima kasih kepada pihak JPA kerana telah peka kepada saranan Kementerian Pengangkutan melalui JPJ yang telah menambah kakitangan beruniform mereka dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, saya difahamkan bahawa banyak di antara titi timbang yang telah dibina oleh pihak JKR melalui peruntukan World Bank, dengan izin, masih kosong tidak diusahakan kerana kakitangan tidak diisi oleh pihak JPA.

Dalam melengkapkan juga kemudahan-kemudahan yang ada pada titi timbang ini kerana untuk membanteras masalah kenderaan lebih muatan bagi menjaga dan mengawal, mutu dan kualiti jalan-jalan yang telah dibina terutama di kawasan-kawasan luar bandar yang mana dilalui oleh kenderaan-kenderaan berkenaan, maka saya menyarankan supaya pihak JPA menyegerakan lagi pengisian jawatan yang berkenaan. Saya difahamkan walaupun ditambah jawatan beruniform lebih daripada 100% yang telah dibuat, tetapi saya mendapat tahu bahawa banyak lagi jawatan-jawatan berkenaan yang masih belum diisi. Begitu juga dengan masalah elautangan yang terpaksa bertugas luar lebih dari 8 jam di satu-satu stesen berkenaan. Suatu perkara lagi, mengenai dengan elautan pakaian seragam tidak diberikan oleh pihak yang berkenaan. Jadi, sukalah saya menyarankan untuk lebih memberikan kesan kepada semangat ingin bekerja di kalangan kakitangan yang berkenaan, wajarlah pihak JPA mempertimbangkan pemberian elautan-elaun, sudahlah insentif kepada kakitangan JPJ ini tidak diberikan, Tuan Yang di-Pertua.

Di samping itu, masalah-masalah kelengkapan peralatan penguatkuasaan, wajarlah kalau Kementerian ini melalui

JPJ memberikan peruntukan yang lebih untuk tujuan-tujuan yang berkenaan. Kerana di samping tugas-tugas menguatkuasakan undang-undang Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Lembaga LPKP 1987, mereka ini perlu dilengkapi dengan peralatan-peralatan yang lebih canggih dan selesa. Misal kata telefon Atur, kenderaan yang lebih baik tidak mendatangkan masalah, penggunaan senjata api kerana setakat hari ini belum ada lagi kakitangan penguatkuasaan JPJ ini dilengkapi dengan senjata api secara berkelompok.

Kita jangan lupa, Tuan Yang di-Pertua, dalam urusan untuk mempertingkatkan lagi dan juga untuk menjalankan kuat kuasa akta, kakitangan di Jabatan Pengangkutan Jalan terdedah kepada bahaya. Pernah di dalam tahun 1985 seorang Penolong Pengarah di JPJ telah mati hangus di Lebuhraya Persekutuan, kerana mereka telah dianiaya dan juga telah diancam sebelum itu. Jadi, wajar kalau pihak kerajaan memikirkan supaya anggota penguatkuasaan jabatan ini dilengkapi dengan alat-alat senjata api dan sebagainya. Begitu juga halnya dengan di pejabat-pejabat negeri mereka terdedah dengan ugutan-ugutan dan sebagainya. Jadi, mengikut rekod di JPJ memang kita dapat kes-kes yang masih belum selesai di peringkat mahkamah, kerana mereka yang berkenaan telah melaporkan kepada pihak Polis untuk diselesaikan di peringkat mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk melengkapi masyarakat dan juga rakyat dengan dokumen-dokumen perjalanan ataupun pemanduan, iaitu lesen-lesen memandu, wajar juga saya berpendapat bahawa masyarakat diberikan lebih kemudahan untuk mendapatkan lesen-lesen memandu umpamanya lesen motosikal, kereta dan sebagainya.

Pada pandangan saya apa yang berlaku di dalam kurikulum baru sekolah memandu yang ada sekarang ini telah diperkenalkan sejak tahun 1991. Orang kampung terutamanya orang-orang yang kurang pelajaran, orang-orang dari kaum-kaum Cina, India, suku kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak, orang-orang Melayu di kawasan-kawasan tradisional masih tidak boleh mendapatkan lesen memandu dengan cara yang lebih mudah dan selesa. Kerana bagi mereka yang tidak berpelajaran, walaupun dalam keadaan negara yang maju, setakat ini memang susah untuk kita dipercayai bahawa masih ramai lagi masyarakat yang buta huruf, tetapi ini berlaku terutamanya di kalangan Orang-orang Asli. Kerana Orang Asli yang menetap di kawasan-kawasan luar bandar rata-ratanya tidak mempunyai pelajaran. Apa yang menyedihkannya, Tuan Yang di-Pertua, sistem ujian bagi undang-undang Kementerian ini begitu complicated. Seseorang calon bakal pemandu itu dikehendaki menjalankan ujian ceramah KBSM selama 5 jam dengan bayaran minimum RM25 dan beliau haruslah menjawab 42 soalan daripada 50 soalan, 42 soalan hendaklah lulus daripada 50 soalan dengan jawapan sebanyak 150 jawapan secara objektif.

Tuan Yang di-Pertua, bayangkanlah bagaimanakah seorang rakyat yang berada di luar bandar mendapatkan jawapan yang seakan-akan lebih kurang sama sahaja maksudnya, dia hendakkan yang tepat pada jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Selaku bekas kakitangan di JPJ, saya amat kasihanlah dan bersimpati dengan keadaan-keadaan mereka yang sedemikian. Oleh kerana itulah, kita tidak dapat menafikan bahawa masyarakat di luar bandar masih tidak dilengkapi dengan lesen memandu sama ada B2 ataupun dengan Kelas D — kereta. Kerana kita harus sedar dan faham bahawa masyarakat di luar

bandar terutamanya kaum Cina dan juga kaum India di estet-estet, dan juga orang-orang Melayu di rancangan-rancangan perlukan lesen ini untuk mencari makan, menggunakan kenderaan motosikal untuk mencari makan.

Jadi, wajarlah pihak Kementerian mengkaji semula sistem ujian statik ataupun ujian memandu Bahagian I ini dikaji semula, supaya lebih memudahkan mereka yang sepatutnya mejalani ujian lisan, secara lisan dapat diberikan keutamaan. Ini lisan pun ada, tetapi mereka terpaksa menjawab dengan cara membaca buku bagi soalan-soalan yang sama juga dengan cara objektif. Inilah merupakan satu perkara yang wajar dikaji oleh pihak Kementerian. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kadar kamalangan . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat sila gulung, ya.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah memberi keutamaan kepada Kementerian ini untuk mengkaji semula tentang perkara-perkara yang telah digariskan untuk faedah kepada masyarakat, terutamanya di luar bandar, di samping memberikan keistimewaan-keistimewaan kepada kakitangan mereka.

Bahagian ujian Bahagian 2, iaitu parking dan meletakkan kenderaan. Wajarlah perkara ini dikaji semula untuk ditiadakan di dalam kurikulum ujian memandu bagi lesen Kelas D ataupun Kelas E. Kerana wajar kita fikirkan bahawa kemalangan itu berlaku di atas jalan raya, dia tidak di masa kita meletak kenderaan. Walaupun perkara ini nampak tidak begitu logik, tetapi boleh dikaji dan dilebihkan masa belajar, dan juga perkara-perkara yang perlu diuji di Bahagian 3 ujian memandu iaitu jalan raya ataupun on the road testing, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam perkara ini juga, saya suka menyentuh tentang Kementerian Kesihatan yang wajar melihat tentang kedudukan wad-wad ataupun bangunan-bangunan kayu untuk digantikan dengan bangunan-bangunan batu, kerana di kawasan-kawasan luar bandar, umpamanya di Hospital-hospital Daerah terutamanya di Jelebu sekarang ini masih berlaku lagi. Jadi, saya berharap pihak Kementerian Kesihatan akan mengkaji perkara ini untuk dapat memberikan peruntukan yang lebih kepada Jabatan Kesihatan Negeri untuk mengkaji semula tentang penggantian bangunan-bangunan kayu ini dengan bangunan-bangunan batu kerana telah nampak uzur dan tidak boleh digunakan.

Dengan itu, saya bersama-sama dengan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian menyokonglah tambahan peruntukan yang telah dicadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Gelang Patah.

7.19 mlm.

**Tuan Chang See Ten (Gelang Patah):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, atas peluang yang diberi kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang yang dibawa oleh Timbalan Menteri Kewangan.

Saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pertanian. Tuan Yang di-Pertua, pada ketika kita begitu komited untuk menjadikan Malaysia sebuah negara industri yang baru menjelang tahun 2020, kita tidak harus mengabaikan pembangunan sektor pertanian.

Sektor pertanian menghasilkan makanan untuk kita dan juga berbagai bahan mentah untuk kegiatan perusahaan.



Hasil pertanian yang berlebihan juga boleh dieksport untuk menambah pendapatan negara. Walaupun pada masa sekarang negara kita bukan lagi negara yang berorientasikan eksport hasil pertanian, namun ini tidak harus diertikan sebagai kemerosotan sumbangan sektor pertanian terhadap kemajuan negara, lebih-lebih lagi dengan penghasilan bahan makanan yang mencukupi untuk menampung permintaan domestik tetap satu faktor penting yang mempengaruhi kekuatan pertahanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, minat golongan petani serta keluarga mereka yang telah berubah dari sektor pertanian kepada sektor industri sudah tidak dapat dihalang lagi. Ini kerana bekerja di sektor industri menjadikan pendapatan yang lebih lumayan lagi stabil. Persekitaran bekerja di kilang juga lebih selesa dengan waktu bekerja yang lebih pendek. Kerja-kerja di kilang juga jauh lebih ringan berbanding tugas di estet yang memakan tenaga fizikal yang berlipat banyak.

Di samping menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja, sektor pertanian juga dilanda krisis penggunaan tanah di mana para pemilik tanah pertanian atau pekebun kecil begitu cenderung untuk menukarkan tanah pertanian kepada tanah untuk perindustrian atau perkilangan kerana ianya dapat dijual dengan harga yang berlipat ganda.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu sedar bahawa sungguhpun Malaysia merupakan sebuah negara pertanian pada satu ketika dahulu dan kini sedang giat berusaha menuju sebagai sebuah negara industri, namun sehingga hari ini kita masih perlu mengimport beras dari negara luar. Ini jelas membuktikan bahawa prestasi kita dalam sektor pertanian masih belum mencapai kemuncak dan masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan untuk memajukan bidang yang kian kurang ini yang patut diberikan perhatian dan penekanan.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mengenal pasti dua masalah yang utama, iaitu kekurangan tenaga buruh dan kekurangan kawasan untuk bercucuk tanam, Kerajaan perlulah mempergiatkan usaha melakukan penyelidikan untuk mengadakan sektor pertanian sebagai satu kegiatan yang berintensif jentera dan hasil per unit luas patut dipertingkatkan dengan memperkenalkan benih serta baja bermutu tinggi di samping teknik pengalaman yang berlandaskan sains dan teknologi. Kesemua ini bergantung kepada usaha penyelidikan dan pembangunan. Dengan kata lain, penyelidikan dan pembangunan bukan sahaja penting untuk sektor perindustrian tetapi ia sama penting untuk sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat dua cadangan di sini supaya Kementerian Pertanian dapat menolong pihak petani. Yang pertama, Kementerian Pertanian patut mendapatkan kerjasama daripada pihak Kerajaan negeri supaya tanah-tanah yang dicucuk-tanam oleh petani secara haram dapat diberikan Lesen Menduduki Sementara. Ini adalah lebih baik daripada tanah-tanah itu dibiarkan dengan semak-samun, kecuali tanah-tanah itu akan dibangunkan oleh pihak negeri.

Kedua, Kementerian Pertanian haruslah menjaga kepentingan petani-petani supaya harga pasaran hasil pertanian tidak dieksploitasi oleh pihak penjual atau pemborong kerana pada masa sekarang kita sering mendapat aduan daripada petani bahawa keuntungan yang didapati oleh mereka adalah lebih kurang daripada keuntungan yang didapati oleh penjual atau pemborong.

Tuan Yang di-Pertua, di sini walaupun saya orang baru — pada masa yang lalu saya di Dewan Negeri — tidak berapa mendapat peluang mendengar cerita daripada pihak pembangkang, tetapi

daripada persidangan Dewan Rakyat ini saya dapati bahawa pihak pembangkang lebih cenderung mengkritik pihak Barisan Nasional.

Saya ingin mengambil kesempatan ini menasihati Yang Berhormat dari Tanjong agar jangan lagi suka berulang-ulang mendakwa bahawa pembangunan dan liberalisasi yang dinikmati oleh masyarakat Malaysia sekarang adalah hasil usaha parti DAP. Sebenarnya parti DAP cuma tahu bercakap dan mendesak sahaja. Itu kita tidak boleh buat apa-apa kerana memang sudah menjadi tabiat mereka. Tetapi kini mereka menjadikan hasil kerja orang lain sebagai hasil usaha mereka dan memuji-muji diri sendiri. Itu kita tidak boleh berdiam diri lagi.

Keputusan bijaksana para pengundi berbilang kaum memberikan undi mereka menyokong parti Barisan Nasional menerajui jentera kerajaan untuk lima tahun yang akan datang sudah menunjukkan bahawa rakyat jelata telah menerima hakikat dan mengakui kemajuan pesat yang dicapai oleh Malaysia pada masa sekarang adalah prestasi cemerlang Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang juga Pengerusi Barisan Nasional.

Saya dapati Yang Berhormat dari Tanjong telah banyak kali menganggap kejayaan Malaysia hari ini adalah hasil perjuangan DAP dan sekali gus berniat buruk menindakkan jasa dan sumbangan Kerajaan Barisan Nasional adalah satu taktik kotor yang kurang matang. Rakyat jelata telah memahami dengan jelas dakwaan parti DAP yang tidak berasas dan tidak lagi makan tipu oleh DAP. Ini telah terus-terang dibayangkan melalui keputusan pilihan raya baru-baru ini. Dukacitanya, Yang Berhormat dari Tanjong seolah-olah masih tidak sedar bahawa rakyat jelata telah menolak DAP atau mungkinkah Yang Berhormat dari Tanjong sengaja tidak

mahu menerima hakikat ini. Walau bagaimanapun, saya berharap Yang Berhormat dari Tanjong dapat memahaminya, seperti kata pepatah Inggeris yang berbunyi, "Self praise is no praise", dengan izin. Orang yang layak memuji adalah rakyat jelata dan bukannya diri kita sendiri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Senai.

*7.30 mlm.*

**Tuan Lim Si Cheng (Senai):** Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kerana sekali lagi memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Tadi kita juga ada mendengar ucapan daripada Yang Berhormat dari Kepong yang menyentuh masalah Wawasan 2020, inflasi sifar. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Wawasan 2020 ataupun kempen inflasi sifar ini adalah satu usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk membantu rakyat jelata. Boleh dikatakan kempen ataupun usaha ini demi kepentingan rakyat jelata. DAP memang sangat-sangat mengharapkan segala usaha kerajaan yang akan membawa kepentingan kepada rakyat jelata itu gagal.

Tuan Yang di-Pertua, DAP adalah sebuah parti yang sebenarnya tak mahu buat, tak tahu buat dan tak berani buat. Dia semata-mata untuk mencari pasal menuduh pihak lain yang ingin membuat sesuatu demi kepentingan rakyat. Jadi, sentiasa kita katakan parti DAP boleh dinamakan sebagai parti 'NATO' (No Action, Talk Only), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya umum yang lepas, keputusan yang diperolehi oleh Barisan Nasional dengan menang cemerlang dan rakyat jelata telah menolak parti DAP. Saya boleh gunakan satu peribahasa untuk mensifatkan, ataupun saya rasa peribahasa ini tepat dengan kedudukan yang dihadapi oleh parti DAP, iaitu berbunyi 'Tepuk air di dulang mercik muka sendiri'.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan, saya ingin mengalih ke tajuk yang berkaitan dengan Jabatan Imigresen. Saya ingin menggunakan peluang ini meminta pihak yang berkenaan supaya memperbaiki keadaan Jabatan Imigresen yang berada di Kulai. Untuk makluman di Dewan yang mulia ini, Jabatan Imigresen Kulai hanya dibuka untuk memberi perkhidmatan dua hari seminggu. Setiap hari terdapat 300 hingga 400 penduduk Kulai yang datang ke Jabatan itu untuk memohon pasport terhad. Akan tetapi jabatan yang berkenaan yang mempunyai hanya empat orang kakitangan hanya dapat memproses 100 permohonan sahaja dan hanya melakukan pada hari Rabu dan Khamis. Jadi, melalui Dewan yang mulia ini saya ingin merayu supaya keadaan begitu dapat diperbaiki.

Berhubung dengan Jabatan Imigresen yang telah lama dibangkitkan di Segamat, saya juga berharap supaya kerajaan dapat bertindak untuk mengadakan Jabatan Imigresen cawangan di Segamat demi kepentingan penduduk-penduduk di daerah Segamat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih ke masalah yang berkaitan Kementerian Kesihatan. Satu hospital baru telah dibina, dibuka dan telah dirasmikan, dan untuk kes emergency sahaja. Oleh kerana daerah Kulai ini telah pesat dibangunkan, saya berharap supaya Kementerian Kesihatan dapat menaikkan taraf pusat kesihatan di daerah itu ke poliklinik supaya doktor dapat ditambah, kerana pada hari ini setiap hari seorang doktor yang berkhidmat di Pusat Kesihatan Kulai ini terpaksa memeriksa outpatient, dengan izin, 200 orang. Ini adalah perkara penting, saya berharap supaya pihak Kementerian Kesihatan dapat membantu menyelesaikan masalah ini.

**(Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)**

Pada akhirnya, saya ingin mengucapkan tahniah, syabas kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah merancang satu program mengadakan ataupun menggalakkan supaya rumah medium dengan harga sederhana dapat diwujudkan pada Rancangan Malaysia Ketujuh. Sebagaimana yang telah saya terangkan di Dewan yang mulia ini, oleh kerana pendapatan antara RM1,000 hingga RM2,000 sebulan, mereka yang terdiri daripada golongan ini memang tidak berkemampuan membeli rumah yang berharga lebih daripada RM100,000 itu. Jadi, dengan cadangan yang telah diwujudkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini, sekurang-kurangnya dapat membantu golongan yang berpendapatan sederhana.

Dengan kata-kata demikian, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya masa kita terlalu suntuk, kita perlu beri Kementerian untuk menjawab dan kemungkinan Kementerian memerlukan masa yang panjang. Kita hari ini seharusnya selesai jam 8.30 malam. Saya ingat masa terlalu suntuk, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita kena beri Kementerian jawab.

7.38 mlm.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Seramai 13 orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberi hujah-hujah yang baik, dan ada yang kurang

manis. Saya percaya memang tentu ada banyak lagi yang belum sempat hendak memberi pandangan masing-masing, tetapi saya percaya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini memang terdapat lagi dalam peringkat Jawatankuasa. Selepas mendengar ucapan daripada Yang Berhormat dari Kepong, saya telah didorongkan untuk membuat beberapa keputusan, kesimpulan terhadap parti DAP. Hujah-hujah yang dikeluarkan itu memang semua orang salah. Barisan Nasional memang salah, DAP yang betul.

Kesimpulan yang saya ambil ialah parti DAP memang hidup dia segan kerana dia tidak jujur. Di hadapan kita dia cakap lain. Di hadapan kaum Melayu dia cakap lain, nak juarkan orang-orang Melayu di Pulau Pinang. Manakala di kampung-kampung baru hendak juarkan hak-hak kepentingan orang Tionghua.

Ini saya rasa memanglah sikap-sikap yang tidak jujur. Itulah mengapa mereka kalah begitu teruk kali ini. Saya harapkan mereka mati, tetapi mereka mati tak mahu pula, kerana saya rasa dia belum tahu lagi apakah penyakit-penyakit yang dia hidap itu. Mungkin setakat ini dia katakan media massa yang salah, dia katakan wang politik yang salah, dia katakan pemimpinnya tidak lemah kalau — ekonomi euphoria pun dijadikan sebagai macam-macam salah. Dan dikatakan 'monopoli' sempadan untuk kawasan-kawasan baru, semua disalahkan. Jadi, saya rasa mungkin sudah sampai masanya untuk parti ini yang pemimpinnya sudah wujud satu suku abad, sudah hampir lebih daripada 25 tahun, orang yang sama, corak yang sama sejak dahulu sehingga hari ini. Hari ini gunakan cara yang sama, dikatakan Barisan Nasional yang kaya tetapi yang saya nampak 'robotcop' itu yang begitu besar itu tidak setakat mana yang Barisan Nasional sanggup buat, di mana-mana satu kawasan itu. Siapa yang

kaya? DAP yang lagi kaya, besar iklannya, siapa yang memboros? Saya rasa DAP yang lagi memboros.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa seperti yang saya katakan, yang memboros bukan Barisan Nasional, yang pecah peti TV itu, pecah berapa — yang besar dipecah, yang kecil dipecah — mana-mana perhimpunan pun dipecah, yang kita nampak inilah sudah menjadikan satu-satu yang cakap lain buat lain, buat lain cakap lain. Inilah satu sikap yang kita harap-harapkan supaya parti ini dapat menukar sikapnya supaya menjadi lagi konstruktif, lagi membina, lagi dapat memberikan hujah-hujah supaya dapat kita wujudkan satu masyarakat yang kita idam-idamkan di Malaysia ini. Setakat ini Barisan Nasional memang boleh katakan, ini memang hasil usaha Barisan Nasional kerana sejak kita merdeka sehingga hari ini, ini memang dalam pemerintahan Barisan Nasional dan kita nampak kesan-kesan yang begitu positif sejak dahulu daripada satu masyarakat yang berpecah, yang syak wasangka, sampai hari ini kita nampak landasan di antara satu kaum dengan yang lain yang begitu sudah kita pecah dan kita nampak perhubungan yang begitu mesra, silaturrahim di antara satu dengan lain itu telah dapat kita wujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi cukuplah sebagai satu permulaan untuk jawapan saya bagi hujah-hujah semua Ahli-ahli Yang Berhormat secara politik.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong, telah menyentuh Akta Pelajaran Baru dan Akta Universiti dan Kolej Universiti dan swasta. Sebenarnya Kementerian Pendidikan akan membentangkan suatu akta pada kalau sempat dalam persidangan yang akan datang dalam bulan

Ogos ini dan kita berharap segala unsur-unsur yang telah dibangkitkan, masalah-masalah yang telah dibangkitkan dalam Akta Pelajaran Baru ini dapat kita selesaikan seberapa banyak yang boleh. Dan juga mengenai Akta-akta Universiti juga akan dibentangkan pada masa itu.

Mengenai masalah kekurangan guru yang terdapat di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah, yang sebenarnya lebih ramai lagi pelatih sedang dilatih di maktab-maktab perguruan di seluruh negara. Peruntukan untuk sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) dan sekolah Tamil telah diberikan secara yang dirancangkan dan sebenarnya pada tahun-tahun yang lepas ini telah ditambahkan peruntukan penyelenggaraan yang khasnya untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan asas seumpamanya tandas-tandas, bilik-bilik air dan bilik-bilik darjah dan sebagainya. Dan ini nampaklah ada kesan-kesan yang baik dan disambut baik oleh masyarakat kaum Tionghua dan kaum India.

Berkaitan dengan teguran mengenai istilah yang masih digunakan, yang dicipta dari perbendaharaan kata-kata dari negara-negara luar dan digunakan juga di negara ini tetapi belum terdapat dalam kamus kita, sebenarnya ini adalah istilah-istilah yang biasanya akan dimasukkan ke dalam kamus kalau sekiranya telah didapati penggunaannya telah menjadi meluas dan diterima oleh masyarakat.

Kesilapan cetak yang terdapat pada papan-papan tanda di jalan-jalan raya, ini saya rasa adalah perkara yang tidak begitu berleluasa dan ini adalah mungkin salah cetak dan saya ucapkan terima kasihlah kerana memberitahu kepada Dewan ini dan kita akan mengambil perhatian dari masa ke semasa.

Mengenai teguran yang dikatakan layanan yang kurang memuaskan telah diberikan terhadap Sasterawan Negara kita Arena Wati, saya ucapkan terima kasihlah, kita akan menyasat perkara ini dan kita akan mengetahui sama ada perkara ini benar dan kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk kita memperbaiki keadaan yang begini.

Masalah tentang penggunaan borang haram untuk permohonan kad pengenalan itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebenarnya borang permohonan untuk kad pengenalan adalah diberi secara percuma dan saya percaya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu ialah ada juga orang yang menggunakan borang ini dan dijual kepada pemohon-pemohon secara haram. Dan kalau perkara ini yang berlaku, Kementerian berkenaan akan mengambil maklum dan tindakan sewajarnya akan diambil.

Saya juga merasa begitu terperanjat mengenai perkara yang telah dilaksanakan, masalah yang telah dimaklumkan, Kementerian yang berkenaan dan hasil usaha pun telah dapat dicapai dan akan dilaksanakan, tetapi mungkin ada berita yang bocor telah diterima oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Ini adalah berkaitan dengan balai bomba dan quarters untuk Petaling Jaya.

Sebenarnya, masalah yang sama juga telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan perkara ini juga telah dibangkitkan oleh Menteri yang berkenaan dalam Kabinet dan Kabinet telah mengarahkan supaya bangunan 11 tingkat ini diturunkan ke tingkat yang lebih rendah. Dan saya dimaklumkan pada hari Isnin iaitu pada 26hb. Jun ini Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tem-

patan dan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara akan melawat tapak bangunan ini dan kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong berminat dijemput untuk turut hadir bersama.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Beaufort yang telah menyentuh satu perkara yang menarik perhatian saya iaitu Sabah untuk Sabahan. Saya memang berasa begitu sedih kerana kalau Johor untuk Johorean, kalau Negeri untuk rakyat Negeri Sembilan, kalau Pahang untuk rakyat Pahang, saya rasa negara ini berpecah-belah, sampai kita tidak berbuat apa-apa. Tetapi cuba kita lihat keadaan yang begini, bila Sabah di bawah pemerintahan PBS, benih yang begitu buruk ini disemai sampai hari ini pandangan seperti ini, pendapat seperti ini masih wujud lagi. Dan yang sebenarnya konsep seperti Sabah ialah untuk Malaysian, Pahang ialah untuk Malaysian dan Johor untuk rakyat Malaysia. Jadi saya rasa ini adalah satu-satunya sikap yang patut kita . . . . .

**Datuk Nurnikman bin Abdullah:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat!

**Dato' Wong See Wah:** Ya!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Beaufort bangun.

**Datuk Nurnikman bin Abdullah:**  
Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya bahawa dengan adanya parti PBS baru-baru ini menyertai pilihan raya di negeri Sarawak

dan juga di Pulau Pinang menunjukkan 'double standard' pendirian mereka dengan melemparkan tuduhan seperti memberi penarikan kepada rakyat jelata negeri Sabah seperti rakyat untuk rakyat Sabah sahaja. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju?

**Dato' Wong See Wah:** Saya memang bersetujulah, memang bersetuju kerana kalau dahulu, mereka menyorok sendiri sahaja di Sabah, kini mereka nampaklah. Kini, Sabah memang Malaysia punya dan kita memang berhak ke mana-mana. Kita tidak mahu, bila kita pergi melawat Sabah, kena bawa passport pergi ke Sabah. Kita tidak mahu tengok pemimpin PBS yang mengatakan itu haknya. Kalau sudah masuk Malaysia, apa lagi yang kita hendak beza-bezakan antara kita semua sekali. Itulah yang kita nampak satu-satunya yang perlu kita mengambil tindakan supaya kita hapuskan batas perbezaan antara kita. Usaha juga hendaklah kita pupuk supaya dapat kita menjadi satu golongan rakyat Malaysia dan memang itulah hasrat kita.

Mengenai cadangan dari Yang Berhormat Beaufort supaya kita dapat meningkatkan lagi integrasi nasional iaitu melalui menerapkan kakitangan negeri ke perkhidmatan awam persekutuan, juga meningkatkan pertukaran di antara pegawai-pegawai negeri dan juga persekutuan, juga meningkatkan peluang kakitangan awam negeri masuk ke perkhidmatan PTD (Pegawai Tadbir dan Diplomatik) dan meluaskan skim pinjaman dan sebagainya, dari beberapa segi perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan perkhidmatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Beaufort iaitu usaha sentiasa diambil untuk meningkatkan perhubungan di antara perkhidmatan awam negeri dan perkhidmatan awam persekutuan. Kerajaan Pusat telah melaksanakan mekanisme

seperti mesyuarat perhubungan di antara Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perkhidmatan Negeri termasuk Sabah dan Sarawak dan di antara perkara-perkara yang dibincangkan termasuklah bagaimana dapat kita meningkatkan pegawai-pegawai yang berkenaan supaya perkara-perkara yang ada berkaitan itu dapat kita tingkatkan.

Sebenarnya Kerajaan Pusat telah mengambil langkah-langkah supaya ramai lagi pegawai-pegawai atau kakitangan kerajaan dari Sabah dan Sarawak supaya dapat diserapkan di Semenanjung Malaysia dan juga pegawai-pegawai di sebelah Semenanjung dapat dihantar ke Sabah dan Sarawak untuk mengisi jawatan-jawatan yang berkenaan. Ini adalah salah satu cara di mana dapat kita bertukar-tukar pegawai-pegawai kita dan dapatlah kita menjalin perhubungan di antara perkhidmatan di antara kedua-dua Kerajaan Negeri.

Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian, iaitu pengkorporatan institut pengajian tinggi, kerajaan mesti berhati-hati supaya kesannya terhadap kemampuan bumiputera tidak menjadi teruk dan peluang untuk mereka tidak terjejas. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya keputusan mengenai pengkorporatan institut pengajian tinggi akan diumumkan oleh Jemaah Menteri tidak lama lagi, iaitu sama ada bagaimana cara pelaksanaannya akan diumumkan dan berita-berita tentang kenaikan bayaran itu akan bertambah sebanyak 7 kali adalah sebagai satu pengiraan yang telah dibuat oleh Universiti Malaya untuk rujukan sebagai satu rujukan laporan yang dibentangkan untuk kegunaan dalaman. Pihak input kerajaan belum lagi diambil kira dan kerajaan memang sentiasa berjaga-jaga supaya kesannya, khususnya untuk penuntut-penuntut yang

kurang bernasib baik dan kurang berkemampuan tidaklah dilupakan dengan pelaksanaan dasar (polisi) penswastaaan institusi pengajian tinggi ini.

Tujuan supaya institut pengajian tinggi dikorporatkan adalah dianggap sebagai satu cara di mana boleh kita memperbaiki lagi kakitangan perguruan, kakitangan pengajian supaya tenaga perguruan dapat dikekalkan di dalam keadaan di mana persaingan yang begitu hebat yang telah terdapat di kalangan swasta, di mana kalau dapat kita hendak wujudkan satu pusat pengajian tinggi yang baik dan kita percaya selain daripada adanya kemudahan yang baik, tenaga perguruan itu pun begitu penting juga dan ini juga dapat menarik penuntut-penuntut yang baik. Saya memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini iaitu walau apa pun keputusan yang akan dibuat, pihak Kementerian yang berkenaan akan mengambil kira dan memberi perhatian yang khusus supaya kumpulan yang kurang berkemampuan dari segi kewangan itu tidak akan terjejas.

Saya juga mengucapkan terima kasih di atas cadangan Ahli dari Kubang Kerian yang mengatakan *Hansard* seseorang Ahli Yang Berhormat itu dapat dicetak berasingan. Jadi, saya rasa ini adalah satu cadangan yang baik, tetapi, apa salahnya kalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat mencetak atau membukukan ucapan-ucapan yang penting dan dapatlah dicetak berasingan atas tanggungan sendiri dan itu tidak akan menjadi masalah yang besar.

Mengenai pemberian imbuhan kepada guru-guru dalam Kafa itu yang dikatakan belum sampai lagi — kita akan menyiasat. Saya percaya ini memang satu kempen yang dijalankan dan akan dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Mentakab telah menyentuh mengenai hendak meningkatkan pengeluaran tenaga mahir supaya dapat kita menyelesaikan kekosongan ataupun kekurangan jurutera ataupun juruteknik yang kita akan hadapi pada masa akan datang. Sebenarnya, sejajar dengan Dasar Pendidikan kita di negara ini, iaitu kita berhasrat untuk menjadi sebuah negara industri, sebuah negara maju, jadi, institut pengajian tinggi tempatan akan mengoptimumkan kapasitinya, terutamanya dalam bidang sains dan teknologi termasuk memperluaskan pendidikan jarak jauh, begitu juga dengan usaha meningkatkan pendidikan teknik dan galakan penglibatan sektor swasta dalam pendidikan dan latihan.

Ini bermakna kita akan melibatkan pihak-pihak swasta supaya kita juga dapat menambahkan bilangan tenaga mahir dalam jurusan teknik dan vokasional. Yang sebenarnya setakat hari ini, usaha untuk mewujudkan universiti swasta supaya kita dapat membenarkan cawangan-cawangan kampus dari universiti-universiti terkenal dalam dunia ini dapat diadakan di Malaysia ini ialah satu usaha untuk menunaikan ataupun untuk memenuhi permintaan dari segi menambahkan bilangan juruteknik ataupun jurutera dan tenaga mahir. Begitu juga dengan adanya lebih 200 buah institut vokasional ataupun teknikal di mana dapatlah program-program yang profesional, semi-profesional dan split degree dan sebagainya dapat diadakan dan ini pun satu cara dapat kita menyelesaikan masalah seperti yang dikatakan. Cadangan-cadangan yang berikut itu akan diambil kira.

Mengenai projek Rakan Muda yang dikatakan telah ditolak oleh Kerajaan Negeri Kelantan, saya berasa ini adalah satu yang tidak bertanggungjawab oleh

Kerajaan Negeri Kelantan oleh kerana ini adalah satu projek yang baik di mana telah dikatakan kita rakyat Malaysia dan pemuda-pemuda Malaysia mempunyai peluang-peluang yang tertentu dan dapat mencungkil bakat-bakat yang terdapat pada anak kita di mana kalau diberi peluang dan dapat diberi latihan dan dapat diberikan peluang untuk pendedahan kepada keadaan-keadaan tertentu boleh juga kita memanjat ke Gunung Everest. Boleh juga anak kita belayar menyeberangi Lautan Pasifik dengan perahu dan ini adalah satu-satu di mana kalau kita memberikan peluang kepada anak-anak kita, dapatlah kita mencapai prestasi yang cemerlang. Cuma kalau kita masih hendak tunggu di zaman-zaman seperti dahulu dan kita berpuas hati dengan apa-apa yang sejak dahulu sampai hari ini, mungkin kita akan ketinggalan masa dan saya harap Kerajaan Negeri Kelantan akan bertukar sikapnya.

Mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau, saya memang bersetuju tentang pandangan beliau khasnya beliau adalah berasal dari pusat pengajian tinggi dan kerajaan akan mengambil segala pandangan dan cuma satu sahaja iaitu dengan adanya juga cara pengkorporatan institut pengajian tinggi juga dapat mencari sumber kewangannya dan melalui bukan sahaja menambahkan yuran-yuran penuntut-penuntut tetapi juga melalui research and development dan juga dengan adanya pihak kewangan, Kementerian Kewangan juga sedang mula mengkaji sama ada dapat diadakan insentif-insentif tertentu supaya selain daripada gaji dan kemudahan-kemudahan perks dan sebagainya, mungkin ada insentif-insentif lain dapat diadakan supaya dapat dijadikan satu daya penarik kepada tenaga pengajar di institut pengajian tinggi.



Yang Berhormat dari Arau ada menimbulkan beberapa perkara. Yang pertama ialah Kementerian haruslah berhati-hari untuk membenarkan pelajar perubatan swasta menggunakan hospital kerajaan untuk latihan kerana ini mungkin akan menjejaskan peluang pelajar universiti tempatan untuk menggunakan kemudahan ini. Saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu sebelum sesuatu kelulusan diberikan kepada satu-satu maktab swasta yang khususnya di kes ini ialah International Medical College diberikan, kerajaan ambil kira juga sama ada kemudahan yang terdapat di hospital tersebut akan digunakan oleh pelajar-pelajar dari universiti tempatan dan kita akan memastikan supaya pelajar-pelajar dari institut swasta itu tidak akan menjejaskan program latihan pelajar dari universiti tempatan. Langkah ini juga sebagai satu langkah di mana dalam usaha kerajaan untuk menambahkan jumlah pegawai perubatan yang tidak mencukupi di negara kita ini. Ini sebagai satu langkah yang diambil untuk kita mengurangkan kekurangan bilangan pegawai perubatan.

Ahli Yang Berhormat dari Arau juga mengesyorkan Kementerian Pertanian memberi perhatian dan tindakan untuk memelihara dan mencantikkan sungai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, setakat ini Kementerian telah menjalankan beberapa program untuk tujuan ini. Yang pertama, Kementerian ini telah mengadakan landscaping sungai. Yang kedua, telah mengadakan banyak kempen "Cintailah Sungai Kita". Yang ketiga, telah juga mengadakan pertandingan sungai dan yang keempat, mengadakan ceramah kepada budak-budak sekolah mengenai cara-cara memelihara sungai kita. Ada juga usaha-

usaha tertentu di mana termasuk usaha untuk meluruskan, melebarkan dan mendalamkan sungai kita supaya tidak menjadi punca banjir.

Cadangan untuk mewujudkan one-stop agency di dalam proses untuk menubuhkan PUB (Penubuhan Usahawan Bumiputera). Cadangan ini memang bernas dan oleh kerana segala rancangan berkaitan dengan Kementerian ini masih dalam peringkat brain storming dan ini saya percaya akan diambil kira oleh Kementerian yang berkenaan.

Mengenai supaya pelajar-pelajar tempatan, mahasiswa-mahasiswa itu dapat mengadakan Projek Khidmat Siswazah dan diselaraskan dengan projek Rakan Muda memang Kementerian Pendidikan bersiap sedia hendak bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan dan untuk menjayakan projek Rakan Muda dan Kementerian ini juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Arau kerana memberi sokongan yang begitu hebat kepada pemeliharaan kebersihan sungai dan tahniah dan syabaslah.

Yang Berhormat dari Seputeh mengatakan kampung baru yang dikatakan itu adalah mundur dan tidak dijaga oleh kerajaan. Saya rasa ini adalah kenyataan yang liar dan tidak berasas. Sebenarnya, rancangan peruntukan telah diberikan untuk meningkatkan infra-struktur perkampungan — kampung yang dahulunya dikenali sebagai kampung baru.

Walau bagaimanapun, usaha ini adalah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, terutamanya perkampungan ini yang berada di pinggir bandar, iaitu seperti Kampung Salak Selatan. Ini adalah di dalam kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan saya percaya kampung ini memang banyak telah diusaha-

kan, tetapi oleh kerana keadaannya yang begitu teruk dan mungkin mengambil masa yang lebih lama dan projek-projek untuk meningkatkan standardnya mungkin mengambil masa dan perlu dijalankan di dalam peringkat-peringkat yang berasingan.

Sangkaan yang mengatakan ahli-ahli MCA tempatan yang pentingkan diri sendiri melalui projek-projek yang telah diberikan itu, saya rasa ini adalah satu-satu yang liar dan seperti yang saya selalu katakan — buat pun salah; tak buat pun salah, tak tahu apa yang dia mahu dan itulah, memang susah! Seperti yang kita katakan, untuk kem untuk pelarian Vietnam itu, kalau kita dengar, mana ada satu negeri yang dapat memberi perkhidmatan seperti ini? Memberi kem ini untuk satu tahun, dua tahun, 5 tahun atau 10 tahun, tak cukup lagi? Setakat ini, cara kita menangani tunjuk perasaan yang diadakan itu mendapat pujian dari seluruh dunia di mana dapat kita memujuk semua pelarian-pelarian itu masuk balik ke kem masing-masing tanpa sebarang kekerasan.

Saya tak tahulah sama ada oleh kerana pelarian ini telah menggantung sepanduk-sepanduk yang menunjukkan roket yang besar dan juga menunjukkan "kita sokong DAP", itulah yang menyebabkan dia menjadi hero kepada pelarian Vietnam ini?

Ahli Yang Berhormat dari Segambut telah menimbulkan satu cadangan iaitu sama ada dapat dikuatkuasakan supaya tangki air ditanam di bawah tanah, kemudian menyalurkan air dari bumbung itu ke dalamnya dan dapatlah dikatakan boleh menyelesaikan masalah banjir di Kuala Lumpur. Saya rasa, ini memang satu cadangan yang ideal, tetapi mungkin ini akan menambahkan kos kepada

rumah-rumah teres dan juga kita tidak setakat hendak menjimatkan air dengan cara begitu. Kita tidak sampai setakat itu seperti yang terdapat di negeri-negeri yang tertentu.

Dikatakan juga toleransi keagamaan. Saya percaya, Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Barisan Nasional memang pakar dalam menangani dan menyelesaikan masalah-masalah agama di negara kita ini kerana kita sensitif dan kita peka kepada keperluan-keperluan masing-masing iaitu golongan penganut-penganut agama tertentu, khasnya dari segi tempat-tempat beribadat, cara-cara kita dapat menunaikan ibadat kita.

Jadi, ini adalah satu keistimewaan kita dan telah mendapat penghormatan dari seluruh dunia dan telah menjadi satu-satu kes di mana negeri-negeri di dalam dunia ini digalakkan supaya datang ke Malaysia untuk mengkaji bagaimana perkara seperti ini boleh berlaku di mana agama-agama yang berlainan dapat sama-sama hidup dengan mesra.

Saya percaya, pihak berkuasa memang tidak memberi halangan dengan sengaja kepada aktiviti-aktiviti seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat di mana pusat agama itu telah menjalankan aktiviti yang baik untuk masyarakat tempatan. Tetapi, biasanya pihak berkuasa tempatan mengambil satu-satu tindakan terhadap satu-satu aktiviti keagamaan itu adalah atas tuduhan daripada orang ramai di mana mungkin telah menjadi satu punca yang menyebabkan ketentraman tempatan itu terjejas.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah menyebutkan mengapakah Parlimen telah diserapkan dalam JPA. Kalau saya tidak silap, penyerapan ini adalah disebabkan oleh kerana difikirkan kaki-

tangan dalam Parlimen ini mendapat peluang supaya dapat dinaikkan pangkat bila tiba masanya dan dapat juga bertukar ke tempat lain. Ini adalah salah satu sebabnya.

Mengenai sama ada pemberita ditahan tidak dibenarkan berada di lobi untuk mengadakan temuramah ataupun persidangan akhbar, yang sebenarnya kes ini menunjukkan betapa Kerajaan Barisan Nasional sensitif kepada teguran dan pandangan orang ramai dan Ahli Yang Berhormat. Yang sebenarnya, ini berlaku oleh kerana ada di antara kita yang menegur kerana tidak mendapat tempat duduk yang selesa dan aman. Itulah sebabnya mengapa telah dibuat satu keputusan seperti ini. Tetapi bila keputusan ini diumumkan dan didapati maklum balasnya tidak begitu menggalakkan, kerajaan telah membuat keputusan yang berlainan dan memulih balik ke amalan yang lama.

Kalau dari segi kediktatoran, saya rasa kalau diserahkan kepada DAP, mungkin terbaliklah — keputusan telah dibuat dan keputusan ini tidak akan ditarik balik lagi. Ia akan diteruskan dengan sesuatu keputusan yang telah dibuat dan ini adalah lagi satu diktator daripada apa yang kita nampak itu.

Saya percaya, segala soalan yang ditimbulkan, sama ada hendak ditolak ataupun tidak diterima adalah terserah kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan dan saya percaya Tuan Yang di-Pertua Dewan membuat satu-satu keputusan itu adalah berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan yang ada dalam peraturan kita. Memang kita serahkan kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan sama ada sesuatu soalan itu ditolak ataupun diterima sebagai satu soalan Dewan. Kita mempunyai kepercayaan yang begitu hebat

kepada Tuan Yang di-Pertua kita dan saya percaya juga Ahli Yang Berhormat yang banyak pengalaman memang kenal Tuan Yang di-Pertua — Tan Sri kita dan sama-samalah kita menghormati kepada keputusan yang telah dibuat itu. Kalau ada apa-apa yang difikirkan tidak begitu baik, mungkin dapatlah berbincang dengan Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Jelebu iaitu bekas Pengarah JPJ dan cadangannya berkaitan dengan pengangkutan. Cadangan itu memang adalah sebab-sebabnya dan saya percaya jabatan yang berkenaan akan mengambil kira.

Mengenai wad-wad hospital yang masih terdapat yang diperbuat daripada kayu sejak zaman dahulu itu telah diganti dari semasa ke semasa. Yang sebenarnya di bawah Rancangan Malaysia Keenam beberapa hospital daerah yang telah berusia telah diganti baru, misalnya Hospital Daerah Kuala Pilah, Hospital Daerah Segamat, Hospital Daerah Kulim, Hospital Daerah Labuan, Hospital Daerah Miri, Hospital Daerah Port Dickson dan Hospital Daerah Batu Pahat. Rancangan penggantian ini akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Di samping itu, beberapa hospital telah diselenggarakan dengan peruntukan khas penyelenggaraan baru-baru ini iaitu pada tahun 1994 dan 1995.

Saya ucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat dari Senai kerana telah menimbulkan supaya Pusat Kesihatan Kulai itu dapat dinaikkan taraf kepada poliklinik dan menambahkan bilangan doktor. Ini adalah kerana bilangan pesakit yang dirawat setiap hari oleh seorang doktor telah melebihi 200 orang.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Senai, masalah ini mungkin dapat diselesaikan dengan pembukaan Hospital Kulai yang baru yang telah mula beroperasi awal tahun ini. Kementerian juga sedang menghadapi kekurangan doktor untuk dihantarkan secukupnya ke pusat-pusat kesihatan yang mempunyai keperluan. Walaupun demikian, Kementerian sedang mengambil langkah-langkah yang perlu seperti pengambilan doktor kontrak dari luar negeri untuk mengatasi masalah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah juga mengatakan Kementerian Pertanian patut juga menjaga sektor pertanian.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya sekadar ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bila hendak jawab Parit Sulong. Sudah sampai ke Senai.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat, saya suka mengingatkan kalau boleh Yang Berhormat selesaikan jawapan sebelum 8.30.

**Dato' Wong See Wah:** Beri saya dua tiga minit lagi. Iaitu mengenai sektor pertanian di mana difikirkan Kerajaan telah mengabaikan sektor ini. Yang sebenarnya usaha kerajaan bukanlah hendak mengabaikan sektor pertanian. Cuma kerajaan telah mempelbagaikan aktiviti-aktiviti ekonomi iaitu telah kita

mempelbagaikan aktiviti kita dalam berbagai bidang dan untuk sektor pertanian kerajaan telah cuma menjalankan kegiatan pertanian itu secara komersil supaya dapat kita tambahkan produktiviti dan dapat kita kurangkan unit cost.

Mengenai usaha untuk meningkatkan kegiatan pertanian supaya dapat kita menambahkan sumber-sumber makanan, memang kerajaan sentiasa bergiat supaya dapat kita menambahkan sumber-sumber makanan kia baik dari segi padi, sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya. Antara usahanya kerajaan telah mewujudkan Tabung Makanan di mana petani ataupun pengusaha mendapat pinjaman daripada bank untuk menjalankan perusahaan ataupun kegiatan-kegiatan pertanian yang ada kaitan dengan makanan sama ada pemerosesan atau sama ada hendak menjalankan penanaman buah-buahan, sayur-sayuran dan sebagainya dan ini adalah satu-satunya di mana kerajaan mengambil perhatian yang serius.

Mengenai Yang Berhormat dari Parit Sulong yang mengatakan "cara hidup Salem" sebagai satu contoh cara iklan di mana surat khabar bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di mana kita nampak ada perbezaannya. Saya percaya ini adalah satu perkara yang kerajaan memang mengambil kira usaha-usaha di mana kerajaan menghapuskan iklan rokok dan iklan minuman keras.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat, Parit Sulong bangun lagi.

**Dato' Wong See Wah:** Belum lagi. Biar saya habiskan dulu. Boleh! Sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa kita terlalu pendek, Yang Berhormat.

**Dato' Wong See Wah:** Ya, saya faham. Saya faham. Maksudnya ialah apakah ikhtiar Kerajaan supaya dapat kita memperbetulkan gejala-gejala di mana terdapat jumlah pembayaran iklan itu lebih banyak daripada surat khabar Inggeris daripada surat khabar Melayu dan kita akan ambil perhatian . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Menyampuk*)

**Dato' Wong See Wah:** . . . . dan bolehlah kita selesaikan dalam masa lima minit lagi. Mungkin ada yang saya tidak sempat jawab dan saya ucapkan terima kasihlah kepada semua. Yang sempat saya jawab seberapa yang boleh, kalau tidak dapat saya jawab pada hari ini mungkin cadangan yang baik akan diambil kira dan apabila kita baca *Hansard* akan kita cuba memberi perhatian yang secukupnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan

Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Sembilan Puluh Tujuh Juta, Satu Ratus Dua Puluh Ribu, Satu Ratus (RM797,120,100) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan:

- (1) bagi tahun kewangan 1994, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sembilan Puluh Sembilan Juta, Satu Ratus Dua Puluh Ribu, Tujuh Puluh (RM399,120,070) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1994 yang dibentangkan sebagai kertas Perintah 3 Tahun 1995 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesembelas dan keduabelas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1995, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sembilan Puluh Lapan Juta Tiga Puluh (RM398,000,030) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam

ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1995 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kita akan masuk ke Jawatankuasa pada minggu depan hari Isnin. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga jam 2.30 petang hari Isnin.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.30 malam.*